



S A R A W A K

**PENYATA RASMI PERSIDANGAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI**

Sarawak State Legislative Assembly Official Reports and Debates

MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KEDUA
Second Meeting of the Second Session

20 – 29 NOVEMBER 2023

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS
Nineteenth Sarawak State Legislative Assembly

JUMAAT

24 NOVEMBER 2023

(10 JAMADILAWAL 1445H)

KUCHING

Peringatan untuk Ahli Dewan:

Pembetulan yang dicadangkan oleh Ahli Dewan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lewat daripada **14 hari selepas persidangan.**

KANDUNGAN

1.0	PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER.....	1
2.0	PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN-JAWAPAN LISAN	
(167)	Ladang Khinzir.....	1
(168)	Menaik Taraf Jalan Bekas Balak.....	2
(169)	Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB).....	3
(170)	Pembinaan Rumah Mampu Milik dan Projek Lanjutan Kampung Baru.....	5
(171)	Integrity.....	6
(172)	Rumah Kos Rendah di Skim Penempatan Semula (SPS).....	8
(173)	Tambang Bas RM1.....	9
(174)	Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan (DSITKS).....	10
(175)	Menaik Taraf Balingian.....	11
(176)	Education and Health Autonomy.....	12
(177)	Foreign Investment.....	13
3.0	SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024), 2023 DAN USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2024	
	<i>[Perbahasan daripada Ahli Dewan Biasa berkaitan Supply (2024) Bill, 2023]</i>	
(1)	YB Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor – (DUN N.28 Lingga).....	14
(2)	YB Encik Allan Siden Gramong – (DUN N.50 Machan).....	18
(3)	YB Encik Awla bin Dris – (DUN N.25 Simunjan).....	22
(4)	YB Encik Royston bin Valentine – (DUN N.57 Tellian).....	25
(5)	YB Encik Billy anak Sujang – (DUN N.1 Opar).....	31
(6)	YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang – (DUN N.61 Pelagus).....	35
(7)	YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang – (DUN N.59 Tamin).....	38
(8)	YB Encik John anak Ilus – (DUN N.23 Bukit Semuja).....	42
(9)	YB Encik Anyi anak Jana – (DUN N.49 Ngemah).....	46
(10)	YB Encik Johnichal Rayong anak Ngipa – (DUN N.33 Engkilili).....	49
(11)	YB Datuk Mong anak Dagang – (DUN N.31 Bukit Begunan).....	53
(12)	YB Dato Paulus Palu Gumbang – (DUN N.80 Batu Danau).....	56
(13)	YB Encik Mohd Chee bin Kadir – (DUN N.40 Kabong).....	60
(14)	YB Tuan Haji Razaili Bin Haji Gapor – (DUN N.29 Beting Maro).....	63
4.0	PENANGGUHAN MESYUARAT.....	68

SARAWAK
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Penyata Rasmi

MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KEDUA

Jumaat, 24 November 2023

Dewan bermesyuarat di Petra Jaya, Kuching pada pukul 9.07 pagi

HADIR

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar P.S.M., D.A., P.N.B.S., D.S.A.P., D.I.M.P., P.B.K., P.C.E. (Emas) <i>Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	
2.	Yang Berhormat Dato Haji Idris bin Haji Buang P.S.B.S., D.I.M.P., A.M.N., P.B.S., A.B.S., P.C.D., P.J.P.N., P.T.E. <i>Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	<i>N.16 Muara Tuang</i>
3.	Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg D.P., P.M.N., D.A., P.N.B.S., J.B.S., P.C.E. <i>Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar</i> <i>Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar</i>	<i>N.26 Gedong</i>
4.	Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua</i> <i>Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan</i>	<i>N.37 Bukit Saban</i>
5.	Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua</i> <i>Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan</i>	<i>N.82 Bukit Sari</i>
6.	Yang Berhormat Datuk Amar Dr Sim Kui Hian D.A., P.N.B.S., P.J.N., P.B.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i>	<i>N.14 Batu Kawah</i>
7.	Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti</i>	<i>N.56 Dalat</i>
8.	Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom P.N.B.S., P.J.N., A.B.S., P.B.E., P.C.E. <i>Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah</i>	<i>N.69 Kemena</i>

9. Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., P.B.E.
*Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan
Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan* N.15 Asajaya
10. Yang Berhormat Dato Sri Lee Kim Shin
P.N.B.S., P.J.N., K.M.N., P.B.S., P.P.B., B.B.S., P.B.E.
Menteri Pengangkutan N.75 Senadin
11. Yang Berhormat Dato Sri John Sikie anak Tayai
P.N.B.S., P.J.N., P.B.S., P.B.E.
Menteri di Jabatan Premier N.60 Kakus
12. Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., K.M.N., P.P.D., P.B.E.
Menteri Utiliti dan Telekomunikasi N.27 Sebuyau
13. Yang Berhormat Dato Sri Roland Sagah Wee Inn
P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.K., P.B.S., P.B.E.
Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat N.20 Tarat
14. Yang Berhormat Datuk Gerawat Gala
P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K.
*Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Buruh, Imigresen dan
Pemantauan Projek)* N.78 Mulu
15. Yang Berhormat Datuk Francis Harden anak Hollis
P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., P.B.E.
*Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat
(Pembangunan Bakat)* N.32 Simanggang
16. Yang Berhormat Datuk Dr Jerip anak Susil
P.G.B.K., A.M.N., P.B.E.
Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya) N.19 Mambong
17. Yang Berhormat Datuk Liwan Lagang
P.J.N., P.P.N., K.M.N., J.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Telekomunikasi) N.65 Belaga
18. Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus
P.G.B.K., J.B.K., P.P.B., P.P.S., P.T.E., P.B.E.
*Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan
Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak)* N.71 Bekenu
19. Yang Berhormat Datuk Haji Len Talif Salleh
P.G.B.K., D.J.B.S., P.B.K., P.P.B.
*Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan
Alam Sekitar* N.41 Kuala Rajang
20. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi
P.G.B.K., J.B.S., A.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) N.4 Pantai Damai

21. Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali
P.G.B.K., P.T.E., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) N.7 Samariang
22. Yang Berhormat Datuk Dr Malcolm Mussen anak Lamoh
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan N.34 Batang Ai
23. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail
P.G.B.K., A.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) N.79 Bukit Kota
24. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) N.55 Nangka
25. Yang Berhormat Datuk Dr Penguang Manggil
P.G.B.K., D.J.B.S., K.M.N., P.P.C., P.P.B., P.P.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kerajaan Tempatan) N.76 Marudi
26. Yang Berhormat Datuk Snowdan Lawan
P.G.B.K., A.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan) N.30 Balai Ringin
27. Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Saidol
P.G.B.K., J.B.K., P.T.E.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Hal Ehwal Korporat dan Unit Komunikasi Awam Sarawak) N.42 Semop
28. Yang Berhormat Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) N.24 Sadong Jaya
29. Yang Berhormat Datuk Dr Ripin bin Lamat
P.G.B.K., J.B.K., K.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Usahawan) N.72 Lambir
30. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar N.5 Demak Laut
31. Yang Berhormat Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Komoditi & Pembangunan Wilayah) N.22 Kedup

32. Yang Berhormat Datuk Ricky @ Mohammad Razi bin Sitam
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Kesejahteraan Komuniti) N.35 Saribas
33. Yang Berhormat Dato' Murshid DiRaja Dr Juanda bin Jaya
P.G.B.K., DATO' MURSHID DIRAJA, S.S.P.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman) N.44 Jemoreng
34. Yang Berhormat Dato Gerald Rentap Jabu
P.S.B.S., A.B.S., P.P.N., J.B.K.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Belia dan Sukan) N.36 Layar
35. Yang Berhormat Dato Majang anak Renggi
P.S.B.S., P.B.K., A.B.S.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Pelabuhan) N.70 Samalaju
36. Yang Berhormat Datuk Jefferson Jamit anak Unyat
P.G.B.K., B.B.S., P.B.S., K.M.N., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) N.63 Bukit Goram
37. Yang Berhormat Datuk Michael Tiang Ming Tee
P.G.B.K., P.B.S.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan) N.54 Pelawan
38. Yang Berhormat Dato Ibrahim bin Baki
A.B.S., J.B.S., P.S.B.S. N.8 Satok
39. Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing
P.J.N., P.N.B.S., D.P.M.K., D.P.M.K., S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. N.52 Dudong
40. Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii
D.I.M.P., S.S.A.P. N.45 Repok
41. Yang Berhormat Tan Sri William Mawan anak Ikom
P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. (Emas) N.47 Pakan
42. Yang Berhormat Datuk Mong anak Dagang
P.G.B.K., J.M.N., P.B.S., P.P.D., P.B.K., P.B.E. N.31 Bukit Begunan
43. Yang Berhormat Dato Paulus Palu Gumbang
P.S.B.S., A.M.N., P.B.S., J.B.K., P.T.E. N.80 Batu Danau
44. Yang Berhormat Tuan Haji Razaili bin Haji Gapor
P.T.E., P.B.S. N.29 Beting Maro
45. Yang Berhormat Datuk Ding Kuong Hiing
P.J.N., A.B.S. N.46 Meradong
46. Yang Berhormat Puan Violet Yong Wui Wui N.10 Pending
47. Yang Berhormat Dato Sri Wong Soon Koh
P.N.B.S., P.G.B.K., A.B.S., P.C.E. N.53 Bawang Assan

48. Yang Berhormat Encik Johnichal Rayong anak Ngipa
J.B.S., P.T.E. *N.33 Engkilili*
49. Yang Berhormat Dato Ir. Lo Khere Chiang
P.S.B.S., B.B.S., J.B.K. *N.13 Batu Kitang*
50. Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong anak Ijang
A.M.N., K.M.N., J.B.S. *N.61 Pelagus*
51. Yang Berhormat Encik Miro anak Simuh
P.B.S. *N.18 Serembu*
52. Yang Berhormat Encik John anak Ilus
P.B.S., A.P.S. *N.23 Bukit Semuja*
53. Yang Berhormat Encik Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman
J.B.K., P.B.S. *N.6 Tupong*
54. Yang Berhormat Encik Awla bin Dris
P.B.S., A.B.S. *N.25 Simunjan*
55. Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang
P.B.K. *N.59 Tamin*
56. Yang Berhormat Encik Rolland Duat anak Jubin *N.48 Meluan*
57. Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi
B.B.S., A.B.S., K.M.N., J.B.K. *N.58 Balingian*
58. Yang Berhormat Encik Safiee bin Haji Ahmad
J.B.K., P.P.B. *N.43 Daro*
59. Yang Berhormat Encik Baru Bian *N.81 Ba'Kelalan*
60. Yang Berhormat Encik Kennedy Chukpai Ugon
J.B.S., P.P.N., A.B.S. *N.66 Murum*
61. Yang Berhormat Encik Allan Siden Gramong
P.B.S., A.B.S. *N.50 Machan*
62. Yang Berhormat Encik Mohd Chee bin Kadir
A.B.S., P.B.S., P.J.P.N., J.B.S. *N.40 Kabong*
63. Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Haji Brahim
A.M.N., P.M.W. *N.17 Stakan*
64. Yang Berhormat Encik Adam Yii Siew Sang
A.B.S. *N.74 Pujut*
65. Yang Berhormat Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor
P.B.S. *N.28 Lingga*
66. Yang Berhormat Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada
A.B.S., P.B.S., K.M.N. *N.21 Tebedu*
67. Yang Berhormat Encik Billy anak Sujang
P.B.S., P.P.B. *N.1 Opar*

- | | | |
|-----|--|-------------------|
| 68. | Yang Berhormat Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan
P.B.S. | N.3 Tanjong Datu |
| 69. | Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin
P.B.S., K.M.N. | N.12 Kota Sentosa |
| 70. | Yang Berhormat Encik See Chee How | N.11 Batu Lintang |
| 71. | Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Duri
P.B.K., A.B.S. | N.38 Kalaka |
| 72. | Yang Berhormat Encik Friday anak Belik
A.B.K., P.P.S., P.P.B., P.B.K., P.P.C. | N.39 Krian |
| 73. | Yang Berhormat Encik Anyi anak Jana
P.B.K. | N.49 Ngemah |
| 74. | Yang Berhormat Encik Chieng Jin Ek
P.B.S. | N.51 Bukit Assek |
| 75. | Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine
J.B.K., A.B.S. | N.57 Tellian |
| 76. | Yang Berhormat Encik Lidam anak Assan
P.B.S. | N.62 Katibas |
| 77. | Yang Berhormat Encik Nicholas Kudi anak Jantai
P.B.S. | N.64 Baleh |
| 78. | Yang Berhormat Encik Johnny Pang Leong Ming
P.B.S. | N.68 Tanjong Batu |
| 79. | Yang Berhormat Encik Iskandar bin Turkee | N.67 Jepak |

TIDAK HADIR

(Kebenaran di bawah Peraturan Mesyuarat 81)

- | Bil. | Nama | Konstituensi |
|-------------|---|---------------------|
| 1. | Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew
P.J.N., D.I.M.P., A.B.S.
<i>Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni
Persembahan (Pelancongan)</i> | N.73 Piasau |
| 2. | Yang Berhormat Dato Henry Harry anak Jinep
P.S.B.S., A.B.S.
<i>Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut)</i> | N.2 Tasik Biru |
| 3. | Yang Berhormat Dato Dennis Ngau
P.S.B.S., J.B.S., P.B.S., P.T.E., B.B.S. | N.77 Telang Usan |
| 4. | Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen | N.9 Padungan |

TURUT HADIR

1. Encik Pele Peter Tinggom
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. Encik Abang Mohammad Adib bin Abang Sallehadin
Pemangku Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak

3. Inspektor Ahmad Khairul Aiman bin Hassan
Bentara Mesyuarat
4. Inspektor Nelson anak Ensit
Bentara Mesyuarat
5. Encik Abang Nasiruddin bin Abang Mohd Khalid
Bentara Mesyuarat
6. Encik Hadyan bin Abd Rahman
Bentara Mesyuarat
7. Inspektor Dylan Tan Hock Ming
Bentara Mesyuarat
8. Inspektor Nizle anak Junep
Bentara Mesyuarat

PETUGAS PERSIDANGAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

- | | |
|--|--|
| 1. Encik Syed Rezif Afham bin Wan Alwi | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |
| 2. Cik Christie Sereni anak Philimon | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |

PEMBAKA PRUF

- | | |
|-------------------------------|--|
| 1. Puan Coretta Herliana Kura | <i>Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak</i> |
| 2. Encik Shamsul Idzham Jamil | <i>Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak</i> |

JURUTRENGKAS

- | | |
|---|---|
| 1. Puan Sharlina binti Mushar | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</i> |
| 2. Puan Malin anak Arit | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</i> |
| 3. Puan Khadijah Dato Haji Khaider | <i>Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak</i> |
| 4. Puan Olivia Batan | <i>Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak</i> |
| 5. Puan Katerin Jemali @ Maria Jamali | <i>Dewan Bandaraya Kuching Utara</i> |
| 6. Puan Doris anak Francis Harris | <i>Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</i> |
| 7. Puan Meri Sabas | <i>Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</i> |
| 8. Puan Noorina binti Hamdan | <i>Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</i> |
| 9. Puan Ratna Airnwati binti Haji Md. Junaidi | <i>Perbadanan Pembangunan Perumahan</i> |
| 10. Puan Sabtuyah binti Adeng | <i>Perbadanan Pembangunan Perumahan</i> |
| 11. Puan Zuriawati binti Mohd Laili | <i>Pustaka Negeri Sarawak</i> |
| 12. Encik Azhwan bin Bujang | <i>Regional Corridor Development Authority</i> |
| 13. Encik Mohd Alfadjer bin Tuah | <i>Pejabat Residen Bahagian Kuching</i> |
| 14. Puan Dorina Asort | <i>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak</i> |
| 15. Puan Florence Jalong | <i>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak</i> |
| 16. Puan Leidiana binti Azahari | <i>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak</i> |
| 17. Puan Noor Afifah binti Bahaudin | <i>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak</i> |
| 18. Puan Dayang Duraiza binti Haji Awang Jangka | <i>Lembaga Sumber Asli & Alam Sekitar Sarawak</i> |
| 19. Puan Anieta Sylvester Pungga | <i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i> |
| 20. Puan Juliana Lugom | <i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i> |
| 21. Puan Rosemary Langub | <i>Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak</i> |
| 22. Puan Derna anak Johin | <i>Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak, Jabatan Premier Sarawak</i> |

- | | | |
|-----|-----------------------------------|---|
| 23. | Puan Azah Mohamad Jally | <i>Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak</i> |
| 24. | Puan Rosline anak Dominic Maon | <i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i> |
| 25. | Puan Nur Izzatul Fatimah Abdullah | <i>Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak</i> |
| 26. | Puan Emely anak Edmund Beatie | <i>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Sarawak</i> |
| 27. | Puan Nurhaida binti Amin | <i>Jabatan Penyiaran Kawasan Sarawak, Jabatan Penyiaran Negeri Sarawak</i> |
| 28. | Puan Dzuridah binti Haji Sariee | <i>Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Perancangan Ekonomi dan Pembangunan), Jabatan Premier Sarawak</i> |
| 29. | Puan Valarie Jane anak Aitman | <i>Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri</i> |

RAKAMAN PROSIDING

- | | | |
|----|--|----------------------------------|
| 1. | Puan Nordiana binti Rabae | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 2. | Encik Vong Choon Chan | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 3. | Puan Siti Nazilafatullaini binti Sukri | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 4. | Encik Fareez Azizi bin Zakeria | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 5. | Encik Wan Mohamad Zaki bin Wan Alias | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |

JURUCETAK

- | | | |
|----|-------------------------------------|--|
| 1. | Encik Awang Faizul bin Awang Aboone | <i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i> |
| 2. | Encik Vincent Vyner ak Tubom | <i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i> |

JURUTEKNIK IT

- | | | |
|----|-------------------------------------|--------------|
| 1. | Encik Abang Hasmadi bin Abang Wahab | <i>SAINS</i> |
| 2. | Encik Alan Chai | <i>SAINS</i> |
| 3. | Encik Syordi Lokman | <i>SAINS</i> |
| 4. | Encik Brandon Lim | <i>SAINS</i> |

MESSENGER

- | | | |
|----|---|---|
| 1. | Encik Mohamad Zahari bin Hamden | <i>Jabatan Agama Islam Sarawak</i> |
| 2. | Encik Lawrence Encharang | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 3. | Encik Helmy bin Abdul Rahman | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 4. | Encik Shah Riwandy Sia bin Ridzuan | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 5. | Encik Mohammad Zaidi bin Rambli | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 6. | Encik Edry Saiful bin Abdul Hamid | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 7. | Encik Mohd Sahfizal Atoy bin Mohamad Faizal | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 8. | Encik Mohamed Nazeerudin bin Gulam Mohamed | <i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i> |

ANGGOTA STAF DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

1. Cik Noria binti Suut
2. Puan Nur Azira binti Abdul Kadir
3. Puan Rabiah binti Abdul Kadir
4. Puan Aisha Parveen binti Badron
5. Encik Abdul Rahman bin Suaidi
6. Puan Siti Norhiza binti Mohammad Yusri
7. Puan Hanisah Abdullah
8. Cik Siti Halimah binti Mohamad Nawawi
9. Puan Hasfarini binti Hassim
10. Cik Nurhaffizah Abdullah

11. Cik Natasha Nadia binti Mohd. Saidi
12. Puan Angela Lisa anak Mathew Linol
13. Encik Felix Aaron anak Michael
14. Cik Calista Abbie anak Sapa @ Patrick Sapa
15. Puan Norziana binti Haji Ahmad
16. Encik Mohd Hasfia bin Abdullah
17. Puan Nur Eliana Abdullah
18. Puan Nazmah binti Darham
19. Puan Tracy Lyana anak Bana
20. Encik Mohd Zulkhairi bin Mohammad Hejemi
21. Puan Dayang Nazira binti Abang Martaza
22. Puan Jasmine Sinja anak Robinson
23. Puan Dayang Noorazilla binti Jasni
24. Cik Parcelia Renyelia anak Pamg
25. Cik Nur Zafirah binti Affendy Michael
26. Puan Deidre anak Wilson
27. Encik Muhammad Elliyas bin Matali
28. Cik Siti Nur Marsitah binti Roslan
29. Puan Nur Amira Lystiani binti Poniman
30. Encik Razali bin Awi
31. Puan Nora binti Atem
32. Encik Zahari bin Bolhi
33. Encik Lukas Jammany anak Kated
34. Encik Hazrin Syah bin Hamzah
35. Encik Salman bin Jaya
36. Encik Alwie bin Haji Ali
37. Encik Romzi bin Bujang
38. Encik Musa bin Julai
39. Cik Hawa binti Morsad
40. Puan Suraya binti Hamden
41. Puan Noraisah binti Ahmad
42. Cik Siti Zalilah binti Samsawi

PELAJAR PRAKTIKAL

1. Cik Siti Zubaidah binti Arip
2. Cik Amyna A'eisya binti Ranani

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.07 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

DOA

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER

Tuan Speaker: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi dan Salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, I have granted leave of absent under Standing Order 81 to the Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Ciew Yew, Deputy Minister for Tourism, Creative Industry and Performing Arts (Tourism), and the Honourable Member for N.73 Piasau for today's sitting and the Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen Honourable Member for N.9 Padungan for today's sitting; and Monday until Wednesday next week sitting.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada, Tebedu.

YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya nak tanya soalan ini dalam saya nak beri satu pantun lah untuk menyemarakkan persekitaran kita pada pagi ini.

*Anak buaya di air keruh,
Soalan saya nombor 167.*

Ladang Khinzir

(167) YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak: "*African Swine Fever (ASF)*" yang berlaku di Sarawak telah menjejaskan pengeluaran daging khinzir menyebabkan ladang-ladang ditutup dan harga daging khinzir meningkat. Adakah Kementerian dan Jabatan Veterinar bercadang untuk membenarkan ladang yang baru di Bahagian lain untuk menambah pengeluaran domestik dan eksport?

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Komoditi dan Pembangunan Wilayah) (YB Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben): Terima kasih dan Selamat pagi Tuan Speaker. Siapa yang buaya ini? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tebedu, Kementerian saya membenarkan pembukaan ladang-ladang baharu untuk beroperasi sekiranya syarat-syarat *Modern Pig Farming (MPF)* dipenuhi terutamanya amalan biosekuriti ladang yang baik. Pemohon baharu juga perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) untuk tujuan pemeriksaan dan mendapatkan khidmat nasihat. Sekian terima kasih.

YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada: *(Soalan Tambahan)* Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan sebentar tadi. I have two supplementary questions.

- (a) Berapa banyak ladang khinzir berskala komersial yang masih beroperasi sehingga kini dan jumlah pengeluaran setahun?
- (b) Adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk membangunkan kawasan khas pengeluaran khinzir berskala besar di Sarawak?

Terima kasih.

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Komoditi dan Pembangunan Wilayah) (YB Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben): Terima kasih saudara Ahli

Yang Berhormat bagi Tebedu. Untuk menjawab dua soalan tambahan. Yang pertama, setakat ini terdapat sepuluh ladang khinzir komersial yang masih beroperasi dengan jumlah anggaran pengeluaran sebanyak 250,000 ekor setahun. Jumlah ini mencukupi untuk menampung keperluan tempatan dan pasaran eksport, iaitu Singapura.

Bagi menjawab soalan nombor dua, satu kawasan telah diluluskan bagi tujuan kawasan *Pig Farming Area (PFA)* di Sg. Selabi, Selangau di Bahagian Sibu dengan keluasan 233 hektar. Pada ketika ini, Kementerian sedang mengenal pasti pengusaha bagi PFA tersebut. Apabila beroperasi sepenuhnya, ia berpotensi untuk mengeluarkan sebanyak 250,000 *live porkers* setahun. Selain itu, Kerajaan telah mengenal pasti tapak di Samarakan, Bintulu untuk dibangunkan sebagai PFA yang baharu. Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak juga telah menerima permohonan daripada sektor swasta untuk menggunakan tapak sendiri bagi membangunkan kawasan ternakan khinzir berskala komersial. Permohonan tersebut akan diproses dan dinilai berdasarkan garis panduan penubuhan *Modern Pig Farm (MPF)*. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Kennedy Chukpai Ugon, Murum.

YB Encik Kennedy Chukpai Ugon: Terima kasih, Tuan Speaker. Selamat pagi, Salam sejahtera.

*Tanam padi luas terbentang,
Wangi harum haba rerumputan,
Mari julang bangsa terbilang,
Perpaduan kaum kita eratkan.*

*Terima kasih, Tuan Speaker,
Soalan saya no. 168,
Mohon Yang Berhormat Menteri memberi jawapan.*

Menaik Taraf Jalan Bekas Balak

(168) YB Encik Kennedy Chukpai Ugon bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak: Bilakah Kerajaan akan menaik taraf jalan bekas balak di pedalaman Sarawak terutamanya di DUN N.66 Murum seperti yang telah diwar-warkan?

Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) (YB Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo): Tuan Speaker, terima kasih. Terima kasih juga dengan Ahli Yang Berhormat bagi Murum dengan soalan dan pantun yang begitu indah sekali. Dan jawapannya juga menggemirakan bagi Ahli Yang Berhormat bagi Murum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Murum, kerja-kerja menaik taraf bekas jalan balak di DUN Murum akan dilaksanakan melalui Projek Naik Taraf Bekas Jalan Balak Negeri Sarawak (Fasa IV): Bahagian Bintulu di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Tender untuk Projek Menaik Taraf Bekas Jalan Balak (Fasa IV) di Bahagian Bintulu, di kawasan DUN Murum ini yang bernilai RM17.4 juta telah dikeluarkan pada 30 Mei tahun ini dan buat masa ini penilaian tender iaitu *tender evaluation* telah dikemukakan kepada pihak KKDW untuk keputusan oleh Lembaga Perolehan KKDW. Dan sekiranya terdapat kontraktor yang berjaya nanti, maka, projek ini akan dijangka bermula pada Disember tahun ini. Dan projek ini yang melibatkan pembangunan bekas jalan-jalan balak, *none active logging road*, di kawasan *terrain* yang bergunung-ganang iaitu *mountainous terrain* yang kawasannya berhampiran dengan Jalan Ulu Jelalong dan ia direka bentuk untuk memenuhi piawaian standard Jalan JKR R1 dan standard Jalan JKR R1(a). Sekian, terima kasih.

YB Encik Kennedy Chukpai Ugon: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan:

(a) Berapa lamakah jangka masa tempoh pembinaan projek ini?

(b) Apakah skop kerja projek ini?

Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) (YB Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Murum dengan dua soalan tambahan tadi.

Yang pertama, jangka masa tempoh pembinaan yang dicadangkan untuk projek kontrak ini adalah setahun setengah iaitu 18 bulan dan untuk soalan yang kedua, skop kerja bagi projek ini adalah untuk menaik taraf bekas jalan-jalan balak dari Rumah Julaihi Ketu dan Rumah Umak Resa yang jumlah panjang keseluruhannya 7.256 kilometer iaitu di Rumah Umak Resa sepanjang 4.434 kilometer dan di Rumah Julaihi Ketu sepanjang 2.822 kilometer dan di Rumah Aban sepanjang 50 meter. Dan ia juga meliputi pembinaan sebanyak 16 buah *culvert* di sepanjang laluan daripada Rumah Julaihi Ketu ke Rumah Umak Resa. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Billy anak Sujang, Opar.

YB Encik Billy anak Sujang: Terima kasih, Tuan Speaker.

*Pergi memancing ikan sembilang;
Sambil berdiri atas jambatan;
Soalan saya nombor satu enam sembilang;
Silakan YB Menteri beri jawapan.*

Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)

(169) YB Encik Billy anak Sujang bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi: Terdapat sebilangan penduduk luar bandar yang mana rumah mereka terletak agak jauh dari talian utama bekalan elektrik. Penyambungan akan menelan kos yang agak tinggi. Apakah tindakan Kementerian untuk membantu golongan ini mendapat bekalan elektrik di bawah Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)?

Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) (YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada rakan Yang Berhormat bagi N.1 Opar. *Kelak saya nyawab* pantun masa minum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Opar, Kerajaan Sarawak telah memperkenalkan satu inisiatif bantuan dalam pembekalan elektrik seluruh Sarawak yang disebut sebagai *Additional Late Applicant Fund* (ALAF) yang telah pun kita mulakan melalui Kementerian Utiliti dan Komunikasi (Utiliti) pada tahun 2018 di bawah Projek Rakyat. Tujuan ALAF ini diwujudkan ialah untuk memastikan bahawa semua rumah yang ada di Sarawak, khasnya di kawasan luar bandar dan pedalaman mendapat bekalan elektrik. Ditumpukan kepada rumah-rumah baru dibina dan juga rumah-rumah yang tertinggal semasa sesuatu Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dilaksanakan suatu ketika di kawasan tersebut. Dan Projek ALAF ini dengan penyambungan bekalan elektrik ke rumah-rumah masih diteruskan secara berperingkat sehinggalah kepada tahun dan juga pada tahun-tahun yang akan datang.

Pemilik-pemilik rumah yang terlibat bolehlah mengemukakan permohonan ALAF ini kepada Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi melalui Pejabat Daerah di kawasan masing-masing dan setiap permohonan mestilah mendapat pengesahan daripada Wakil Rakyat sama ada ADUN ataupun Ahli Parlimen tempat masing-masing. Dan permohonan hanya untuk kediaman rumah yang telah lengkap, sama ada rumahnya ataupun rumah panjang yang telah pun lengkap sepenuhnya. Kerana sebahagian daripada permohonan ini kadang-kadang ditolak dan ada yang bertanya kenapa mereka ditolak. Kerana struktur rumah tersebut tidak lengkap. Kadang-kadang hanya tiang sahaja ataupun hanya struktur asas rumah sahaja. Tidak ada pintu, tidak ada tingkap, tidak ada atap. Jadi, permohonan tersebut ditolak. Jadi, pastikan bahawa rumah itu lengkap sama ada rumah, sebuah

rumah ataupun rumah panjang yang telah memohon untuk Projek ALAF. Terima kasih, Terima kasih Tuan Speaker.

*Bunga Selasih dalam Almari,
Terima kasih YB Timbalan Menteri.*

YB Encik Billy anak Sujang: (*Soalan Tambahan*) Di sini Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan:

- (a) Apakah status terkini pelaksanaan Projek ALAF ataupun *Additional Late Applicant Fund* (ALAF) di DUN N.1 Opar dan kampung-kampung manakah yang sedang dalam pelaksanaan Projek ALAF di DUN Opar?
- (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mempercepatkan Projek ALAF ini?

Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) (YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman Bin Haji Junaidi): Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Opar.

Untuk menjawab soalan yang pertama, bagi DUN Opar sebanyak 48 buah kampung dengan jumlah isi rumah sebanyak 706 buah telah pun menikmati bekalan elektrik di bawah Projek ALAF ini sejak tahun 2020. Selain daripada itu, lima buah kampung lagi yang merangkumi 161 isi rumah sedang dalam pelaksanaan sekarang dan dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua tahun hadapan, tahun 2024. Untuk DUN Opar, Projek ALAF yang sedang dilaksanakan ialah di Kampung Opar, Kampung Bokah, Kampung Stungkor Baru, Kampung Stungkor Lama dan Kampung Bitokan.

Bagi soalan yang kedua di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi bersama agensi pelaksana iaitu Sarawak Energy Berhad (SEB) bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek ALAF di seluruh Sarawak adalah seperti berikut:

- (a) Menambahkan bilangan kontraktor dan juga juru perunding dalam pelaksanaan Projek ALAF;
- (b) Menambahkan bilangan *competent person* dalam kerja-kerja pendawaian dan juga pemasangan elektrik;
- (c) Menyediakan pakej yang lebih besar. Maksudnya, sebuah syarikat yang mengambil bahagian, yang mendapat kontrak itu bilangan pakejnya diperbesarkan supaya ianya lebih, lebih menguntungkan;
- (d) Pelaksanaan projek mengikut *first come, first serve basis*;
- (e) Membuat semakan semula kepada kos projek supaya selaras dengan kadar kenaikan harga bahan-bahan binaan di pasaran.

Ini adalah antara perkara-perkara yang telah dikemukakan dalam perbincangan kita dengan pihak konsultan-konsultan yang terlibat dengan Projek ALAF suatu ketika dahulu. Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong anak Ijang, Pelagus.

YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya no.170.

Pembinaan Rumah Mampu Milik dan Projek Lanjutan Kampung Baru

(170) YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar. Adakah Kementerian mengenal pasti atau menyediakan tapak untuk membina Rumah Mampu Milik dan Projek Lanjutan Kampung Baru di Pekan Kapit?

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (YB Datuk Haji Len Talif Salleh): Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Pelagus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pelagus, Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) akan melaksanakan Projek Pembangunan Semula Kampung Baru Kapit di mana satu tapak seluas 24.42 ekar telah dikenal pasti untuk pertimbangan Majlis Perancangan Negeri. Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) Sarawak merancang untuk membina 73 unit Rumah SPEKTRA Permata (RSP) khusus untuk menempatkan penduduk Kampung Baru sedia ada yang terlibat dengan pembangunan semula kampung tersebut. Keadaan bentuk muka bumi tapak menjadi kekangan dan menghadkan jumlah lot kediaman yang boleh dibangunkan.

Di samping itu, melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Jabatan Tanah dan Survei akan melaksanakan Skim Penempatan Semula (SPS) Selirik yang akan menyediakan 91 lot kediaman. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur berspesifikasi baharu dijangka akan bermula pada bulan Januari 2024 dan siap pada penghujung tahun 2025. Terima kasih.

YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih di atas jawapan, Yang Berhormat Menteri. Saya dua soalan tambahan:

- (a) Bagi SPS Selirik yang akan dilaksanakan, berapakah kos yang dianggarkan untuk membina kesemua 91 lot kediaman tersebut dan kos yang dibayar oleh *allottee* sekiranya Surat Hak Milik Tanah dikeluarkan kepada mereka?
- (b) Selain rumah kediaman, apakah komponen-komponen lain yang dicadangkan oleh Kerajaan bagi Projek Pembangunan Kampung Baru Kapit?

Terima kasih.

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (YB Datuk Haji Len Talif Salleh): Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat bagi Pelagus.

Untuk jawapan soalan nombor satu, nilai siling sejumlah RM223.1 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan SPS Selirik dalam RMK-12. Skop projek ini termasuklah kerja-kerja pengambilan balik tanah untuk tapak berkeluasan 61 ekar. Kerja-kerja infrastruktur berspesifikasi baru yang merangkumi jalan berturap, sistem perparitan konkrit, sistem retikulasi air, penembokan tanah dan bekalan elektrik untuk 91 lot kediaman di dalam skim tersebut. Ini bermakna kos penyediaan satu lot dianggarkan berjumlah lebih kurang RM250,000 berbanding dengan bayaran premium tanah berjumlah tidak melebihi RM2,500 satu lot yang perlu dibayarkan oleh pemilik tanah sekiranya Surat Hak Milik Tanah dikeluarkan pada mereka. Ini menunjukkan betapa prihatinnya Kerajaan GPS terhadap kebajikan rakyat.

Untuk soalan kedua, dari segi kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh LCDA dalam projek ini, Projek Pembangunan Kampung Baru Kapit akan mengambil kira keperluan-keperluan penduduk tempatan bagi mewujudkan satu kawasan penempatan yang kondusif dan teratur. Oleh itu, Kerajaan merancang untuk menyediakan komponen-komponen seperti berikut:

- (a) Rumah kedai (mengikut keperluan);
- (b) Stesen minyak (kawasan lapang); dan
- (c) Kemudahan utiliti seperti kolam tadahan, *drain reserve* dan *SESCO Sub Station*.

Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dato Ibrahim bin Baki, Satok.

YB Dato Ibrahim bin Baki: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya no.171.

Integriti

(171) YB Dato Ibrahim bin Baki to ask the Premier of Sarawak: What are the initiatives implemented by the Sarawak Government to ensure transparency, accountability, and good governance in the Sarawak Civil Service other than setting up an Integrity Unit and placement of Certified Integrity Officers?

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman) (YB Dato' Murshid DiRaja Dr Juanda bin Jaya): Tuan Speaker, memandangkan soalan berkaitan integriti jarang naik dalam sidang ini, saya mulakan dengan pantun untuk ADUN bagi Satok.

*Yang Berhormat Satok ADUN yang hebat;
Bijak berdebat soalan pun tepat;
Sarawak Maju Makmur jadi matlamat;
Bila Integriti dan Ombudsman dilaksana diperkuat.*

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Satok, bagi memastikan semua penjawat awam Sarawak mengamalkan serta mempraktikkan ketelusan, akauntabiliti, dan tadbir urus yang baik, atau *good governance* ataupun dalam bahasa madaninya, tatakelola yang baik. Banyak inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak. Antaranya ialah:

- (a) Program Jelajah Integriti seluruh Negeri Sarawak;
- (b) Pelaksanaan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) pada peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Amar Setiausaha Kerajaan Sarawak dan agensi-agensi;
- (c) Penubuhan Jawatankuasa Ombudsman Sarawak (JONS) yang setelah Ordinan Ombudsman berkuatkuasa nanti, ia akan diambil alih oleh Ombudsman;
- (d) Pembangunan dan pemantauan secara berkala bagi Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM);
- (e) Pelaksanaan Program *Do the Right Things* dan Program Etika dan Integriti;
- (f) Mewujudkan Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan Negeri;
- (g) Pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System* (ABMS);
- (h) Pewujudan dan pelaksanaan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak, Bilangan 1 Tahun 2021: Garis Panduan Pengurusan Hadiah untuk Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak; di antara bentuknya ialah bungkusan hadiah hendaklah *transparent*. Semua orang boleh nampak apa hadiah yang diberikan;
- (i) Pelaksanaan 93 program Pengukuhan Integriti Penjawat Awam;
- (j) Penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet (CABCOM) oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sarawak mengenai Laporan Penyata Kewangan dan Anggaran Belanjawan Tahunan bagi Badan-badan Berkanun Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan;

Untuk pengetahuan Dewan, pada tahun ini pertama kali semua laporan-laporan ini telah disampaikan pada tahun semasa, di mana 12 kali mesyuarat telah dilaksanakan dan mesyuarat yang terakhir yang ke-13 akan dilaksanakan pada penghujung November 2023;

- (k) Pelaksanaan Majlis Amanat Integriti yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak;
- (l) Pelaksanaan Persidangan Integriti Kebangsaan (PiNK) yang baru-baru ini yang telah dihadiri oleh hampir 5,000 peserta dari seluruh negara;
- (m) Pembangunan Modul Kursus Integriti Penguatkuasa Sarawak;
- (n) Pembangunan Modul Kursus Integriti Kepimpinan Masyarakat, yakni semua KMKK akan menghadiri Modul Kursus Integriti Kepimpinan Masyarakat; dan
- (o) Pembangunan Pelan Strategik Integriti bagi Negeri Sarawak.

Terima kasih.

YB Dato Ibrahim bin Baki: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Suka saya nengar pantun, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jangan ada orang jeles ya ajaklah.* Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan:

- (a) Bolehkah Yang Berhormat jelaskan, bagaimanakah *Organizational Anti-Corruption Plan* atau Pelan Anti Rasuah Organisasi dapat meningkatkan integriti penjawat awam?
- (b) Bilakah Ordinan Sarawak Ombudsman dikuatkuasakan dan bagaimanakah struktur operasinya?

Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman) (YB Dato' Murshid DiRaja Dr Juanda bin Jaya): Terima kasih untuk dua soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Satok. Tuan Speaker, untuk menjawab soalan tambahan berkenaan, *Organizational Anti-Corruption Plan (OACP)* atau Pelan Anti-Rasuah Organisasi adalah merupakan satu dokumen dasar Anti-Rasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan *governance*, integriti, dan anti-rasuah dalam organisasi.

Untuk membangunkan OACP, sebuah organisasi hendaklah terlebih dahulu, yang pertama:

- (a) Mengenal pasti risiko;
- (b) Membuat penilaian risiko atas kecenderungan berlaku isu *governance*;
- (c) Memastikan integriti dan pengamalan menolak rasuah dilakukan di organisasi berkenaan; dan
- (d) Peringkat terakhir ialah membuat pelan tindakan dengan mengenal pasti inisiatif bagi menangani risiko tersebut serta menentukan tempoh pelaksanaannya.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap jabatan atau agensi berkenaan untuk melaksanakan semua inisiatif yang telah ditentukan di dalam OACP dan In-sya-Allah satu usaha *auditing* akan dilakukan bagi perkara ini.

Oleh itu, sekiranya proses penilaian risiko, penetapan inisiatif, pelaksanaan, dan pemantauannya dibuat dengan penuh komitmen, OACP sebenarnya boleh menambah baik tahap *governance*, meningkatkan integriti, dan seterusnya menutup peluang dan ruang bagi berlakunya bukan hanya rasuah tetapi salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam organisasi berkenaan.

Tuan Speaker, bagi menjawab soalan tambahan yang kedua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan ini kerana Kerajaan kita berasa amat bangga apabila Rang Undang-undang Ombudsman, 2023 yang telah diluluskan sebulat suara dalam Dewan yang mulia ini pada Isnin yang lepas. Ini merupakan satu sejarah bagi Negeri Sarawak dan sejarah bagi Negara Malaysia kerana ini merupakan Undang-undang Ombudsman yang pertama sekali wujud di Negara Malaysia. Ordinan ini nanti akan dikuatkuasakan setelah ia mendapat perkenan, *assent* daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, manakala, tarikh kuatkuasanya akan ditentukan kemudian oleh pihak Kerajaan.

Dari sudut penstrukturan Sarawak Ombudsman, ia terdiri daripada Ketua Ombudsman, Timbalan Ketua Ombudsman, dan tiga hingga lima lagi Ombudsmen yang akan dilantik oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak untuk tempoh tiga tahun setiap lantikan. Manakala, dari sudut pentadbiran, seorang Ketua Pentadbir (*Chief Administrator*) kalangan penjawat awam akan dilantik oleh Menteri untuk mengurus dan mentadbir Pejabat Sarawak Ombudsman. Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Anyi anak Jana, Ngemah.

YB Encik Anyi Anak Jana: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya no.172.

Rumah Kos Rendah di Skim Penempatan Semula (SPS)

(172) YB Encik Anyi anak Jana bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan: Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membina Rumah Kos Rendah di Skim Penempatan Semula (SPS) Nanga Ngungun dan SPS Nanga Tada?

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan, dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan) (YB Datuk Michael Tiang Ming Tee): Thank you, Tuan Speaker and thank you, Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah for the question.

For the information of the Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah, at the moment, the Ministry of Public Health, Housing, and Local Government (MPHLG) has no plan to implement low-cost housing and *Skim Penempatan Semula* (SPS) Nanga Ngungun and *Skim Penempatan Semula* (SPS) Nanga Tada.

YB Encik Anyi anak Jana: (*Supplementary Question*) Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Speaker, saya ada dua *supplementary questions*.

- (a) What are the types of low-cost housing programmes that are available and applicable for these areas?
- (b) If any, what is the brief explanation on the programmes?

Thank you.

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan) (YB Datuk Michael Tiang Ming Tee): Thank you for the two supplementary questions, Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah.

To answer the first question, the first supplementary question, despite the fact that I have just answered the primary questions that there is no plan to implement a low-cost housing programme by my Ministry. However, the Ministry through the Housing Development Corporation (HDC) provides Longhouse Loan Scheme to assist rural communities to improve and upgrade their housing quarters.

As to the second supplementary question, for the information of the Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah, the Longhouse Loan Scheme offered an interest free loan to build a new longhouse or for

upgrading and repairing. The tenure of this loan is up to 25 years. Other than the new initiatives undertaken by the GPS Government, the maximum amount for the Longhouse Loan Scheme has been increased from RM30,000 to RM50,000 per door this year and the maximum amount for upgrading and repairing of this, of the longhouse is RM30,000 per door. Very much obliged.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Mohd Chee bin Kadir, Kabong.

YB Encik Mohd Chee bin Kadir: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya no.173. Tetapi sebelum itu saya mohon pembetulan kepada soalan saya di ayat pertama, perkataan "*untuk*" hendaklah diganti dengan perkataan "*yang*". Silakan, Timbalan Menteri.

Tambang Bas RM1

(173) YB Encik Mohd Chee bin Kadir bertanya kepada Menteri Pengangkutan Sarawak: Tambang bas RM1 merupakan inisiatif Kerajaan yang sangat-sangat dialu-alukan oleh rakyat. Rakyat merasa lega bila Kerajaan mengumumkan inisiatif ini akan diteruskan. Berapakah kos yang Kerajaan tanggung untuk membayar inisiatif ini?

Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya) (YB Datuk Dr Jerip anak Susil): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Kabong dengan *the correction that was noted as well*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kabong, Program Perkhidmatan Bas Henti-henti Tambang RM1 merupakan subsidi Kerajaan Sarawak yang telah dilaksanakan di Bahagian Kuching, Bahagian Sarikei, Bahagian Sibul, Bahagian Bintulu dan Miri sejak tahun 2020. Kos keseluruhannya subsidi Bas Henti-henti Tambang RM1 ini, sejak pelaksanaan program ini mulai dari bulan Mei 2020 sehingga bulan September 2023 adalah berjumlah RM59,289,055 dan dimanfaatkan oleh golongan B40 khususnya.

Pada tahun 2020 sebanyak RM5,239,410 sahaja telah dibelanjakan bagi program ini kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 dan jumlah subsidi yang dibayar pada tahun 2021 adalah sebanyak RM12,123,065 dan meningkat kepada RM21,318,196 pada tahun 2022 apabila Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilonggarkan pada Mei 2022. Manakala pada tahun ini sehingga September 2023, sebanyak RM20,608,385 telah dibelanjakan pada program ini. Jumlah pergerakan penumpang, ini penting; jumlah pergerakan penumpang juga meningkat daripada 2,508,658 pada tahun 2021 kepada 3,545,039. Inilah angka yang kami ada sekarang. Terima kasih.

YB Encik Mohd Chee bin Kadir: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Timbalan Menteri. Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan:

- (a) Berapakah jumlah syarikat bas yang terlibat di dalam Inisiatif Bas Tambang RM1?
- (b) Berapakah jumlah penumpang (*ridership*), dengan izin, yang telah menerima manfaat daripada inisiatif ini?

Terima kasih.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya) (YB Datuk Dr Jerip anak Susil): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada soalan kedua-dua ini daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kabong. Ini bukan sahaja soalan daripada Ahli yang Berhormat bagi Kabong tetapi banyak juga soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, untuk soalan pertama, syarikat bas yang beroperasi adalah mengikut bahagian iaitu:

- (a) Tiga, untuk Kuching,

- (b) Satu, untuk Bintulu,
- (c) Lima, untuk Sibul,
- (d) Satu, untuk Sarikei, dan
- (e) Tiga untuk Miri.

Maka, terdapat 11 buah syarikat bas yang terlibat di dalam Inisiatif Bas Tambang RM1 ini.

Untuk jawapan soalan kedua, jumlah pergerakan penumpang iaitu *ridership* sejak Mei 2020 sehingga September 2023 adalah seramai 10.5 juta penumpang di seluruh Sarawak. Jumlah pergerakan penumpang telah meningkat daripada 1,232,271 pada tahun 2020 ke 3,545,039 pada tahun 2022. Jumlah terkumpul pergerakan penumpang dari Januari sehingga September 2023 adalah 3,222,477. Unjuran pergerakan penumpang *ridership* bagi tahun 2023 ialah sebanyak empat juta. Berdasarkan kadar purata peningkatan pergerakan penumpang sejak tahun 2020. Kebanyakan penumpang yang menggunakan perkhidmatan Bas Berhenti-henti ini tambang RM1 adalah terdiri daripada golongan B40. Sekian, Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Johnny Pang Leong Ming, Tanjong Batu.

YB Encik Johnny Pang Leong Ming: Terima kasih, Tuan Speaker.

*Lompat-lompat si katak lompat,
Soalan saya 174,
Rakan Menteri berikan,
Saya jawapan.*

Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan (DSITKS)

(174) YB Encik Johnny Pang Leong Ming to ask the Minister for Women, Early Childhood and Community Wellbeing Development: In managing the *Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan (DSITKS)* application, could an office be established in Bintulu to facilitate status inquiries and updates for stateless individuals?

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah): Tuan Speaker,

*Kalau sakit, katakan sakit;
Cari ubat penawar rindu;
Saya jawab soalan DSITKS;
Agar hilang risau di kalbu.*

For the information of the Honourable Member for Tanjong Batu, the Ministry has collaborated with district offices throughout Sarawak; and parents or guardians can check the status of the application through the District Office where they have submitted the application or directly with the DSITKS Secretariat at our Ministry. Hence, there is no requirement to establish an office in Bintulu to administer the applications of DSITKS.

YB Encik Johnny Pang Leong Ming: (*Supplementary Question*) Thank you, Yang Berhormat Dato Sri Menteri. Tuan Speaker, I have two supplementary questions:

- (a) How many DSITKS applications have been received from Bintulu?
- (b) What is the status DSITKS application received from Bintulu?

Thank you.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah): Thank you, Tuan Speaker. For the information of the Ahli Yang Berhormat bagi

Tanjong Batu, since 1st November 2022, the Ministry has received a total number of 38 DSITKS applications from Bintulu.

To answer supplementary question number two, out of 38 applications received from Bintulu, four have been approved. While the remaining 21 are incomplete and 13 did not fulfil the requirements.

Now, when I say 13 did not fulfil the requirements; these are based on the requirements for the application of the DSITSK, the applicants must be 21 years and below. Above 21 years old, the application for DSITKS is not applicable.

Before they can apply for DSITKS, they must apply for citizenship first under Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan. So, based on our statistics, eight of them are 21 years and above. And based on our records also, applications under 15A, 21 of them had not applied for citizenship; di bawah Perkara 15A. And then, one of them, *sudah mendapat kewarganegaraan*. So, they need not apply for DSITKS and yet they still applied for DSITKS. And, as I have mentioned just now, four have already been approved in terms of the application for DSITKS. Thank you. Thank you, Sir.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi, Balingian.

YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin mengemukakan soalan saya dengan dua rangkap pantun:

*Menua Kapit mayoh baya,
Soalan saya nombor 175.*

Menaik Taraf Balingian

(175) YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi bertanya kepada Premier Sarawak: Apakah ada perancangan untuk menaik taraf Balingian untuk menjadi daerah penuh?

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) (YB Datuk Jefferson Jamit anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Balingian.

*Dari Mukah pergi ke Kapit,
Singgah di Pekan Song membeli buah durian,
Awal pagi saya sudah bersedia,
Menjawab soalan Yang Berhormat Balingian.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Balingian, setakat ini Kerajaan belum mempunyai perancangan untuk menaik taraf Daerah Kecil Balingian kepada daerah penuh oleh kerana kawasan tersebut belum memenuhi kriteria asas untuk dinaik taraf sebagai daerah penuh. Oleh demikian, penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada masyarakat setempat akan terus ditadbir urus di bawah pentadbiran yang sedia ada.

YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Timbalan Menteri kerana telah menjawab soalan saya. Jadi, saya ada satu soalan tambahan:

(a) Apakah asas-asas pertimbangan untuk mewujudkan daerah penuh?

Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) (YB Datuk Jefferson Jamit anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat bagi

Balingian. Untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat bagi Balingian, untuk makluman Yang Berhormat bagi Balingian, kriteria asas untuk mewujudkan daerah penuh adalah:

- (a) Populasi penduduk melebihi 25,000 orang bagi suatu daerah;
- (b) Mempunyai kawasan yang cukup luas dan berpotensi dalam menyumbang aktiviti ekonomi yang tinggi;
- (c) Berupaya dalam menyumbang kepada aktiviti bagi urusan rasmi yang tinggi seperti dapat memberikan kutipan hasil yang memuaskan;
- (d) Dapat meningkatkan perkhidmatan yang lebih efisien;
- (e) Lokasi adalah agak jauh dan cara pengangkutan yang sukar dari pusat pentadbiran yang berdekatan; dan
- (f) Asas-asas pertimbangan lain yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin, Kota Sentosa.

YB Encik Yap Yau Sin: Thank you, Tuan Speaker. My question in no.176.

Education and Health Autonomy

(176) YB Encik Yap Yau Sin to ask the Minister for Education, Innovation and Talent Development: What is the timeline on when Sarawak will have education and health autonomy?

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee): Terima kasih, Tuan Speaker dan juga terima kasih, Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Sentosa.

Tuan Speaker, the issue of autonomy has been highly debated among the people of Sarawak. It is so important it is the time that we must get back what has been eroded. Tuan Speaker, before I proceed to answer this question, this question has got two parts, autonomy of education as well as autonomy of health. Let me focus on autonomy of education not health. And I would like to quote the speech made by the Right Honourable Prime Minister during September 16th, Malaysia Day in Kuching this year.

I quote, "*Tanggungjawab saya sebagai generasi menerus ialah melaksanakan janji dan perjanjian yang dimeterai di antara pemimpin-pemimpin Negara kita tatkala membentuk Malaysia termasuk MA63, bukan untuk dirunding tetapi untuk dilaksanakan*". He continued to say, "*Kami generasi baru, kami generasi yang mahu melaksanakan dan memperkatakan apa yang dikata yang dimeterai oleh bapa-bapa kita dahulu, tanggungjawab kita ialah untuk melaksanakan sebagai satu bangsa Malaysia yang hebat dan terkenal*".

Tuan Speaker, what had been said by the Right Honourable Prime Minister is rightly through a stated in the 18-points of the Malaysia Agreement that is point number 14 which stipulated that the existing health and the system of education must be maintain and should be under the control of Sarawak, that is point 14 of Malaysia Agreement.

Tuan Speaker, having said that our Ministry, the Ministry of Education, Innovation, and Talent Development has achieved some progress in our pursue of devolution of power and our counterparts in the Federal Government specially the Minister for Education have shown a lot of interest and kindness for us to discuss on devolution of power. However, having said that that is a lot of hurdles in particularly the bureaucracy and we hope that this can be ironed out as soon as possible if the ADUN for Kota Sentosa is asking for the timeline, it is not tomorrow, it is not next week, it is not next year, it is not another 16 years but it is now for us to ask for the rights under the Malaysia Agreement. Thank you very much.

YB Encik Yap Yau Sin: (*Supplementary Question*) Well said, Honourable Minister.

- (a) Can the Honourable Minister elaborate on the progress that has been achieved and also enlighten us on the strategies to address the shortage of teachers?
- (b) What are the financial implications of managing education if the State is given full autonomy?

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee): Terima kasih, ADUN Kota Sentosa.

I would like to share some of the progress that we have achieved. For the last two to three days, a lot of our Ahli-ahli Yang Berhormat had raised the issue of the delay in implementing State Fund for the school. Even the repair of a door, of a locker and of small things will cost a few hundred thousand that needs to go to Putrajaya for approval. So, during our discussion, we want the State Pengarah of Education to approve all this State funded project so that there is no delay in all sorts of preparing of our dilapidated schools and they have agreed but so far, we have not received any black and white that devolution of powers to allow the State Pengarah to approve all the small projects funded by the State Government.

Number two, the issue of shortages of doc...teachers not doctors. It has been a very important thing to resolve this matter as soon as possible. As of 30th September, there is a shortage of doctors' stand... shortage of teachers stands at 3,076. I could not get away from myself as a doctor. Out of 3,076 shortages, 819 are for secondary school and 2,257 are for primary school. During the meeting held on 7th November this year between our Permanent Secretary, Timbalan KSU and also from Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan has agreed that by February 2024, 819 secondary school teachers should be resolved. The shortage of 819 and the shortage of primary school teachers 752 will be resolved by Jun 2024. Having said that we still have a shortage of 1,505 for primary school and we have proposed to the Ministry of Education to use what we call as a contract of service where the graduate known teachers graduate are to be employed and this devolution of powers to be carried out, the recruitment to be carried out by the Ministry of Education and we hope that it can be implemented and to resolve the issue of shortage of teachers in Sarawak.

For question number two, it is a very important question on finances. How, if full autonomy is given to Sarawak whether the Federal Government give us the fund to run the school? Keep in mind Ahli Yang Berhormat, to run education in Sarawak, it needs RM4.7 billion for operational cost only minus the development. Operational costs need RM4.7 billion, is almost 50% of the State budget and therefore if we were to be given autonomy whether this would also be given to us. And keep in mind also that the obligation, the responsibility of education is under the Federal Constitution, Ninth Schedule is the obligation of the Federal Government. However, the autonomy of education can be achieved through the enabler provided by Article 80(4) and (5) of the Federal Constitution which allow the State to administer the Federal Law and arrangements of finance between the State and the Federal to provide or to be responsible of such financial obligations. With that ,thank you very much, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang, Tamin.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: Terima kasih, Tuan Speaker. My question is no. 177.

Foreign Investment

(177) YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang to ask the Minister for International Trade, Industry, and Investment: How much is the value for foreign investments into the State of Sarawak in year 2023? Is there any proposal to bring foreign investment to Tamin Constituency?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan (YB Datuk Dr Malcom Mussen anak Lamoh): Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Honourable Member for Tamin, for

your keen interest in investment. For the information of the Ahli Yang Berhormat for Tamin, based on our preliminary data, Sarawak has recorded total investment of RM16.7 billion as per third quarter of 2023. Out of this, RM4.8 billion is from foreign direct investment.

The Government has recently established the Mid Rajang Regional Development Agency similar to other areas to coordinate and accelerate the infrastructural development in the Mid Rajang Region including Tamin in order to become an attractive investment destination. Definitely, we can engage further with the Honourable Member for Tamin should there be any proposal from foreign investors who wish to invest in your constituency. Nonetheless, the Government has also established InvestSarawak as a one stop agency to promote and to facilitate trade investment as well as to enhance ease of doing business.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: (*Supplementary Question*) Thank you, Deputy Minister for replying to my question. I have two supplementary questions, Tuan Speaker.

- (a) What is the Government effort to attract more investment to Sarawak?
- (b) What are the types of domestic investment approved in the year 2023?

Thank you.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Industri dan Pelaburan (YB Datuk Dr Malcom Mussen anak Lamoh): Thank you, Honourable Member for Tamin. Tuan Speaker, for supplementary question number one, the Government will continue to organise investment promotion and stakeholders' engagement programmes to attract FDI and DDI.

Besides, tax incentive provided by the Federal Government such as pioneer status, investment tax allowance, and reinvestment allowance, the Sarawak Government also provides the following incentive:

- (a) Investors can apply for payment of land premium for five years;
- (b) If the company completes the project and operational within three, five or seven years, depending on the scale of the project from the date of issuance of document of title, they will be able to enjoy a 30% rebate on land premium, and the last one; and
- (c) They will be given competitive electricity and water trades.

For supplementary question number two, as for first third quarter of 2023, the total Direct Domestic Investment (DDI) approved was RM11.9 billion mainly in mining amounting to RM2.08 billion, manufacturing amounting to RM7.59 billion and real estate amounting to RM1.45 billion. Thank you.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, question time is up.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024), 2023 DAN USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2024

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, under Standing Order 31(8), I hereby limit the Members' speeches on the Budget Speech to 20 minutes. I shall now call upon the Honourable Member for Lingga.

YB Dayang Noorazah bte Awang Sohor: Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Tuan Speaker: Waalaikumsalam.

YB Dayang Noorazah bte Awang Sohor: Salam Sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur. Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Atas Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang Perbekalan (2024), 2023 dan Usul Untuk Merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2024 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier pada hari Isnin, 20 November 2023.

Di kesempatan ini juga saya berserta masyarakat Kawasan N.28 Lingga ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak di atas penerimaan Anugerah Felo Kehormat atau *Honorary Distinguish Fellow* pada Persidangan Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN ke-41 di Pusat Konvensyen Nusa Dua, Bali pada 22 November 2023 yang lepas. Penganugerahan ini menyaksikan Premier Sarawak sebagai individu terkemuka yang telah menyampaikan perkhidmatan cemerlang beliau dalam bidang kejuruteraan, institusi, dan atau negara khususnya di Sarawak. Tahniah sekali lagi diucapkan.

Bajet 2024: Development For All: Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak

Tuan Speaker, since the year 2021, it is a very challenging phase of the year in economic revival. Rapid global recession trend expected to continue until 2024 and will record global inflation of 5.8%. Despite of Global Economy recession and challenging environment with the Yang Amat Berhormat Premier's dedication and foresighted leadership, the GPS Government continuously expands Sarawak's economy and anticipated that the State Economic Growth is between 4% and 5% in 2023, supported by domestic demand. The GPS Government is also very committed to promoting the direction of the State's development cantered on the aspirations of the people and this can be seen evidently through the Yang Amat Berhormat Premiers' presentation at the budget speech for the year 2024 which is themed "*Development for All: Together, Building a Prosperous, Sustainable and United Sarawak*", as well as outlining the 12 Strategic Thrusts in line with the goals of the Post COVID-19 Development Strategy 2030.

Tuan Speaker, during last Monday's budget presentation, estimated in 2024, it is expected that RM9.038 billion will be allocated in the Development Expenditure Budget, with that, I represent the voice of the people in the DUN N.28 Lingga constituency, would like to take this opportunity to give proposals to withstand the sustainability of Development Expenditure in the 2024 budget.

Teras Strategik 1: Mempercepatkan Pertumbuhan Ekonomi

Tuan Speaker, di bawah teras Strategik 1 pada Bajet 2024, sebanyak RM550 juta akan diperuntukkan dalam Projek Rakyat. Kami amat menyokong peruntukan ini diteruskan setiap tahun bagi membantu pelaksanaan *priority project* di mana-mana Kawasan DUN yang diutamakan. Dengan ini, kami mencadangkan dua *priority project* untuk dilaksanakan di bawah peruntukan Projek Rakyat.

Pertama adalah Projek Rancangan Tebatan Banjir di Pekan Lingga dengan anggaran kos berjumlah RM90 juta. Projek ini telah dimohon sejak tahun 2021 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak Bahagian Sri Aman. Namun demikian, projek tersebut masih tidak menerima sebarang kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman, projek ini menjadi keutamaan oleh warga masyarakat di Pekan Lingga kerana setiap tahun pada musim tengkujuh, seluruh penempatan di enam buah kampung melayu, sekolah-sekolah rendah, masjid, surau, serta Pejabat Daerah Lingga akan terjejas akibat banjir besar. Sehingga terdapat beberapa jalan utama terputus untuk keluar dan masuk ke Pekan Lingga.

Yang kedua adalah Projek Pembangunan Tebingan Sungai Lingga (*waterfront*) Fasa 2 di bawah pelaksanaan agensi *Land Custody and Development Authority Sarawak* (LCDA). Untuk makluman, Projek *Waterfront* Lingga ini mula dilaksanakan pada tahun 2019 secara berfasa. Pada fasa pertama, Projek *Waterfront* Lingga telah menerima peruntukan berjumlah RM3.9 juta dan telah

siap dibina oleh pihak kontraktor di bawah pemantauan agensi LCDA pada tahun 2022. Mengikut keterangan berita daripada Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS) pada bulan Julai 2020, Projek *Waterfront Lingga* dan *Lingga Service Centre* dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei 2021.

Namun demikian, projek tersebut masih belum siap dilaksanakan hingga menjadi persoalan warga masyarakat di dalam dan luar daerah Lingga, lebih-lebih lagi semasa Program Regatta Lingga diadakan. Pihak LCDA selaku agensi pelaksana untuk Projek *Waterfront Lingga* Fasa 2 telah memaklumkan bahawa pihak mereka memerlukan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi menyiapkan projek tersebut secara keseluruhan. Oleh itu, pihak kami berhasrat untuk mendapatkan sokongan, persetujuan, dan kelulusan Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan GPS untuk meluluskan kedua-dua projek tersebut di bawah peruntukan projek rakyat.

Tuan Speaker, sehubungan itu, di bawah teras strategik yang sama, sebanyak RM420 juta akan diperuntukkan dalam *Rural Transformation Project* atau lebih dikenali sebagai RTP. Kami amat menyokong program RTP ini tetap diteruskan setiap tahun kerana ianya adalah langkah paling efektif untuk membangunkan sesebuah kawasan DUN dalam tempoh yang singkat kerana RTP memfokuskan projek *at low risk but are high impact*. Oleh itu, seperti gunung yang tinggi, kami memohon pertimbangan daripada Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan GPS untuk menambah nilai jumlah peruntukan RTP bagi setiap kawasan DUN daripada RM5 juta ke RM7 juta setiap tahun.

Ini adalah kerana peningkatan drastik bagi kos pelaksanaan projek yang merangkumi kenaikan kos bahan dan juga kenaikan kadar upah pekerja binaan. Sebagai contoh, kalau dahulunya Projek Bina Jambatan Kecil, Projek Pembinaan Sistem Saliran, balai raya, jeti nelayan dan bina baru gelanggang futsal, dapat dibina pada harga RM250 ribu ke RM350 ribu. Namun, kini kos it tidak lagi relevan dan dianggarkan boleh mencapai RM500 ribu hingga jutaan. Ini dapat dilihat semasa sesi cabut undi Projek RTP dibuat, terdapat beberapa projek ditolak oleh kontraktor dan kini berstatus *no taker*. Untuk mengelak *trend* ini daripada berlanjutan, diharap permohonan ini mendapat perhatian Kerajaan GPS.

Teras Strategik 2: Merangsang Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar

Tuan Speaker, over the past few years, the area of the Lingga District and Sri Aman District has been rapidly developing with future project developments under the State Government agencies and the private sector. However, despite the rapid development, the issue of clean water supply and electricity supply should also be reviewed. This is because during a meeting and briefing session with the Sri Aman New Hospital in the middle of this year, it was informed that they often experience water and electricity supply disruptions, and this can affect the hospital operation and safety of the staffs and patients. Therefore, it is suggested that the water and electricity supply sources in the Lingga and Sri Aman districts be upgraded in line with the development in the two districts.

Teras Strategik 4: Mengubah Sarawak Menjadi Ekonomi yang Berdaya Saing dan Berdaya Tahan

Tuan Speaker, di perbahasan semalam rakan seperjuangan kami dari DUN Daro, Tebedu dan Serembu telah berkongsi tentang program *Agriculture Facilitation Fund* (AFF) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2020 di bawah jabatan MANRED dan kini diteruskan oleh jabatan M-FICORD. Kami turut bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat ADUN, iaitu wajar Program AFF diteruskan kerana ia terbukti dapat membantu warga petani dari pelbagai jenis perniagaan dan perusahaan termasuk bidang masakan, pembuatan, nelayan dan pertanian di kalangan warga kampung. Serba sedikit Bantuan AFF ini dapat menggalakkan perkembangan aktiviti pertanian bukan sahaja di kawasan luar bandar malah di kawasan bandar. Turut dicadangkan satu program atau latihan kursus *Smart Agriculture* di bawah AFF. Program ini kelak dapat diadakan bagi menggalakkan perlibatan belia dalam bidang pertanian.

Teras Strategik 5: Memperkukuh Modal Insan dan Pembangunan Bakat

Tuan Speaker, Budget 2024 in Strategic Thrust 5 has proven the dedication and attention of the Yang Amat Berhormat Premier with the GPS Government to Sarawakian students. Whereas free laptop to be given to 5,000 Sarawakian students who have successfully enrolled in IPTA and IPTS especially students from household with per capita income of RM1,500 per month and below. This initiative promises to empower students with the essential technology they need to excel in their academic pursuits. Berhubung dengan perkara ini, kami juga ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan GPS untuk menambah bantuan *laptop* secara percuma ini kepada pelajar yang berkelayakan di setiap kawasan DUN. Contohnya, setiap kawasan DUN diperuntukkan 50 unit *laptop* percuma untuk disumbangkan kepada pelajar yang berkelayakan di bawah seliaan Yayasan Sarawak. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, maka pertambahan peruntukan sebanyak RM6.15 juta diperlukan bagi membantu golongan pelajar ini. Diharap cadangan ini mendapat perhatian dan pertimbangan daripada pihak Kerajaan GPS.

Teras Strategik 9: Menggalakkan Sukan dan Pemerksaan Belia

Tuan Speaker, pada pembentangan Bajet 2024, terdapat peruntukan khas untuk pembangunan dan menaik taraf kemudahan sukan. Justeru itu, saya mencadangkan bajet tersebut juga dapat diperuntukkan bagi pembinaan kompleks sukan di Daerah Lingga. Kerana sudah bertahun lamanya Daerah Lingga tidak mempunyai sebarang fasiliti sukan untuk kegunaan seluruh Daerah Lingga. Sedangkan di Daerah Lingga mempunyai tujuh buah sekolah rendah dan satu sekolah menengah, namun, kekangan fasiliti sukan adalah salah satu sebab pelajar sekolah kurang aktif dalam sukan.

Bukan setakat itu sahaja, penganjuran sukan tahunan turut menjadi bebanan kepada pihak sekolah di kawasan Daerah Lingga kerana terpaksa mengadakan aktiviti sukan tahunan di Kompleks Sukan Bandar Sri Aman yang mana turut menanggung kos pengangkutan pelajar sekolah berulang alik sepanjang program tersebut. Oleh itu, mewakili suara guru, pelajar, belia dan penduduk setempat, memohon satu kompleks sukan di Daerah Lingga dapat dibina agar dapat dimanfaatkan sekolah, masyarakat dan belia di kawasan tersebut. Dan permohonan ini adalah seiring dengan hasrat Kerajaan Sarawak untuk menjadi *the Nation's Sport Powerhouse by year 2030*.

Teras Strategik 11: Membasmi Kemiskinan dan Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Tuan Speaker, mulai tahun 2019, Skim Pembesaran Kampung (SPK) telah diperluaskan ke seluruh Sarawak dengan objektif utama memastikan orang ramai yang sudah berkeluarga memiliki lot tanah untuk membina rumah. Program ini telah mendapat sokongan dan sambutan yang hebat daripada seluruh rakyat Sarawak khususnya di kawasan pedalaman dan pesisir Sarawak. Namun demikian, terdapat kekangan daripada peserta SPK Daerah Lingga yang berjaya untuk membina rumah atas faktor tanah lot SPK tersebut belum lagi ditembok dan kekurangan infrastruktur asas seperti sistem saliran turut belum dibina. Oleh itu, kami memohon Kerajaan GPS untuk memperuntukkan sebahagian Bajet 2024 untuk kerja merata, menembok dan membina sistem saliran di SPK Daerah Lingga demi memudahkan urusan peserta untuk memohon pembinaan Rumah Mampu Milik di lot masing-masing.

Pada kesempatan ini juga, kami turut menyokong cadangan daripada seperjuangan kami dari DUN N.21 Tebedu berkenaan cadangan untuk menilai dan mengkaji semula elauan Ketua Masyarakat, Ketua Kaum, dan Ahli Majlis yang masih terlalu rendah berbanding tugas yang diamanahkan kepada mereka begitu besar nilainya. Ini adalah kerana merekalah yang turut bekerja keras dalam memastikan keperluan dan kesejahteraan penduduk kampung dijaga dari saat bayi dilahirkan, daftar anak bersekolah, orang sakit, orang berkahwin, bencana, hinggalah menguruskan orang yang meninggal dunia.

Mereka adalah orang yang pertama perlu peka dengan keadaan penduduk kampung. Bahkan pandangan dan cadangan mereka turut diguna pakai oleh agensi-agensi Kerajaan dan pusat khidmat setiap kali adanya perbincangan projek pembangunan di suatu kawasan. Maka itu, wajarlah elaun mereka dinilai semula dan dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier dan juga Kerajaan GPS.

Tuan Speaker, saya amat menyokong Bajet 2024 yang turut memperuntukkan bajet bagi meningkatkan kapasiti Kerajaan dan penyampaian perkhidmatan kerana agensi-agensi inilah yang bekerja keras untuk memastikan kesemua perancangan, pembangunan serta manifesto GPS dapat dilaksanakan seiring dengan *Post COVID-19 Development Strategy (PCDS 2030)*. Maka itu, di kesempatan ini, saya mengharapkan Projek Pembangunan Kompleks Pentadbiran Pejabat Daerah Lingga dan Pejabat Pentadbiran Daerah Kecil Maludam dapat dilaksanakan mulai tahun 2024 supaya pegawai yang bertugas dapat menjalankan kerja-kerja dalam ruang pejabat yang selamat, lengkap, dan selesa.

Dikongsikan oleh Pegawai SAO Daerah Kecil Maludam, bahawa kondisi pejabat mereka kini sangat membimbangkan kerana terdapat retakan pada tiang kayu di bawah bangunan pejabat tersebut akibat kesan banjir besar setiap tahun di Daerah Kecil Maludam. Saya juga mencadangkan anggota agensi pelaksana Projek RTP, Projek Rakyat atau pelbagai tugas di setiap agensi yang terlibat seperti JKR, DID, PBT dan lain-lain dapat ditambah anggotanya agar pelaksanaan tugas lebih efisien. Dalam masa yang sama boleh membuka peluang pekerjaan baru kepada para graduan Sarawak yang masih giat mencari peluang pekerjaan.

Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier atas keprihatinan beliau kepada seluruh rakyat Negeri Sarawak kerana secara keseluruhannya Bajet 2024 memaparkan ketelusan beliau memenuhi segala kehendak dan keperluan rakyat negeri Sarawak tak kira usia, bangsa dan agama.

Throughout all the issues I have covered, there are many things that I still need to learn and as an elected representative, the task entrusted to me to serve the Government and the people must be the top priority to ensure that our Premier of Sarawak's manifesto and the GPS's mission and vision can be implemented fruitfully.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas buat semua yang menyambut *and Happy New Year to all*. Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023 dan Usul Untuk Merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2024 di Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Kedua Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan Belas. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Honourable Member for Machan.

YB Encik Allan Siden Gramong: Tuan Speaker, Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang. Pada hari ini, saya ingin menzahirkan rasa syukur kerana telah diberi peluang serta ruang untuk mengambil bahagian di dalam sesi perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini sempena Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan Belas. Sebelum itu, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar yang telah dilantik semula sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi tempoh dua tahun.

Tuan Speaker, saya mewakili rakyat di kawasan DUN N.50 Machan ingin memulakan ucapan saya dengan memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak yang telah membentangkan Belanjawan 2024 Sarawak dengan jayanya. Seperti yang kita telah sedia maklum, terdapat 12 Teras Strategik yang telah diumumkan di dalam Belanjawan 2024 Sarawak. Ini telah membuktikan bahawa Kerajaan Sarawak di bawah kepimpinan Premier Sarawak

sangat prihatin dan meletakkan kesejahteraan Sarawak sebagai fokus utama dalam pembangunan khususnya bagi mereka yang menetap di kawasan luar bandar.

Tuan Speaker, "*Development for All: Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak*" merupakan tema bagi Belanjawan 2024. Ini merupakan komitmen Kerajaan Negeri Sarawak yang ingin menyasarkan pembangunan secara menyeluruh di Negeri Sarawak. Di dalam Belanjawan 2024 Sarawak, pelaksanaan infrastruktur dan kemudahan asas di kawasan luar bandar yang akan diteruskan amatlah baik kerana ia akan memajukan lagi sektor pembangunan dan sektor ekonomi. Sejumlah RM298 juta telah diperuntukkan di dalam Belanjawan 2024 Sarawak bagi projek di bawah *Rural Electrification Scheme (RES)* dan sejumlah RM1.6 juta telah diperuntukkan bagi *Alternative Funding* bagi projek penyambungan elektrik.

Tuan Speaker, sudah pastinya satu berita gembira buat kita di mana Yang Amat Berhormat Premier Sarawak ada menyatakan bahawa peruntukan yang berjumlah sebanyak RM30 juta untuk membantu para graduan yang berasal dari Negeri Sarawak untuk membuat bayaran balik pinjaman PTPTN dan dengan syarat peminjam telah membuat bayaran balik sebanyak 30% ke atas dari jumlah pinjaman PTPTN.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri menyasarkan Negeri Sarawak akan menjadi juara bagi SUKMA Ke-21 2024. Oleh itu, di dalam Belanjawan 2024 Sarawak, peruntukan sebanyak RM69.35 juta telah disalurkan kepada Majlis Sukan Negeri Sarawak dalam usaha untuk memberi yang terbaik kepada para atlet Negeri Sarawak agar mereka akan bersedia dari segi pelbagai aspek terutamanya fizikal dan mental. Sebagai Presiden Persatuan Memanah Negeri Sarawak, saya berharap Majlis Negeri Sarawak akan memberi peruntukan untuk menambah baik lapang sasaran memanah yang terletak di sebelah Stadium Perpaduan. Kasihan atlet saya.

Tuan Speaker, saya ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana tidak lupa kepada penjawat awam Kerajaan Negeri. Peruntukan sebanyak RM28 juta adalah untuk menambah baik pulih bangunan, pejabat, dan juga kuarters pekerja Kerajaan Negeri yang sedia ada, manakala, sejumlah RM36 juta juga lagi adalah untuk menaik taraf bangunan Kerajaan yang sedia ada seperti pembangunan yang baru. Saya berharap agar kawasan saya tidak ketinggalan untuk menerima manfaat di dalam Perbelanjaan 2024 Sarawak ini.

Tuan Speaker, saya berharap isu-isu yang bakal saya usul ini akan mendapat perhatian serta tindakan daripada pihak yang berkenaan. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih pada Yang Amat Berhormat Premier kerana telah membuat sebuah bajet yang fokus kepada pembangunan luar bandar. Isu-isu yang berkaitan di kawasan saya,

Isu Simpang "T" Kanowit ke Pekan Kanowit

Tuan Speaker, ini saya suarakan isu yang kian menjadi isu yang sangat serius di kalangan rakyat saya di N.50 Machan. Semenjak beberapa tahun setelah siap jalan raya tersebut kadar kemalangan yang telah mencatat terutamanya di simpang "T" Kanowit ke pekan Kanowit kini kian meningkat. Menurut statistik yang telah saya dapatkan dari IPD Kanowit Bahagian Trafik sendiri, statistik kemalangan simpang 3 jalan atau simpang "T" Kanowit-Song bagi tempoh 2021 hingga 2023 telah mencatat sebanyak 12 kemalangan manakala dalam tempoh yang sama pada tahun tersebut, ia telah merekodkan kemalangan maut di lokasi sebanyak dua kemalangan maut. Ia sangat membimbangkan saya kerana saya sendiri kerap menggunakan jalan tersebut untuk menjalankan tanggungjawab saya sebagai Wakil Rakyat dan saya mendapati kenderaan yang melalui jalan tersebut memandu kenderaan mereka dengan kelajuan yang sangat laju. Jadi, amatlah berharap agar Kerajaan Negeri Sarawak mengambil tindakan atau menyediakan kemudahan yang boleh mengurangkan kadar kemalangan di kawasan simpang tiga atau simpang "T" Kanowit Ke Pekan Kanowit tersebut.

Perancangan atau Perkembangan Isu Tekanan Rendah serta Sumber Bekalan Air Bersih

Tuan Speaker, ingin saya mengemukakan isu tekanan air rendah serta bekalan air bersih di Pekan Kanowit dan Pekan Machan. Air merupakan salah satu komponen penting dalam keperluan asas kita. Jadi, perlu bagi saya untuk mengemukakan isu ini di persidangan kita yang mulia ini pada hari ini dengan harapan yang tinggi oleh rakyat saya di Kawasan N.50 Machan. Kehidupan rakyat saya di kawasan amatlah bergantung sepenuhnya pada bekalan air bersih terutamanya dalam menjalankan rutin harian mereka seperti contoh memasak, mencuci pakaian, aktiviti-aktiviti ekonomi seperti kedai makanan dan membasuh pakaian. Semua rutin harian tersebut amat memerlukan bekalan tekanan air bersih yang kuat bagi melancarkan rutin harian penduduk kawasan saya.

Tuan Speaker, isu tekanan air rendah serta air bersih ini tidak asing lagi terutamanya seperti di kawasan:

- (a) Batu Luking;
- (b) Mam; dan
- (c) Majau.

Saya telah beberapa kali mengutarakan isu ini jadi amat besarlah harapan saya untuk mengetahui perkembangan terkini bagi isu ini supaya saya boleh menyampaikan perkembangan ini bagi pihak Kerajaan Sarawak serta agensi yang bertanggungjawab.

Projek Membina Jalan Menalun Ke Sg. Poi, Kanowit

Tuan Speaker, saya ingin mengetengahkan mengenai keluhan serta permintaan rakyat saya yang tinggal di Kawasan Ulu Poi. Setelah memerhati serta meneliti sendiri bersama agensi pelaksana iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak (DID) mengenai projek tersebut, amatlah besar harapan saya agar projek ini ditambahkan lagi peruntukannya. Ini adalah kerana kos sedia ada untuk projek ini hanya mampu menampung kos projek dari Jambatan Menalun sehingga ke Rumah Panjang Umu sahaja. Sekiranya penambahan kos yang diharapkan ini dapat diluluskan, ia pastinya boleh menampung penyambungan terus projek ini sehingga ke Ng. Apek yang akan memberi manfaat kepada enam buah Rumah Panjang serta satu sekolah iaitu:

- (a) Rumah Linda;
- (b) Rumah Nyaru;
- (c) Rumah Sait;
- (d) Rumah Balai;
- (e) Rumah Tarang;
- (f) Rumah Ghani; dan
- (g) Sekolah Rendah Ulu Poi.

Besarlah harapan saya agar permohonan untuk menambah peruntukkan saya ini dapat dipertimbangkan serta diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Projek URDA: Cadangan Jalan Baharu ke Ng. Geremai, Kanowit

Tuan Speaker, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan satu Projek URDA iaitu "*Proposed New Road to Ng. Geremai, Kanowit*" yang dilaksanakan oleh Agensi RECODA. Justeru itu, saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan apakah perkembangan yang terbaru bagi projek ini? Maklum balas dari pihak yang bertanggungjawab amatlah penting bagi saya untuk berkongsi dengan rakyat di kawasan saya yang sering bertanya, "*YB, kemaya meh jalai tu tembu?*"

Banjir di Kanowit

Tuan Speaker, banjir kilat bukanlah satu perkara yang asing lagi di Kawasan Machan terutamanya di Kampung Muhibbah. Perkara ini berlaku oleh kerana kerja sistem perparitan yang tidak sistematik. Kejadian seperti ini turut memberi impak kerugian kepada penduduk di kawasan Muhibbah akan berlakunya kerosakan tanaman, kerosakan harta benda, dan lain-lain lagi.

Tuan Speaker, untuk makluman ini bukanlah kali pertama saya mengemukakan isu ini di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, saya ingin mengetahui apakah perkembangan yang terbaru berhubung dengan rancangan Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah banjir di Kampung Muhibbah di bawah Peruntukkan Projek Khas P.29 yang diberi nama, "*Drainage Improvement Works at Kampung Muhibbah, Kanowit*". Saya telah sedia maklum bahawa projek ini masih di dalam *Design Stage*. Saya ingin mengetahui apakah status projek ini bagi hujung tahun 2023?

Project Rakyat: Waterfront Pekan Machan

Tuan Speaker, saya ingin bertanya mengenai Projek Rakyat yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak semasa kunjungan beliau dalam perasmian Bangunan Pertanian Nanga Machan. Apakah perkembangan terkini mengenai Projek Bina Baru Machan *Waterfront* di bawah peruntukkan Projek Rakyat Kerajaan Sarawak. Saya difahamkan bahawa projek ini tengah dalam peringkat pembinaan dan akan siap pada tahun 2024 tetapi setelah pihak kami ke tapak projek tersebut, didapati bahawa tiada apa-apa kerja pembinaan yang telah dijalankan. Saya ingin menekankan apakah perkembangan terkini yang sebenarnya?

Kaedah Pelaksanaan RTP

Tuan Speaker, saya ingin mengetengahkan mengenai isu kaedah pelaksanaan RTP yang melibatkan projek-projek kecil seperti bina baru pintu gerbang, bina baru rumah JKKK, bina baru jeti kecil dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Tuan Speaker, kesemua projek-projek tersebut memerlukan "*siting approval*" daripada Land and Survey yang akan memakan masa berbulan-bulan. Jikalau projek tersebut merupakan projek besar, ia tiada halangan bagi saya, tetapi ini melibatkan projek kecil sahaja. Hal ini akan menyebabkan berlakunya kelewatan terhadap projek yang diluluskan oleh saya kerana agensi-agensi pelaksana yang telah terpilih terpaksa menunggu kelulusan daripada Land and Survey sebelum mereka mendapatkan kelulusan daripada pihak *SBDC (State Building Design Committee)*, saya ingin menekankan agar permudahkanlah atau perbaiki sistem ini.

*Buaya yang banyak semakin merunsingkan,
Benda yang senang jangan diperumitkan.
Ukai nganok tu, madah aja.*

Kesimpulan, Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya menyatakan bahawa saya memberi sokongan yang penuh kepada Belanjawan 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak. Dengan Belanjawan 2024 ini, Kerajaan Negeri telah membuktikan bahawa Gabungan Parti Sarawak merupakan Kerajaan yang sentiasa komited serta menyasarkan pembangunan di Sarawak secara menyeluruh. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, Tuan Speaker, I have a quote from Allahyarham Pehin Sri Datuk Patinggi Adenan Satem, "*Duduk sama, makan sama, minum sama, cari amoi pun sama*".

Dengan itu, saya berharap agar kita sebagai rakyat Sarawak akan sentiasa mengekalkan perpaduan dan keharmonian antara satu sama lain. Jagalah Sarawak, *Intu Sarawak*, Negeriku, Tanah Airku, Sarawak.

Di dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Natal 2023 bagi yang akan menyambut perayaan ini, Selamat Tahun Baru 2024 untuk kita semua serta kepada mereka yang menyambut perayaan Tahun Baru Cina 2024, *Gong Xi Fa Chai*.

Izinkan saya menyampaikan sebuah pantun.

*Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa,
Tegak bangsa kerana budi,
Runtuh budi hilanglah bangsa.*

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Honourable Member for Simunjan.

YB Encik Awla bin Dris: Terima kasih, Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang.

Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2024), 2023 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar, Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar pada 20 November 2023 yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Pada kesempatan ini, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Tuan Speaker di atas pelantikan semula sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak. Semoga Tuan Speaker sentiasa dalam rahmat Allah SWT untuk mentadbir serta memimpin Dewan yang mulia ini. Saya yakin dengan ketegasan dan kebijaksanaan Tuan Speaker, Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak dapat berjalan dengan lancar dan cemerlang.

Tuan Speaker, setelah mendengar pembentangan Belanjawan Sarawak 2024, saya berasa amat berbangga dengan perancangan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak yang berjiwa rakyat serta menyeluruh untuk setiap lapisan masyarakat di Negeri ini.

Belanjawan Sarawak 2024 juga melakar sejarah dalam Belanjawan Negeri ini iaitu mencatat perbelanjaan terbesar RM12.363 bilion dengan RM4.563 bilion diperuntukkan untuk Perbelanjaan Operasi manakala RM7.8 bilion diperuntukkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai pelbagai program dan projek pembangunan.

Belanjawan terbesar ini membuktikan kejayaan dan usaha pemimpin kita memperkasa semula hasil dan pengurusan kewangan yang berhemah. Umum mengetahui bahawa Belanjawan Sarawak 2024 ini tidak hanya mengutamakan pembangunan infrastruktur namun turut mengambil kira pembangunan sosial dan kesejahteraan rakyat.

Tuan Speaker, kita semua akui bahawa Yang Amat Berhormat Premier merupakan seorang pemimpin yang berpandangan jauh dalam rangka pembangunan yang berterusan di seluruh Negeri ini terutamanya di kawasan luar bandar menjelang 2030.

Dapat kita saksikan bahawa Yang Amat Berhormat Premier juga bekerja keras untuk menambah pendapatan Sarawak bagi memastikan kemajuan dan pembangunan seperti yang dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Speaker, saya mewakili rakyat di Kawasan Simunjan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan GPS kerana telah membentangkan

Belanjawan 2024 yang begitu inklusif. Saya amat berharap agar peruntukan ini akan dapat juga disalurkan kepada kami di Kawasan N.25 Simunjan juga.

Tuan Speaker, sekarang izinkan saya menyentuh beberapa isu yang melibatkan Kawasan saya di N.25 Simunjan yang memerlukan perhatian Dewan yang mulia ini. Diharap Kementerian, Jabatan dan Agensi yang terlibat dapat mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Dah tak tahan telinga, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, alhamdulillah, setelah Kerajaan GPS mengambil alih Kerajaan Sarawak banyak pembangunan telah disalurkan dan diluluskan termasuk di kawasan saya di N.25 Simunjan. Namun, apa yang menyedihkan kebanyakan projek ini belum lagi dimulakan.

Sebagai contoh Projek Menahan Hakisan di Tebingan Pekan Simunjan iaitu *Waterfront* hingga kini belum ada khabar berita. Sehingga kami terpaksa menggunakan tapak yang sama selepas hakisan beberapa tahun lepas sebagai tapak Regatta Pesta Simunjan tahun ini. Begitu juga dengan Projek Penahan Hakisan di Kampung Sageng, terdapat beberapa buah rumah hanya menunggu masa untuk jatuh ke Sungai, namun, masih belum dipindahkan. Simunjan dan hakisan tebingan sungai bagai berpisah tiada. Sebuah kampung hanya tinggal kenangan iaitu Kampung Lintang.

Begitu juga dengan projek-projek lain seperti:

- (a) Cadangan pembinaan jalan baharu di Pusat Pentadbiran Gunung Ngeli Service Centre, Simunjan;
- (b) Projek Mendalam Sungai dan membina pintu air di Kampung Kelka;
- (c) Projek Medan Selera, Cottage Industry, Pasar Tamu dan Mini Shop;
- (d) Anjung Usahawan; dan
- (e) *High Level Tank* di Taman Hijrah Simunjan.

Isu ini menjadi perbualan masyarakat setempat di media sosial. Mereka menyalahkan Kerajaan kerana melambatkan projek tersebut dan seolah-olah Kerajaan berjanji kosong kepada rakyat.

Di Dewan ini, saya merayu kepada Kementerian dan Agensi yang terlibat supaya memandang serius isu ini dan dapat mempercepatkan kerja pelaksanaan kesemua projek berkenaan agar warga Simunjan turut merasai pembangunan sekaligus akan menggerakkan pertumbuhan ekonomi di sini ke arah lebih positif.

Sektor Pertanian

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan amat menekankan masyarakat supaya melibatkan diri dalam sektor pertanian. Bagi kami di N.25 Simunjan, kebanyakan pekerjaan isi rumah adalah bertani. Saya memohon kepada Kementerian untuk menyalurkan lebih banyak peruntukan kepada petani di kawasan saya agar mereka dapat memperkembangkan pendapatan mereka melalui sektor pertanian. Saya berharap Jabatan Pertanian juga dapat memberi khidmat nasihat serta tunjuk ajar kepada petani di kawasan luar bandar seperti di Simunjan supaya menceburi diri dalam bidang pertanian moden.

Di sini, saya juga memohon kepada Kerajaan mempercepatkan kelulusan peruntukan untuk membina Pejabat Pertanian Daerah Simunjan yang baharu. Untuk makluman Dewan, perkara ini telah beberapa kali saya kemukakan, namun, sehingga kini belum ada tindakan daripada Kementerian yang berwajib. Keadaan pejabat Jabatan Pertanian Daerah Simunjan sekarang memang agak uzur dan memerlukan bangunan yang baharu.

Menaik taraf Jalan Raya

Tuan Speaker, di sini saya juga ingin memohon perhatian agensi terlibat terutamanya Jabatan Kerja Raya supaya menaik taraf jalan melalui Kampung Sabun ke Jambatan Batang Sadong sepanjang 18 km. Keadaan jalan tersebut yang tidak rata dan tidak sempurna amat berbahaya kepada pengguna.

Saya juga memohon agar jalan menghubungkan Kampung Sageng ke Kampung Tebuan Iban yang terputus akibat hakisan tebingan sungai di Kampung Sageng Sabal dipercepatkan pembinaannya. Keadaan jalan yang terputus itu menyukarkan penduduk kampung untuk melintas jalan tersebut. Untuk makluman Dewan, penduduk kampung terpaksa menggunakan jalan masuk sebuah kilang simen yang berdekatan sebagai laluan alternatif. Sehubungan dengan itu, saya memohon agensi terbabit memandang serius perkara ini dan membantu kami untuk mendapat kemudahan jalan raya yang sempurna.

Masalah Rangkaian Telekomunikasi

Selain itu, kawasan N.25 Simunjan masih mengalami masalah rangkaian telekomunikasi ketika ini. Saya berharap Projek Menaik Taraf Stesen Pemancar yang sedang berjalan dapat disiapkan segera susulan kesemua rangkaian telekomunikasi di kawasan N.25 Simunjan masih bermasalah dan lemah.

Pembinaan Pusat Tahfiz

Tuan Speaker, kita telah membina sebuah Pusat Tahfiz di Simunjan menggunakan peruntukan RTP berjumlah RM700,000. Pembinaannya telah siap pada tahun ini. Namun, Pusat Tahfiz tersebut masih banyak memerlukan peruntukan bagi menambah blok bangunan sedia ada dan kelengkapan lain yang belum siap sepenuhnya.

Dengan ini, saya memohon peruntukan sebanyak RM5 juta untuk menyiapkan sepenuhnya Pusat Tahfiz tersebut. Siap sepenuhnya Pusat Tahfiz itu nanti dapatlah digunakan oleh golongan kanak-kanak dan remaja di kawasan Simunjan dan kawasan berhampiran meningkatkan ilmu agama dan membentuk akhlak yang lebih mulia.

Kecurian Kabel Elektrik

Tuan Speaker, masalah sosial di Simunjan sejak kebelakangan ini semakin meningkat. Antaranya, kes kecurian kabel elektrik. Untuk makluman Dewan, kabel yang menyambung bekalan elektrik lampu jalan di sepanjang Jalan Kampung Nanas dan Taman Botani Simunjan telah hilang akibat kecurian. Disebabkan perkara ini, pihak Majlis Daerah Simunjan memerlukan kos yang tinggi untuk penyambungan semula kabel elektrik tersebut. Saya memohon pihak PDRM memantau kegiatan remaja di kawasan Simunjan dan sering membuat rondaan di kawasan Pekan Simunjan dan kawasan kampung yang berdekatan. Selain daripada itu, saya memohon kepada pihak PDRM menyiasat punca peningkatan masalah sosial di Simunjan terutamanya melibatkan golongan remaja.

Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya memohon dan merayu sekali lagi kepada Kerajaan Negeri agar pembangunan di Simunjan juga dipandang berat oleh Kerajaan. Ini adalah kerana Simunjan masih mundur dari segi pembangunan sedangkan Daerah Simunjan adalah salah sebuah daerah tertua di Negeri Sarawak. Kalau tidak silap saya, pembentukan Daerah Simunjan pada 12 November 1968.

Sempena sambutan Ulang Tahun Sarawak Merdeka Ke-60 tahun pada tahun ini, marilah kita sama-sama berdoa agar perpaduan seluruh masyarakat pelbagai kaum dan agama di Negeri ini terus utuh dan bersatu hati untuk memajukan Negeri ini ke arah pembangunan sejagat.

*Daerah Gedong, Daerah Simunjan,
Banyak di tanam Kelapa Sawit;
Belanjawan 2024 Telah Dibacakan,
Diharap Daerah Simunjan Dapat Ampit.*

Akhir kata, di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada rakan-rakan yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru 2024 kepada semua. Dengan ini, saya mohon menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (2024), 2023. Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, today being Friday, we will have an adjournment. Dewan resumes at 2.30 p.m.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.03 pagi)

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.40 petang)

[Timbalan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Speaker: Continuation of debate. May I call upon Ahli Yang Berhormat for Tellian, please.

YB Encik Royston bin Valentine: Tuan Speaker, Tuan Speaker. Salam damai dan Salam Sarawak Maju Makmur. Tuan Speaker, terima kasih atas peluang kepada Tellian untuk turut berbahas dalam usul Belanjawan Sarawak bagi tahun 2024 yang sekali lagi melakarkan sejarahnya yang tersendiri. Bajet yang besar sudah pasti terhasil dari kebijaksanaan kepimpinan Sarawak dalam melaksanakan pelbagai kaedah penjana pendapatan tahunan. Pada tahun ini, pendapatan Sarawak diunjurkan sebanyak RM12.7 bilion, kenaikan sebanyak RM808 juta bersamaan 7% berbanding pendapatan tahun 2022.

Bertemakan "*Pembangunan Untuk Semua: Bersama Membina Sarawak yang Sejahtera, Mampan dan Bersatu-padu*", Bajet Sarawak 2024 bertujuan mewujudkan rangka kerja belanjawan pengembangan yang akan merangsangkan peningkatan pendapatan Kerajaan, sekaligus mewujudkan pertumbuhan ekonomi mampan di wilayah Sarawak.

Tuan Speaker, sebahagian dari Kawasan DUN Tellian terletak di pusat pentadbiran Bahagian Mukah, yang merangkumi 14 buah kampung yang majoriti penduduknya berbangsa Melanau, termasuk dua perkampungan yang penduduknya berbangsa Tiong Hua, dan sebahagian lagi adalah meliputi penempatan di sepanjang Batang Mukah dan Ulu Batang Oya, Dalat yang keseluruhan kawasan ini didiami oleh penduduk berbangsa Iban. Dengan keadaan ini, saya melihat keperluan utama adalah untuk membangunkan kawasan pedalaman DUN Tellian serentak dengan pembangunan konsisten di kawasan Bandar Mukah.

Maka dengan pertimbangan ini, saya meletakkan sasaran *Tellian All Accessed 2030* – ini bermakna pada tahun 2030, seluruh Kawasan DUN Tellian akan dihubungkan oleh jaringan jalan raya, rangkaian telekomunikasi serta bekalan elektrik dan air terawat.

Secara ringkasnya, kemajuan pembangunan di DUN Tellian melambangkan tahap kemajuan Bahagian Mukah dalam skop yang lebih besar. Meminjam rangka ungkapan sahabat saya Katibas, *Enti Tellian enda mansang, Sarawak enda mansang*. Ini bermaksud kemajuan setiap kawasan DUN yang ada melambangkan sepenuhnya kemajuan Sarawak secara keseluruhan.

Tuan Speaker, seterusnya saya akan memfokuskan perkara berkaitan Kawasan DUN Tellian yang amat perlu diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh pihak Kerajaan Sarawak mahupun Kerajaan Pusat. Seperti yang kita sedia maklum, ada beberapa perkara yang berada di bawah bidang kuasa Persekutuan yang sangat lambat untuk diambil tindakan dan peruntukan pun sangat

terhad. Oleh itu, kita di peringkat Kerajaan Sarawak sentiasa berusaha untuk membantu memenuhi keperluan-keperluan mendesak berkenaan.

RUMAHKU SYURGAKU

Rumah adalah keperluan paling penting setiap keluarga mahupun golongan bujang, terutamanya bagi penduduk dalam kategori B40 dan M40. Dengan harga rumah yang mahal, ramai dari golongan berkenaan tidak mampu memiliki rumah ataupun kediaman sendiri sehingga mereka tiada pilihan melainkan tinggal bersama keluarga yang kadang-kadang berkongsi sehingga tiga ke empat isi rumah dalam satu rumah yang sempit dan tidak selesa. Oleh itu, saya memohon agar dibina lebih banyak rumah mampu milik di Mukah dan DUN Tellian secara lebih spesifiknya. Saya telah merujuk kepada pihak Land & Survey berkaitan status tanah yang dikenal pasti hak milik HDC di Lot 748, Lot 981 dan Lot 737 Mukah Land District. Lot-lot berkenaan adalah sangat luas dan lokasinya sangat strategik berdekatan dengan hospital, sekolah, pejabat Kerajaan, bank, pasar dan pelbagai lagi kemudahan awam lain. Lot-lot ini sangat sesuai untuk dibangunkan rumah mampu milik dengan apa jua konsep dan pakej yang difikirkan sesuai.

Tuan Speaker, perkara seterusnya adalah berkaitan bantuan rumah PPRT bagi penduduk dalam kategori miskin tegar. Ini adalah di bawah KKDW. Dalam pengamatan saya, spesifikasi rumah PPRT yang dibina ketika ini adalah kurang memuaskan, penggunaan bahan binaan yang tidak tahan lama amatlah mengecewakan. Tidak sampai lima tahun rumah-rumah ini sudah buruk dan tidak selamat untuk didiami. Adalah penting untuk mengubah spesifikasi rumah berkenaan dari segi meningkatkan kos pembinaan dan *upgrade* jenis bahan binaan yang digunakan sesuai dengan kawasan penempatan yang mungkin berada di pedalaman dan ada yang terletak di persisiran pantai.

Seterusnya rumah PPRT yang pemiliknya sudah meninggal dunia, ada atau tiada pewaris, rumah-rumah berkenaan kebiasaannya akan terbiar usang dan rebah menyembah bumi. Ada sebahagian daripadanya diubah suai dan dijual pula kepada orang lain. Kalau dilihat dari segi logiknya, memang kita tidak dapat menghalang ia daripada berlaku, kerana tanah adalah milik mereka, cuma rumah adalah rumah bantuan. Maka apa yang Kerajaan boleh buat adalah memikirkan kaedah baru untuk mengatasi masalah ini bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian yang tidak ketara.

Ingin saya cadangkan juga agar Kerajaan Sarawak dapat menyediakan skim bantuan rumah untuk golongan miskin tegar seumpama PPRT ini tetapi dengan konsep dan kaedah yang lebih moden. Mungkin boleh dinamakan bantuan berkenaan "*Bantuan Rumah Sarawakku Sayang*".

Saya juga memohon agar cadangan empat SPK Baharu yang dimaklumkan dalam persidangan sebelum ini, yang telah dikemukakan dalam kajian separuh penggal RMK Ke-12 dapat direalisasikan. Empat SPK berkenaan adalah SPK Tellian Fasa 1 (Stage 2), SPK Tellian Fasa 2 (Stage 1), SPK Sg. Ragei/ Sg. Pegei dan SPK Petanak Fasa 2.

PERKHIDMATAN KESIHATAN

Tuan Speaker, terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Sarawak, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Timbalan Menteri Kesihatan merangkap Ahli Parlimen Sibuti atas lawatan kerja ke Mukah pada 18 Julai yang lepas, di mana beberapa tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan berkaitan perkhidmatan kesihatan di Mukah.

Saya dimaklumkan oleh Pengarah Hospital Mukah bahawa doktor pakar O&G telah ditempatkan secara tetap di Hospital Mukah bermula pada 13 November 2023 iaitu 11 hari yang lepas. Tidak berhenti setakat itu, saya mohon agar ada lagi doktor dengan kepakaran lain ditempatkan secara tetap di Hospital Mukah bersekali dengan peralatan dan kelengkapan kepakaran yang berkaitan.

Bilangan Pegawai Perubatan yang bertugas di Hospital Mukah juga sudah ditambah dari lima orang pada bulan Mei yang lepas kepada 11 orang setakat hari ni. Namun ada empat lagi kekosongan jawatan berkenaan yang perlu diisi untuk memastikan perkhidmatan kesihatan di Mukah sentiasa berjalan lancar.

Walau bagaimanapun, dari segi kelengkapan dan kemudahan, Hospital Mukah masih lagi memerlukan banyak penambahbaikan. Tiga unit mesin *dialysis* termasuk *RO water tank*, *raw water tank* dan *membrane filter* diperlukan. Saya mohon agar dari jumlah keseluruhan RM4.7 juta bajet yang diperuntukkan untuk tujuan ini di dalam Bajet Sarawak, harus ada pembahagiannya untuk Mukah.

Perabot dan kelengkapan dalam bilik rawatan dan wad hospital Mukah juga perlulah diganti kerana banyak yang sudah usang dan berisiko mendatangkan bahaya kepada pegguna.

PENDIDIKAN

Tuan Speaker, Bajet 2024 ini telah meletakkan sejumlah besar peruntukan untuk memperkasakan pendidikan Sarawak. Pelbagai inisiatif telah dirancang oleh Kerajaan bagi membantu murid-murid di peringkat sekolah dan pelajar di peringkat IPT agar mereka terus fokus dalam pendidikan. Namun, satu perkara yang mungkin pihak Kerajaan Sarawak mahupun pihak Kerajaan Persekutuan terutamanya, terlepas pandang adalah berkaitan keperluan murid di peringkat sekolah, iaitu Bantuan Geran Perkapita (PCG) untuk murid di sekolah-sekolah di Sarawak yang tidak wajar. Sebenarnya yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ini adalah tidak wajar dari segi kadar agihan peruntukan yang ditetapkan berdasarkan enrolmen murid yang bersekolah pada tahun semasa.

Berpandukan Jadual 15 Kadar Bantuan Sukan, Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia, kadar setahun untuk bantuan sukan sekolah untuk sekolah rendah bagi enrolmen 1 - 50 orang murid adalah berjumlah RM200 sahaja untuk sebuah sekolah untuk satu tahun. Kadar ini tidak relevan untuk sekolah-sekolah di Sarawak.

Kadar Bantuan Geran Perkapita untuk murid yang diselaraskan dalam Jadual 15 ini tidak mengambil kira jarak serta lokasi sekolah. Perkara ini mendatangkan masalah besar kepada sekolah-sekolah luar bandar dengan bilangan murid yang tidak ramai untuk menghantar penyertaan bagi aktiviti di peringkat daerah, bahagian, mahupun di peringkat negeri, apatah lagi di peringkat kebangsaan. Masalah ini sudah pasti akan menjejaskan peluang untuk pendedahan dan pengembangan bakat murid-murid yang berpotensi.

Oleh itu, mohon pihak Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak untuk menyediakan bantuan tambahan bagi PCG untuk murid ini.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ASAS DI KAWASAN DUN TELLIAN

Jalan Raya

Tuan Speaker, saya difahamkan, projek bina baru jalan raya yang menghubungkan Kawasan Ulu Baoh dan Nanga Baoh Dalat sepanjang 11km yang bernilai RM14 juta yakni berada di bawah *Federal funding*, menghadapi masalah ketika ini dan dicadangkan oleh agensi pelaksana untuk dibatalkan. Saya mohon agar agensi berkaitan menilai semula cadangan pembatalan berkenaan, dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul terutamanya dari sudut teknikal. Projek ini berimpak besar dan berperanan sebagai *game changer* untuk kawasan sekitar kerana Nanga Baoh adalah satu-satunya kawasan di dalam DUN Tellian yang belum lagi dihubungi oleh jalan raya. Sudah pasti sosio ekonomi penduduk di kawasan juga akan berkembang dan kemajuan lain dapat dibawa masuk dengan mudah dengan siapnya jalan ini nanti.

Saya juga memohon agar jalan dari jambatan Sg. Dijih menuju ke Ulu Sebakong dapat dinaiktarafkan kepada jalan tar.

Bekalan Air Terawat

Tuan Speaker, sekali lagi saya bangkitkan isu berkaitan bekalan air terawat di Kawasan Bukit Inkerbai dan Lubok Bemban, projek ini sudah diluluskan dalam RMK Ke-11 tapi sampai hari ini masih belum nampak kerja-kerja pelaksanaannya. Projek bekalan air terawat dari Kawasan Sebakong ke Nanga Sikat dan Selangau ke Ulu Boah juga sentiasa menjadi tanda tanya penduduk di kawasan berkenaan.

Suka untuk saya bangkitkan juga satu isu yang berlaku di Mukah baru-baru ini berkaitan permohonan ditolak oleh agensi bertanggungjawab untuk penyambungan meter air ke kediaman yang berada di seberang jalan sahaja bermakna diseberang grid air, mohon agensi berkenaan untuk memudahkan urusan ini agar kediaman yang berdekatan dengan grid air ini tidak keciciran dari menikmati kemudahan yang disediakan dengan baik.

Sarawak Alternative Water Supply (SAWAS)

Terdapat sembilan buah rumah panjang iaitu Rumah Balin, Rumah Duah, Rumah Bala, Rumah Tulu, Rumah Langit, Rumah Abus, Rumah Buan, Rumah Iman dan Rumah Lawai di Kawasan Nanga Baoh, Dalat sepatutnya mendapat manfaat penuh hasil daripada pelaksanaan projek ini.

Ini adalah inisiatif yang sangat baik yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, walau bagaimanapun rakyat di kawasan berkenaan sering mengadu berkaitan dengan masalah sistem SAWAS yang sudah lama tidak dapat digunakan, rosak dan tidak diselenggara dan ada yang masih dalam proses penyediaan tender untuk pengoperasian semula loji. Jadi saya mohon agar tindakan lebih proaktif diambil oleh agensi berkaitan untuk memastikan kemudahan ini dapat digunakan semula dengan baik tanpa merugikan pihak Kerajaan.

Bekalan Elektrik

Tuan Speaker, semenjak tahun 2021, permohonan bekalan elektrik luar bandar dari Kawasan Tellian masih belum mendapat maklum balas daripada pihak Kementerian. Pemohon yang terlibat adalah dari kawasan rumah panjang kesemuanya, iaitu Rumah Robin dan Rumah Ibat di Nanga Dijih, Rumah Augustine di Nanga Sikat, Rumah Jelai di Bukong Tengadak dan Rumah Meling di Ulu Baoh. Mohon pihak Kementerian untuk memberikan maklum balas berkaitan status permohonan ini ke Pejabat Daerah Mukah, kalau ada masalah, kita cari jalan penyelesaian bersama.

Waterfront Mukah

Saya ingin mendapatkan status perkembangan terkini daripada agensi bertanggungjawab berkaitan projek *Waterfront Mukah* yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Premier di dalam ucapannya semasa Pesta Kaul Mukah pada penghujung bulan April yang lepas. Projek ini bernilai RM60 juta. Penduduk Mukah seringkali bertanyakan kepada saya berkaitan status projek ini.

PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Tuan Speaker, berkaitan isu pendaftaran perniagaan, beberapa masalah timbul lagi berkaitan pembaharuan lesen perniagaan usahawan kecil di Mukah. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, adakah perancangan di pihak Kerajaan agar dibenarkan Pendaftaran Perniagaan ini (Ordinan Nama-Nama Perniagaan) yang menggunakan alamat rumah kediaman, selain dari kawasan komersial atau industri terutamanya bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang juga menjalankan perniagaan secara atas talian.

Kesian sidak usahawan kita yang berniaga secara kecil-kecilan ini menghadapi masalah untuk mendaftar dan memperbaharui lesen perniagaan mereka, yang mana beberapa syarat pendaftaran perniagaan berada di luar kemampuan mereka seperti menyewa kedai dengan kadar sewaan yang pasti agak mahal. Peluang untuk menyewa di Pusat Inkubator SEDC dan MARA pun sangat terhad.

KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Isu Hakisan Tebingan Sungai

Tuan Speaker, hasil lawatan bersama dengan agensi yang berkaitan, tebingan sungai Tellian yang terhakis di beberapa kawasan didapati berisiko besar menjejaskan rumah-rumah penduduk kampung yang kebanyakannya didirikan di tebingan sungai berkenaan, situasi yang sama berlaku di Sungai Penet, Sungai Judan, Batang Mukah di Kawasan Nanga Sikat dan Lubok Bemban di mana terdapat penempatan rumah panjang dan sekolah.

Manakala Sungai Petanak pula mengalami masalah sungai cetek oleh sebab kewujudan parit buatan manusia yang telah menyebabkan perubahan arus aliran air sungai ke sungai Tellian, ini menimbulkan banyak masalah kepada penduduk kampung yang masih menggunakan sungai berkenaan untuk kegiatan mengeluarkan hasil hutan dan rumbia. Saya mohon pihak Jabatan DID untuk mencadangkan dan melaksanakan kaedah sesuai untuk mengatasi kedua-dua masalah ini.

PENGUKURAN TANAH NCR DAN KAMPUNG TRADISIONAL

Tuan Speaker, saya mohon maklum balas agensi bertanggungjawab terhadap status permohonan penyukatan tanah NCR di bawah Seksyen 6 di Kawasan Ulu Baoh dan Nanga Baoh di Daerah Dalat serta permohonan-permohonan lain di sekitar Kawasan DUN Tellian yang juga melibatkan kawasan-kawasan ulu di Daerah Mukah.

Saya juga telah dimaklumkan oleh Superintendent Tanah dan Survei Mukah bahawa kesemua permohonan penyukatan kampung tradisional di Kawasan DUN Tellian telah dilulus dan diukur serta telah pun dikeluarkan dengan surat hak milik tanah. *Well done team* Land and Survei Mukah dan pihak Ibu Pejabat.

KETUA MASYARAKAT DAN KETUA KAUM

Saya ingin bertanya, bilakah Kerajaan Sarawak dapat meluluskan jawatan Ketua Masyarakat di Kawasan Daerah Mukah dan Daerah Dalat yang telah dipohon bagi jawatan-jawatan berikut:

- (a) Pemanca Iban dan Pemanca Cina bagi Daerah Mukah;
- (b) Penghulu Iban bagi Batang Mukah;
- (c) Penghulu Melanau bagi Kawasan Kuala Lama, Mukah; dan
- (d) Ketua Kaum bagi Kampung Penat di bawah Daerah Dalat.

Permohonan ini sudah dihantar. Jadi kita mahu tahu bila kelulusan ini dapat diberi. Saya berharap agar pertimbangan untuk meluluskan pelantikan jawatan-jawatan penting ini dapat ditentukan segera.

Saya amat bersetuju dengan Tebedu, Serembu dan Lingga berkaitan peranan penting dan sumbangan besar Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum di Sarawak yang banyak membantu sebagai pemudah cara pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan di peringkat akar umbi. Oleh itu, saya juga ingin mencadangkan agar elaun-elaun pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi ini dinaikkan sewajarnya. Dan sebagai tambahan, dicadangkan juga agar diwujudkan skim-skim tertentu kepada KMKK yang telah tamat perkhidmatan, sekurang-kurangnya selepas tamat perkhidmatan golongan ini tidaklah hilang 100% punca pendapatan.

KEMUDAHAN SUKAN DAN REKREASI

Apakah status terkini cadangan projek Pembangunan fasa kedua Stadium Mukah yang merangkumi *Indoor Stadium*, kolam renang dan lain-lain kemudahan yang berkaitan seperti yang dicadangkan dalam *master plan* Stadium Mukah yang terdahulu?

Adakah perancangan Kerajaan untuk menaiktarafkan Dewan Sukan Tertutup Mukah yang sekarang dalam keadaan daif dan adakah perancangan untuk menaik taraf juga padang SSC Mukah yang tidak lengkap kemudahannya?

Mukah amat memerlukan kemudahan-kemudahan ini bagi memenuhi keperluan penduduk yang sentiasa aktif dalam pelbagai program sukan dan rekreasi selari dengan peredaran zaman.

PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

Tahniah kepada MYSED atas kecemerlangan dalam pelaksanaan dasar-dasar Kementerian melalui pelbagai program di seluruh Sarawak termasuk program kepimpinan dan kemahiran mahupun sukan dan rekreasi. Saya berpandangan, program-program kepimpinan haruslah dipelbagaikan terutamanya di peringkat tertinggi Kerajaan Sarawak ini bagi melahirkan pemimpin pelapis.

Pemimpin akan sentiasa bertukar ganti dan bagi menjamin ketersediaan pemimpin-pemimpin pelapis yang berkualiti, kita memerlukan pelbagai platform untuk melatih dan mendidik golongan muda ini dan Dewan Belia Sarawak merupakan salah satu pilihan yang sangat bertepatan. Oleh itu, saya mencadangkan agar pihak Kementerian dapat merealisasikan Program Dewan Belia Sarawak ini pada tahun hadapan.

Persatuan Bola Sepak Sarawak (FAS)

Tuan Speaker, saya difahamkan FAS sudah tidak lagi terlibat dengan pengendalian pasukan yang mewakili Sarawak ke mana-mana peringkat liga di Malaysia. Buat masa ini, FAS menumpukan kepada pelan strategik untuk tempoh 10 tahun bermula 2023-2032 yang dinamakan sebagai VISI 10:32.

Sepanjang tahun ini, saya melihat perubahan drastik FAS ke arah yang jauh lebih positif dan *more visionary* di bawah kepimpinan Presiden baharu. Pelbagai program telah dilaksanakan bermula dari program pembangunan, penganjuran pertandingan di pelbagai peringkat umur, kursus kejurulatihan, kepengadilan dan banyak lagi program-program lain yang berkaitan. Ini adalah satu perkara yang sangat bagus.

Oleh itu, saya mencadangkan agar Kerajaan Sarawak akan terus memberikan sokongan terhadap Persatuan ini melalui suntikan geran tahunan yang konsisten dan mencukupi untuk menjayakan Visi 10:32.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan Kuching City FC yang menjadi satu-satunya wakil Sarawak yang bermain di Liga Super Malaysia pada musim ini dan pada 3 Disember 2023 ini, mereka akan bermain di perlawanan akhir *Malaysia Challenge Cup* menentang pasukan PDRM, "*Small Club with Big Heart*". *Good luck Kuching City FC*, teruskan memartabatkan bola sepak Sarawak sehingga ke kemuncak.

Tuan Speaker, sebagai penutup, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada agensi-agensinya Kerajaan Sarawak yang dipimpin oleh YB Datuk Amar SS yang telah bertungkus lumus dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun ini.

Tahniah dan terima kasih juga kepada Tuan Speaker dan petugas-petugas DUN atas urusan pengendalian sidang pada kali ini yang terbaik daripada sidang-sidang yang lain. Selamat menyambut Hari Natal kepada seluruh umat Kristian yang meraikannya dan Selamat menyambut Tahun Baru kepada semua.

Dengan ini, saya mohon menyokong Belanjawan 2024 dengan penuh keyakinan bahawa GPS sentiasa mengutamakan keterjaminan Sarawak yang stabil, maju dan makmur. *May God bless everyone!* Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih bagi Ahli Yang Berhormat Tellian, satu ucapan yang begitu bersemangat. Next, I would like to call Honourable Member from Opar.

YB Encik Billy anak Sujang: Test ok.

*Mencari timba si anak dara,
Di bawah sarang burung tempua,
Salam sembah pembuka bicara,
Selamat bersidang untuk semua.*

Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya bersama-sama dengan warga DUN N.1 Opar untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan ataupun *the Supply Bill (2024), 2023* yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lepas.

Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Premier atas kejayaan membentangkan belanjawan yang bertemakan *Development for All: Together, Building a Prosperous, Sustainable and United Sarawak*.

Bajet 2024 adalah bersifat *Development Bias Budget* kerana daripada keseluruhan RM12.363 bilion bajet tersebut, sebanyak RM7.8 bilion ataupun 63.09% adalah untuk bertujuan untuk pembangunan manakala RM4.563 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus. Bajet 2024 ini dijangkakan akan menghasilkan unjuran pendapatan sebanyak RM12.74 bilion dengan lebihan pendapatan sebanyak RM386 juta yang akan dicatat sebagai *bajet surplus* Kerajaan Sarawak.

Bajet 2024 merupakan bajet terbesar pernah direkodkan dalam sejarah bajet Kerajaan Sarawak setakat ini. Unjuran pendapatan yang tinggi direkodkan oleh Kerajaan Sarawak ini jelas membuktikan bahawa tadbir urus yang baik, kewibawaan serta kebijaksanaan pucuk pimpinan Kerajaan Sarawak yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Premier sehinggalah baru-baru ini dinobatkan sebagai wilayah dengan pendapatan tinggi oleh bank dunia. Saya percaya Yang Amat Berhormat Premier dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan yang berada di dalam Dewan Yang Mulia ini, ingin melihat berita baik ini sampai hingga ke peringkat akar umbi dan juga rakyat jelata di luar sana.

Dengan berpangsaan kepada 12 teras strategik dan pelbagai inisiatif dalam perbelanjaan Bajet 2024 ini, saya sangat optimistik bahawa Sarawak mampu memenuhi agenda Pembangunan *Post COVID-19* iaitu *Development Strategy (PCDS) 2030* untuk dinobatkan sebagai sebuah negeri termaju menjelang 2030 kelak.

Bajet 2024 juga dijangka mampu untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, merangsang pembangunan wilayah dan luar bandar, menggalakkan pelaburan luar, mengubah daya tahan dan daya saing ekonomi, memperkukuh modal insan dan pembangunan bakat, mempergiat transformasi digital, menggalakkan kelestarian alam sekitar, memperkukuh kebajikan masyarakat, menggalakkan sukan dan pembangunan belia, membanteras kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dan yang sangat penting adalah meningkatkan kemampuan Kerajaan dan penyampaian perkhidmatan untuk masyarakat.

Merangsang Pembangunan Luar Bandar

Tuan Speaker, pembentukan agensi-agensi pembangunan di bawah RECODA oleh Yang Amat Berhormat Premier amat tepat sekali dalam usaha untuk mempercepat pembangunan di seluruh Sarawak terutama sekali di kawasan luar bandar yang lebih terancang, tersusun dan inklusif. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana telah meluluskan *Greater Kuching Coordinated Development Agency (GKCDA)* yang meliputi 10 kawasan DUN iaitu Opar, Tasik Biru, Tanjong Datu, Serembu, Mambong, Tarat, Kedup, Bukit Semuja dan Tebedu.

Peruntukan di bawah GKCDA akan membenarkan beberapa projek pembangunan dapat dilaksanakan terutama sekali di Kawasan DUN N.1 Opar termasuklah kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, sistem bekalan air bersih tidak terawat termasuklah paip graviti, menurap jalan rumah ke rumah, memasang lampu jalan dalam kampung, membina dewan serbaguna, membina jalan pertanian, sawah padi, longkang dan lain-lain kemudahan asas yang sekian lama ditagih dan dinanti-nantikan oleh penduduk setempat.

Harapan saya agar agensi-agensi pelaksana mengambil tindakan yang sewajarnya dengan pantas untuk memastikan projek-projek ini dapat disiapkan dengan cepat kerana rakyat sudah tidak sabar untuk menikmati kemudahan-kemudahan ini. Untuk tujuan ini, adalah diharapkan agar Kerajaan menambah bilangan kakitangan teknikal seperti jurutera dan juga penolong jurutera menggunakan Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) kepada agensi-agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR); Drainage and Irrigation Department (DID); Majlis-Majlis Daerah, Jabatan Pertanian dan juga Jabatan Bekalan Air Luar Bandar.

Agensi yang menguruskan proses-proses dokumen tender diharapkan juga dapat meningkatkan bilangan projek untuk dicabut undi dalam satu-satu sesi agar lebih banyak projek dapat diluluskan dan dapat dilaksanakan seterusnya disiapkan mengikut jadual.

Peruntukan dari GKCDA ini tidaklah mencukupi untuk melaksanakan kesemua projek-projek yang dipohon oleh rakyat. Justeru itu, untuk merencanakan lagi pembangunan di kawasan khususnya di N.1 Opar agar setaraf dengan konstituensi lain, saya memohon agar Yang Amat Berhormat Premier selaku Menteri Kewangan dapat menyalurkan peruntukan tambahan dalam bentuk Projek Rakyat ke kawasan N.1 Opar. Jalan raya ke Kampung Pasir Tengah merupakan salah satu jalan yang masih belum berturap sepenuhnya dan sangat sempit yang memerlukan peruntukan di bawah Projek Rakyat lebih kurang RM42 juta.

Terima kasih sekali lagi kerana telah memberikan peruntukan di bawah GKCDA jalan ke Kampung Kendaie telah diluluskan pembinaannya dibawah GKCDA dengan peruntukan sebanyak RM60 juta. Pasti ini merupakan berita gembira bagi penduduk Kampung Kendaie, Kampung Pasir Hilir dan Kampung Bukit Batu serta sekolah yang menggunakan jalan tersebut iaitu Sekolah Kendaie itu sendiri yang menjadi pengguna utama jalan tersebut. Harapan saya serta ribuan penduduk di kawasan tersebut adalah untuk melihat agensi pelaksana iaitu pihak Jabatan Kerja Raya dapat memikul amanah ini dengan baik serta membuat kerja-kerja awalan di lapangan. Sekali lagi terima kasih ke atas peruntukan kepada GKCDA dan inilah keberhasilan daripada Kerajaan GPS.

Bekalan Air Dirawat

Tuan Speaker, treated water is what the peoples in my area has been long for in many years. Approximately only 20% out of 58 villages in N.1 Opar had been served with treated water. The rest are using Gravity Feed Water Supply System. How I wish the construction of the 20 MLD (Mega Liter per Day) Water Treatment Plan can be speed up. The new water intake will be from Sungai Jangkar and Sungai Pasir Ulu. Once completed, this project will provide treated water not only to N.1 Opar constituency but also to my neighbour N.3 Tanjong Datu constituency and at the same time it will also create employment opportunity to the nearby village.

Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat

Kesihatan dan kesejahteraan rakyat semestinya sesuatu yang kita harapkan daripada setiap sudut. Tanpa adanya kemudahan kesihatan yang sempurna, proses penjagaan kesihatan primer amatlah sukar. Justeru itu, saya merayu sekali lagi supaya Klinik Biawak Fasa 6 disegerakan pembinaannya kerana klinik sedia ada is unfit to be a clinic. It is only an old house being used as a clinic for more than 50 years and it never improve. The site for a new clinic is ready but as of today, there is no sign of approval for this clinic to be constructed. I urge the Ministry of Health through Sarawak Health Department to look into this matter amicably and we work together to get the approval done for Biawak Clinic, since the owner of the house wanted to take back the premise.

Another most important health facility in Lundu is the Lundu Hospital itself. As one of the oldest hospital available in Sarawak now, the current Lundu Hospital is no longer suitable to cater the rapidly increasing number of populations in Lundu District. The equipment gets obsolete due to advancement in technology. Since the site for the new hospital is ready and it is just next to CENTEX Lundu, there is no reason why the new hospital for Lundu need to wait for a very long queue to be approved by the Ministry of Health. Once approved and completed, this hospital will benefit populations from both N.1 Opar and N.3 Tanjong Datu.

Infrastruktur Asas dan Kemudahan Awam

Bila kita sedang bercinta, keluarlah madah dan ungkapan “*lautan luas sanggup ku seberangi*”. Inikan pula hanya 200 meter namun dengarkan;

“Tak sanggup lagi aku, mengenang kisah lalu, keganasan menghantui diriku...”

Dan itulah yang berlaku. Itulah keluh kesah di hati dan sanubari seluruh penduduk Kampung Selampit tempat buaya yang ganas yang menghuni sungai Batang Kayan sering menghantui mereka. Tambahan pula telah terlalu lama menunggu jambatan yang tidak pernah timbul sejak kelulusannya pada tahun 2017 yang lalu. Selepas 60 tahun merdeka, kemudahan asas yang paling penting ini pun mereka tidak dapat menikmati. Justeru itu, saya dan seluruh warga Kampung Selampit dan Kampung Bitokan sangat mengharap agar Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak melalui Jabatan Kerja Raya Sarawak dapat menyegerakan pembinaan jambatan ini demi untuk kesejahteraan rakyat.

Banjir Kilat sering melanda beberapa kampung dalam Kawasan DUN N.1 Opar, antaranya adalah Kawasan Ranto Panjang, Kampung Pasir Hulu, Kampung Bitokan, Kampung Jugan, Kampung Sebako 2, Kampung Judin, Kampung Tembaga Dayak, dan juga Kampung Opar. Saya mohon kepada Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membuat tinjauan dan juga kajian terperinci mengenai masalah ini dan menggunakan kaedah terbaik untuk mengatasinya demi kepentingan rakyat.

Keterjaminan Makanan

Tuan Speaker, saya amat tertarik dengan inisiatif Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran beras tempatan bagi memastikan keterjaminan makanan kepada masyarakat dan rakyat Sarawak. Antara usaha Kerajaan adalah menaik taraf sistem perparitan dan tali air, membaik pulih ban dan menaik taraf jalan akses ke sawah-sawah padi. Di N.1 Opar, sebanyak tujuh bidang sawah padi telah diluluskan dibawah GKCDAs untuk ditambah baik iaitu Payak Jugan, Payak Tebero, Payak Sedaing, Payak Rukam, Payak Jangkar, Payak Biawak dan Payak Sebako. Payak *means* sawah. Melalui sawah-sawah ini, kita boleh menjadikannya sebagai tempat untuk menghasilkan benih-benih padi untuk Sarawak dalam usaha mengurangkan kebergantungan benih import yang mahal. Saya menyeru agar Kementerian (M-FICORD), Jabatan Pertanian Sarawak; dan Jabatan Pengairan dan Saliran (DID) untuk membantu dalam pelaksanaan projek ini kelak yang akan bermula pada tahun 2024.

Dana kemudahan pertanian ataupun *Agriculture Facilitation Fund* (AFF) yang diperkenalkan Kerajaan sebelum ini sesungguhnya merupakan satu suntikan dana yang sangat berguna untuk membantu pekebun-pekebun kecil kita. Ia mendapat sambutan yang sangat baik namun AFF ini terhenti sejak tahun 2022 yang lalu. Seperti juga ADUN dari Tupong, Krian, Murum dan yang terbaru tadi dari Lingga, saya sangat berharap agar pihak Kementerian, M-FICORD mempertimbangkan untuk meneruskan pemberian Dana *Agriculture Facilitation Fund* ataupun AFF ini kerana ia sangat bermakna kepada petani dan pekebun kita.

Penyukatan Tanah NCR

Tuan Speaker, kerja-kerja penyukatan tanah NCR telah lama dimulakan di Sarawak melalui Jabatan Tanah dan Survei serta inisiatif Penyukatan Tanah NCR yang dilaksanakan melalui Dayak Bidayuh National Association (DBNA), namun sehingga hari ini, proses pelaksanaan penyukatan tanah ini agak lambat. Daripada 58 buah kampung yang terdapat di Kawasan N.1 Opar, hanya dua buah kampung sahaja yang telah lengkap pengeluaran surat tanah iaitu Kampung Sebiris dan juga Kampung Jugan.

Kampung-kampung lain yang telah disukat tanah namun surat tanah belum dikeluarkan adalah Kampung Judin, Kampung Temaga Melayu, Temaga Dayak, Kampung Stenggang dan juga Kampung Sebigo manakala beberapa kampung lain dalam proses penyukatan tanah seperti Kampung Biawak, Kampung Jangkar, Kampung Rukam, Kampung Sedaing dan Kampung Bokah serta Kampung Sebigo Dayak.

Terdapat sebahagian tanah pula dalam Kawasan N.1 Opar telah dikeluarkan surat tanah oleh SALCRA seperti Kampung Opar, Kampung Rumih, Kampung Stenggang, Kampung Stungkor Lama, Stungkor Baru, Kampung Raso 1, Raso 2, Kampung Bokah, Kampung Semapu, Kampung Judin, Kampung Sebako. Walau bagaimanapun, Fasa 1 bagi kawasan SALCRA masih belum lagi dikeluarkan dan menjadi tanda tanya penduduk setempat. Saya dengan rendah hati memohon pihak agensi yang berkenaan iaitu pihak SALCRA dan juga Jabatan Tanah dan Survei supaya mengambil inisiatif untuk menyelesaikan perkara ini. Dan saya sangat berharap agar kerja-kerja penyukatan tanah ini akan diteruskan dengan lebih giat lagi, dipercepatkan dan terus dilaksanakan.

Terdapat beberapa kampung di Kawasan N.1 Opar di mana kampung tradisi tersebut yang terletak dalam kawasan *forest reserve* ataupun *Forest Reserve Extension* sejak 2005 sebagai contoh di Kampung Pasir Ulu dan Kampung Jantan. Untuk Kampung Pasir Ulu, lebih separuh daripada kawasan perkampungan tradisional adalah terletak dalam kawasan *Forest Reserve Extension* sejak 2005, manakala di Kampung Jantan lebih satu pertiga kampung tradisional tersebut terletak dalam kawasan *Forest Reserve Extension* juga bermula pada tahun 2005. Mereka telah mendiami kawasan perkampungan tersebut sejak lebih dari 100 tahun yang lalu dan pada hari ini mereka dilanda keresahan kerana tempat kediaman serta semua usaha dan aktiviti pertanian mereka terletak dalam kawasan *Reserve Extension*.

Atas dasar Sarawak Ku Sayang, Sarawak First dan Sarawak Maju Makmur, saya mewakili rakyat dalam kawasan ini dengan rendah hati merayu dan percaya bahawa Kerajaan GPS di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Premier serta agensi-agensinya yang berkaitan di bawahnya akan dapat menyelesaikan kemelut ini demi untuk kepentingan anak-anak Sarawak yang kita sayangi. Saya memohon agar Jabatan Tanah dan Survei meneliti pertindihan ini seterusnya mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Masalah di Kawasan N.1 Opar jika tidak dapat diatasi akan menjadi masalah kita di Sarawak yang kita sayangi ini. *"Kalo anak kadiak kamiy agik, kalo bukan diri sape agik"...* (*If not now, no other time, if not us who else*).

Bahagian Kuching merupakan Bahagian yang sangat besar yang terdiri dari Daerah Kuching, Daerah Bau, Daerah Lundu dan Daerah Padawan dan *Sub-District* Sematan. Saya sealiran dengan N.18 Seremba bahawa sudah tiba masanya untuk mengkaji semula persempadanan pentadbiran Sarawak dengan menjadikan Daerah Bau dan Daerah Lundu sebagai sebuah Bahagian yang

baharu dan ini akan merencanakan lagi agenda pembangunan seperti yang terkandung dalam PCDS 2030.

Elaun Ketua Masyarakat, Ketua Kaum dan Kaunselor

Ketua Masyarakat, Ketua Kaum dan Ahli Majlis memikul beban yang sangat berat ketika menjalankan tugas dalam kawasan dan komuniti masing-masing. Elaun Pemanca hanyalah RM1,300, Penghulu RM1,200, Ketua Kaum sebanyak RM900 manakala Ahli-ahli Majlis hanyalah diberi elaun sebanyak RM300 sebulan. Semua angka ini adalah di bawah paras kemiskinan kebangsaan dan mereka ini boleh tergolong dalam kumpulan B40 atau boleh masuk dalam kelompok miskin tegar.

Merujuk kepada situasi semasa dan kos sara hidup, ternyata imbuhan yang diberi kepada Ketua-ketua Kaum dan Ketua Masyarakat serta Ahli Majlis adalah tidak setimpal dengan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Saya sekali lagi, sealiran dengan N.21 Tebedu supaya satu kajian semula dilakukan terhadap elaun Ketua Masyarakat, Ketua Kaum supaya mereka dibayar selayaknya mengikut beban tugas dan amanah yang diberi. Saya percaya Kementerian Kewangan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Premier dan Yang Amat Berhormat Timbalan Premier, di mana kedua-duanya sangat prihatin dan bertanggungjawab akan mempertimbangkan perkara ini.

Congratulations to The Right Honourable Prime Minister for being awarded Distinguished Honorary Fellow Award by The ASEAN Federation of Engineering Organisation (AFFO)...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Yang Amat Berhormat Premier, is it?

YB Encik Billy anak Sujang:...*(Continue)*... Premier, okay. Congratulations to the Right Honourable Premier for being awarded Distinguished Honorary Fellow Award by the ASEAN Federation of Engineering Organisation (AFFO). Thank you to Yang Amat Berhormat Premier for your continuous effort, emphasising on rural development in the State Budget 2024 presented last Monday. *Mun Opar sik maju, Sarawak pun sik maju.*

Last but not least, I would like to wish our fellow Christians, a Blessed Christmas Day filled with joy, love and happiness and Happy New Year 2024 to all friends and fellow colleagues. Okay, pantun terakhir daripada saya;

*Bunga dedap di atas para,
Anak dusun pasang pelita,
Kalau tersilap tutur bicara,
Jemari di susun maaf dipinta.*

With this remark, I hereby fully support the Supply Bill (2024), 2023 presented by Yang Amat Berhormat Premier Sarawak on 20th November 2023. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Opar. Hanya saya nak katakan apa kaitan cinta dan buaya dan lagu? Saya harap Kementerian yang berkenaan mengambil iktibar pada kata-kata demikian. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Pelagus.

YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang: Tuan Speaker, Salam Sarawak Maju Makmur. It is indeed a great day for us all here I participate in debating for the Sarawak Budget presented by our Right Honourable Premier; the Minister for Finance and New Economy; Minister for Natural Resources and Urban Development on 20th November 2023.

It is the highest budget ever for Sarawak amounting to RM12.363 billion and an expansionary budget to boost Government spending that will stimulate Sarawak's economic growth. The theme of

this Budget is, *“Development for All: Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak”*. I congratulate and fully support our Right Honourable Premier for the commitment and continue to intensify the implementation of our planned programmes and projects to further accelerate our State development with a development-biased budget.

With 12 Strategic Thrusts, it will stimulate a desirable level of economic activities and sustain economic growth in 2024. Of the 12, I pick Fifth Strategic Thrust - Strengthening Human Capital and Talent Development.

Tuan Speaker, in tandem with the Expansionary Budget that our wise and just Premier has tabled. I hope that this Budget will avail us more funds for development and much needed maintenance in my *Kawasan Pelagus*. I wish to inform this august House that Pelagus has a lot of potential and I hope that the Sarawak Government will pay a little bit more attention in developing this area as I feel that Pelagus can be a very profitable catalyst in many areas of concern.

Education/ Skill Training, TVET Centres and Increasing Human Capital

(a) Worrying State of Primary and Secondary Schools in Pelagus.

The schools in Pelagus are in very much need of help. Even though the Federal Government has identified and has initiated the repairs in many dilapidated schools in Sarawak. To seek the Sarawak Government to provide enough funding to repair and renovate many dilapidated schools in Pelagus. We have been waiting patiently for the Federal Government to assist but not much has come in the last few years.

(b) The following schools need urgent attention from the Government:

- (i) One of the boarding school in SMK Selirik is not safe to stay and I urge Government to come up with urgent fund to build a new boarding house;
- (ii) SK Rantau Panjai, Sg Bena - Two units of teachers' quarters and one dining hall need to be build;
- (iii) SMK Kapit needs additional classroom due to an increasing number of student intake every year.

Stead

After discussion with a few teachers teaching in rural schools in Pelagus was told that inadequate school supplies for effective teaching and learning process: Many schools in Pelagus do not have enough school supplies that can aid teachers to teach. I hope that these areas are also considered.

To Increase Bantuan Geran Per Kapita Persekolahan (PCG PRA)

The Education Ministry should allocate enough fund to purchase teaching aids. Other than what I highlighted above, I believe the list of items need to be attended to in Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) EMIS Online System. They should check on that, what are the things supposed to be done.

Tuan Speaker, in moving forward, many industries are coming up guided by the 12 Strategic Thrusts framed under this 2024 Budget in line with Sarawak PCDS 2030. What our Government should focus is to create a pool of skill competent workforce to meet the demand of workers by many industries in Sarawak. Other then CENTEX, PPKS and other Industrial Institute in Sarawak, the Government should request the industry players such as SEB, PETROS, Sarawak Metro, Sarawak Petchem to name a few and help to train, re-train and conduct reskilling courses for our youth especially those from B40 families. I suggest PETROS to lead in providing training to our people

especially with the passing of Gas Distribution (Amendment) Bill, 2023. PETROS is our Gas Aggregator and it has the capacity in leading this task.

Tuan Speaker, Kapit Division was established in 1973, 10 years after the formation of Malaysia Federation and now has four Districts. However, until today Kapit don't have any Technical College or any training institute, let alone University for that matter. Only Pusat Giat Mara have in Kapit. Iban said "*lindong amat Kapit*". Why so difficult for both Federal and Sarawak Government to build Technical College in Kapit? Not only in Kapit but in any of the four Districts namely Song, Belaga and Bukit Mabong. I am looking forward to have a positive respond from the Government on my request to have at least Technical College will be built in Kapit next year, preferably CENTEX.

Infrastructure/ Connectivity by Timber Road

Tuan Speaker, accessibility to many longhouses in Kapit Division are still using timber roads. Be it an active timber road or the one that is already abandoned. I would like to know the list of timber road that has been approved fund in Kapit. The challenge that faces by the contractors in Kapit is the issue of road maintenance charge by the timber companies is on the high side at RM3.14 per kilometre, *macam Kuala Lumpur ini*. Bridges crossing is charge too. I urge the Ministry to look into the grievances and suggest all the stakeholders to review the toll charges.

Traffic Jam in Kapit

Tuan Speaker, traffic jam in Kapit. Christmas season and new year is coming. I urge the Ministry of Infrastructure and Port Development or JKR to quickly find ways to reduce traffic jam to and from Kapit especially at the only traffic lights in Kapit.

Health Clinic and Facilities

Tuan Speaker, health clinic and facilities. According to the Deputy Health Minister, Dato Lukanisman Awang Sauni, 38 clinics are in the process of being repaired and upgraded in Sarawak and hopefully it will be completed by next month, he said that day, 4th August 2023, *Utusan Malaysia*. That was during the Parliamentary sitting.

Right now, the people of Pelagus are treated at the Klinik Kesihatan in Nanga Mujong and Nanga Bena. These two clinics refer cases to Kapit Hospital for critical and acute care. These two clinics are dilapidated and need refurbishment, repairs and upgrades. I wish to seek the State's approval to immediately allocate enough funds to do the necessary.

In May 2023 sitting of this august House, I had mentioned and requested for two clinics to be built in Pelagus i.e., at Nanga Pelagus and also at Nanga Sama. I wish to emphatically state that there is a dire need for these two clinics to be built in Pelagus.

Tuan Speaker, I hope that the Sarawak Government will give serious attention to this request.

In the last few months, we have witnessed a phenomenon that has utterly shocked us and seem unbelievable. The sudden shortage of local rice, chicken and possibly sugar has caught all of us off-guard. More than ever before, the talk about food security and food supply, price stability is being discussed by all. Pelagus has the potential to be one of the country's food baskets. The approved Agricultural Integrated Training Centre (AITC) at Nanga Mujong is a good start.

I wish to request Sarawak Government to enhance and increase the hectarage of *padi* cultivation irrigation scheme in Merit Batang Rajang and in Tunoh river basin. The Government also can explore Sungai Entuloh Merirai river basin for *padi* planting in Kapit.

I would also like to request more quota than the previous year for rubber planters in Kapit and Bukit Mabong districts.

Tuan Speaker, below are the areas of concern with the current phase of development in Sarawak. Our administrator and the project implementing agencies is tough to implement the project due to shortage of staff. Many projects are delayed and even some never take off. As such, the Government has to recruit more staff in order to deliver the project in time. I come to know many Sarawak Government Departments in Kapit are short of staff. Position brought by those staff either transferred to other district, on promotion to other Division or to the Ministry. Shortage of staff in the department must be addressed quickly so that our plan can be realised with enough execution team. Otherwise, we cannot deliver.

Additional fund allocation for Travel and Transportation (T&T) should seriously be considered by the respective department and ministry to deliver the project. We have money but we cannot deliver. We don't have the capacity to do so.

Other than what had been said above, I support the suggestion by other YBs to increase the allowance of *Ketua Masyarakat* and *Ketua Kaum* even though they are not categorised as employee, because they are not employee, they are not, they are considered, we cannot say that they are below this threshold of the workers. Is it not Datuk Timbalan Menteri, and also Tuan Speaker?

I suggest the increase of RTP budget from RM5,000 to RM7,000 should be considered.

Timbalan Speaker: Per month? Million?

YB Encik Wilson Nyambong anak Ijang: Million. Sorry. RM5 million to RM7 million. Sorry. Sorry. Sorry. Tuan Speaker, sorry. Too eager to ask for the increase. Ha ha, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, with the above, I fully support our State Budget 2024. May I take this opportunity to wish all Christians a blessed Christmas and to all Sarawakians Happy New Year 2024. Thank you, sir.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Pelagus. Next, I would like to call Yang Berhormat Tamin, please.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: Tuan Speaker, thank you for giving me the opportunity to participate in this respected august House on the debate motion of the Supply (2024) Bill, 2023 also known as Sarawak Budget 2024 presented by our Honourable Sarawak Premier Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, during the Second Meeting for the Second Term of the 19th Sarawak Legislative Assembly on Monday, 20th November 2023.

Tuan Speaker, first of all, I would like to congratulate Tan Sri Datuk Amar Speaker for being reappointed as the Sarawak State Legislative Assembly Speaker. I remember one time when Datuk Speaker chaired one meeting, Tan Sri Speaker said that he had to take the job, I mean take the post of Speaker because nobody wants to have it, nobody wants the job. I wish Tan Sri Datuk Amar Speaker the best of health and continue to make tremendous contributions to our beloved State of Sarawak.

I also would like to congratulate our newly elected State Assemblyman for N.67 Jepak for his landslide victory during the recent by-election.

Sarawak Budget 2024

Tuan Speaker, I commended our Sarawak Premier in presenting an expansionary and biggest State Budget for 2024 that proposes to increase the operating and development expenditure from RM11.5 billion in 2023 to RM13.6 billion in 2024 an increase of RM2.098 billion or 18%.

With the theme “*Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak*”, the Budget is more than just a guiding principle but it’s truly show unwavering commitment to the people of Sarawak.

The 2024 Budget meticulously crafted to ensure that development touches every corner of Sarawak, bridges gaps between urban and rural areas to propel Sarawak towards a future where prosperity is not just a dream but for the few but a reality for all.

The budget strikes a balance between responding to immediate challenges that we are now facing, creating more opportunities for Sarawakians, laying a strong foundation for a more resilient and secure economy while at the same time, ensuring long term fiscal sustainability.

In another aspect, the budget will deliver cost of living relief in some areas to reduce the financial burden of low and middle-income groups, make targeted investments and continue to implement vital programmes and the projects for the benefit of the people.

Tuan Speaker, the terms of development, the Sarawak Budget 2024 is seen to be committed to pursuing inclusive economic growth which is attested by a higher budget allocation for development purposes of RM9.08 billion as compared to RM4.56 billion for operating purposes. It represents 66% of the total expenditure for 2024.

Federal Funding

During the tabling of the recent 2024 Federal Budget, the Federal allocation to Sarawak for development purposes is increased from RM5.6 billion to RM5.8 billion. However, this allocation represents only 6.4% of the total Federal Development Budget of RM90 billion for 2024.

I am very disappointed as it is obviously far from enough to meet our development needs and address the imbalances between Sarawak and Peninsular Malaysia. Given Sarawak significant contribution to the national economic growth and the Federal coffers, especially revenue from oil and gas, it is about time for the Federal Government to provide much more allocation to Sarawak in the future budget.

Safeguard Sarawak with Passed of Four Bills

Tuan Speaker, during the last four days of our 19th DUN sitting, I was really proud for our many colleagues State Assemblyman in showing undivided support and commitment to ensure the passing of four important Bills that safeguard Sarawak and continue to protect Sarawak’s Rights namely:

- (a) Sarawak Ombudsman Bill, 2023;
- (b) Environment (Reduction of Greenhouse Gases Emission) Bill, 2023;
- (c) Distribution of Gas (Amendment) Bill, 2023; and
- (d) Electricity (Amendment), Bill 2023.

Malaysia Agreement 1963 (MA63)

On the Malaysia Agreement 1963 (MA63), yesterday at this Honourable august House, yet again we have received good news on the latest update pertaining the changing of ownership of the Bintulu Port to the Sarawak Government by 1st July 2024.

This is huge news for the Sarawakians as it proves that determination of our Sarawak Government in implementing and taking back what is written in the Malaysia Agreement 1963 (MA63).

There are still room for improvement especially on the request for 35% parliament seats for Sabah and Sarawak and adequate federal fund, education and health autonomy. I believe we are getting there through close discussion with strong a representatives from our Sarawak Government.

Free Education by 2026

Tuan Speaker, I would like to congratulate our Sarawak Premier in coming with the idea to give free tertiary education to all Sarawakians by 2026. These include a second and third-year higher education students at our state-owned higher learning institutions (IPTS).

Therefore, if all of them are given free education, this means that we have about 25,000 students throughout the whole State of Sarawak will benefit from this free education. For parents and students must grab this opportunity by producing good result in examination to get qualify for free education in higher learning institution by 2026.

Native Customary Rights (NCR LAND)

Tuan Speaker, the continuous development of rural is crucial in ensuring a thriving rural society. In that regard, a sum of RM10 million was approved under 12th Malaysia Plan to continue issuing land titles to the scheme participants. To date, 50,823 hectares involving 28,845 lots of NCR land have been issued with SALCRA's oil palm development programme. The number of participants' land issued with Section 18 stood at 18,392 lots or 63.8% involving 33,890 hectares while another 4,577 lots have been surveyed and are pending issuance of a land title.

So far, only NCR land under Joint Venture (JV) concept with SALCRA issued with the land title Section 18. Therefore, I appeal similar method to NCR landowners under JV concept with the private developers to be issued land title under Section 18 to the rightful owners.

Increase Allowance for Community Leader

Tuan Speaker, I also have a similar view raised by the Honourable Member in this august House requesting for the community leader allowance to be increase. At present, the current allowance for *Temenggong, Pemanca, Tuai Rumah* and *Ketua Kampung* is set less than RM1,500 per month. Given their duties to the community, these groups should receive their deserving amount of allowance. Therefore, I would like to appeal to the Government to increase the salary of the community leaders to at least the minimum wage of RM1,500 per month.

Basic Infrastructures for N.59 Tamin Constituency

Tuan Speaker, now I would like to touch a bit on my *Kawasan khususnya Tamin*. It is no exaggeration to say that some of our elected representatives here especially those in the rural areas just like myself in Tamin still need to track over hills, travel over rivers and travel in 4WD vehicles through logging roads and even take a helicopter to get to a longhouse or settlement in the interior in order to serve our community.

The sustainable living and wellbeing of a community is highly dependent on the access to basic facilities including infrastructure, electricity supply, and clean water. We must admit that it is not easy to provide comprehensive and adequate basic facilities to every nook and cranny of the rural areas, especially in Sarawak whose populations are scattered throughout the villages and longhouses.

Hence, I hope to proposed road constructions and plan in Selangau including my Constituency Tamin under the 12th Malaysia Plan will proceed without delay. Below are the proposed projects:

- (a) Proposed for new road Jalan Ng. Baoh/Ng. Tamin/Stapang Bahagian Mukah;
- (b) Proposed new road Rh. Seli/Rh Emong Ulu Mukah Selangau;
- (c) Upgrading Jalan Sepudun Balingian Selangau;

- (d) Jalan Ng. Sekuau to SK Pakoh Ulu Oya Selangau; and
- (e) Proposed new road Ng. Pakoh/Rh. Enjah Bunau Selangau.

Water Supply

On the huge delay on construction of water supply in Stapang/ Skuau area despite the budget approved under the Federal Government of RM117 million, I will seek the help from the Sarawak Ministry of Utility and Telecommunication to accelerate the matter. Initially, it aims to upgrade the existing water treatment plant in Stapang and lay pipeline to areas such as Skuau, Oya Pakoh, Jalan Nanga Tajam, Batang Oya, Batu 36 Tamin up to Jalan Kua Ulu Mukah. I also request to speed up the upgrade of the Selangau Water Treatment Plant and the laying of pipes to Dijih/ Ulu Baoh, Ulu Selangau and Ulu Arip, Balingian which allocation had already been approved by the Federal Government.

Electricity

On electricity, about 90% of the people in Selangau or Tamin is covered by 24 hours of electricity. However, newly completed houses or longhouses without having electricity, I proposed the Sarawak Energy Berhad (SEB) to provide them under the Additional Late Application Fund (ALAF) Scheme.

Agriculture as Sustainable Income

Tuan Speaker, to enhance the competitiveness and sustainability of the Sarawak agriculture sector, the Sarawak Government has actively been pursuing the adoption of modern technology along the agriculture supply chain. This is in line with the Government's aspiration to develop Sarawak as a technology-driven agriculture sector that will ensure food security and safety, create wealth for the agro-based and rural community, and establish Sarawak as a net food exporter by 2030.

I would like to thank the Sarawak Government for the establishment of two agriculture stations namely the Selangau Agriculture Station and Stapang Agriculture Station. These stations are very useful to the local community for dealing with agriculture activities. However, I received many complaints from the local people on frequent absence of staff at these stations. I had checked with the agriculture officer with regard to the complaint. Then I was informed that at the moment two stations are facing a shortage of staff. Therefore, I appeal to the Government to increase the staff for these stations.

Sports Facilities

During the last DUN sitting May of this year, I did raise up the matter of "*Projek Sakit*" on the construction of the Selangau Mini Sports Complex. Thanks to the YAB Premier and the interference of the Sarawak Government, Public Works Department (JKR) Sarawak Government had agreed to re-tender the project and increase the project cost from the initial RM8 million to RM15 million. The people of Selangau are looking forward for the completion of the Selangau Mini Sports Complex. Therefore, I would like the Sarawak Government to implement this project as soon as possible.

Telecommunication

Tuan Speaker, the Sarawak Government is currently in the process of site acquisition to set up several new 4G telecommunication towers across Selangau or Tamin area including Kakus area.

The upgrading, meant to improve the quality of telecommunication coverage over the Selangau District is part of the project run under the National Digital Network or JENDELA plan initiated by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) and Sarawak Multimedia Authority (SMA).

Hopefully with the completion of these towers by the end of this year, the people in Selangau including the people in Tamin and Kakus can benefit for a better service in internet and telecommunication service.

Local Loans Convert to Grant

Tuan Speaker, for 2023, the Sarawak Government has allocated RM50 million to implement the Longhouse Loan Scheme. As of July 2023, all the allocations have been disbursed, which benefited about 78 longhouses consisting of 1,698 doors. And for 2024, another RM50 million is made available for this scheme. With great hopes, our Sarawak Government can find ways to turn these Longhouse Loan Scheme into a Government grant to ease the burden of the longhouse folks.

Herewith, I also would like to request for affordable housing to be offered in Selangau. Affordable housing initiatives will stimulate property ownership for the low-income group settling within Selangau while improving economic mobility on families and communities in Selangau.

Conclusion

Tuan Speaker, in conclusion, I strongly, fully support the Sarawak Budget 2024 and let us rise to the challenge in achieving Sarawak's vision of 2030 to be a developed State in Malaysia. Last but not least, I wish to take the opportunity to congratulate and thank Tuan Speaker for your wisdom in ensuring that the proceedings in this honourable august House were conducted with dignity and proper decorum.

Lastly, I would like to take this opportunity to wish all Sarawakians happy school holiday and a Merry Christmas 2023 to all the Christians celebrating. Thank you, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Thank you, Ahli Yang Berhormat bagi Tamin. Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja, please.

YB Encik John anak Ilus: Thank you, Tuan Speaker. Salam sejahtera, Salam Sarawakku Sayang, Salam Sarawak Ibu Pertiwiku, Salam Sarawak Maju Makmur. Selamat tengah hari kepada semua yang ada di Dewan yang mulia ini.

First of all, I would like to thank Tuan Speaker for giving me the opportunity to speak here in this august House to debate on the Supply (2024) Bill, 2023 that was presented by the Honourable Premier of Sarawak on the first day of the Sitting. Congratulations too, for the award; Distinguish Honorary Fellow of ASEAN Federation of Engineering Organisation in Bali, Indonesia on 22nd November 2023. Before going any further, I would like to congratulate the GPS Party and the GPS candidate for winning very handsomely in the last State By-Election, N.67 Jepak on 4th November 2023.

Tuan Speaker, Sarawak merupakan satu-satunya wilayah di Negara ini yang paling stabil dari segi politik dan kerajaan. Rakyat berbilang kaum tidak membezakan kita dan ini adalah terbukti betapa utuhnya masyarakat kita semasa Kembara Kenali Borneo yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersama-sama ahli keluarga baginda pada bulan September lepas. *Diversity in unity* ataupun perpaduan dalam kepelbagaian menjadi senjata utama dalam kita merencanakan perpaduan dan kestabilan Kerajaan secara amnya untuk terus ke hadapan berbanding dengan wilayah lain di Malaysia. Kestabilan ini memudahkan pihak pentadbiran dan Kerajaan menggubal undang-undang dan polisi-polisi untuk meneruskan agenda pembangunan dan ekonomi untuk kesejahteraan rakyat selaras dengan arah tuju PCDS 2030 untuk menjadi wilayah yang maju.

Ini secara tidak langsung, telah menampakkan hasil Kerajaan GPS yang berusaha untuk memastikan wilayah ini dijaga dengan baik. Berbekalkan usaha ini juga, maka beberapa Rang Undang-undang telah dibawa ke Dewan ini dan dilulus dengan jayanya. Berbekalkan dengan tema:

“Development for All: Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak”, bajet kali ini merupakan satu sejarah Negeri Sarawak yang tertinggi pernah diperuntukkan. Dengan hasil sebanyak RM12.7 bilion dan perbelanjaan disasarkan sebanyak RM12.36 bilion, kita masih ada *surplus* sebanyak RM386 juta. So, tahniah Kerajaan Sarawak.

Tuan Speaker, terdapat beberapa isu yang perlu di bawa ke Dewan yang mulia ini untuk makluman dan tindakan pihak-pihak yang sewajarnya.

Pendidikan

Melalui teras strategik kelima, bajet kali ini iaitu antara lain untuk memperkukuh modal insan dan pembangunan bakat, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang amat baik khususnya untuk golongan muda. Ini sudah pasti akan melengkapkan strategi negeri di dalam memperkasakan generasi muda mengikut kehendak masa depan dan dalam bidang yang berkaitan untuk terus cemerlang. Dengan beberapa inisiatif-inisiatif antara lain membantu membayar pinjaman PTPTN, baucar buku RM500 dan *laptop* secara percuma haruslah disambut baik oleh semua ibu bapa dan para pelajar. Di Dewan ini juga, turut diluluskan adalah dana dari *State Consolidated Fund* untuk tujuan menabung di dalam *Sarawak Sovereign Wealth Future Fund* dan antara tujuannya adalah untuk penjanaan hasil negeri serta memberi pendidikan percuma kepada anak-anak Sarawak nanti.

Dalam kita menyentuh tentang pendidikan, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Sarawak yang masih inginkan satu kaedah penilaian untuk memastikan murid-murid dinilai untuk memudahkan aliran yang sesuai bagi seseorang pelajar itu nanti.

Menyentuh tentang ketegasan dan *seriousnya* Kerajaan Negeri mengenai pendidikan ini, maka, saya memohon agar Kerajaan Negeri mencari jalan yang terbaik agar pendidikan dapat kita uruskan sendiri. Sering kita dengar *“Flip Flop Education Policy”* yang menjadi satu bahan yang tidak baik kepada Negara kita dan sistem pendidikan banyak dipolitikkan.

Di Daerah Serian, isu prasarana pendidikan merupakan salah satu isu yang paling utama. Pejabat Pendidikan Daerah Serian contohnya, yang mengurus satu bahagian masih menumpang di Sekolah Kebangsaan Serian. Pejabat ini sangat sempit dan sesak dengan pegawai-pegawai, maka disarankan agar Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak mengambil inisiatif untuk dapatkan autonomi mengenai prasarana dan bangunan sekolah di Negeri ini.

Tuan Speaker, perkara mengenai pembinaan sekolah baru di Serian iaitu SMK Serian No. 2 dan SK Sri Sadong sangat diperlukan tetapi juga masih menjadi tanda tanya walaupun berkali-kali diutarakan sama ada di Dewan Undangan Negeri atau pun di Parlimen.

Seterusnya ialah GIATMARA Serian yang telah wujud sejak tahun 1993 tetapi masih menumpang *“Site Office dan Kuarters JKR”* di Kampung Kakai Serian yang kelihatan sudah usang dan tidak menampakkan kesesuaiannya sebagai pusat latihan yang selamat dan kondusif.

Dengan itu, kita memohon agar pihak yang berwajib mengambil tindakan yang sepatutnya supaya Pusat Latihan Teknikal, GIATMARA Serian memiliki pusatnya sendiri yang lebih moden, kondusif, dan selamat.

Perubatan dan Kesihatan

Sekali lagi, kita ingin tahu sejauh manakah perkembangan tentang tuntutan autonomi yang berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan yang kita sering dengar, malah YAB Perdana Menteri Ke-10, telah memberi jaminan akan melaksanakan segala perjanjian yang telah dimeterai dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) semasa merasmikan Sambutan Hari Malaysia 2023 di Kuching ini. Beliau juga mengatakan bahawa pelaksanaannya tidak perlu dirunding tetapi dilaksanakan.

Bagi kita di Kawasan Bukit Semuja, Klinik Kesihatan Triboh yang terbakar pada 26 Disember 2012 yang kini masih menumpang dan menyewa bangunan kedai yang berdekatan. Klinik tersebut masih diperlukan oleh masyarakat setempat dan mohon pihak yang berkaitan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Selain dari bangunan sekolah yang dikategorikan sebagai daif, saya lihat bangunan utama Klinik Kesihatan Tebakang juga daif. Dinding, siling, dan lantai, sebahagiannya sudah reput dan perlu ditukar ganti, dinaik taraf dan seelok-eloknya dibina baru. Minta pihak Kementerian atau agensi yang berkaitan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera.

Sektor Pertanian

Tuan Speaker, saban hari kita dengar tentang aktiviti pertanian, hendak dimodenkan, mengguna teknologi IOT dan sebagainya. Sarawak memang luas dan bidang pertanian harus dijadikan aktiviti ekonomi utama. Maka dengan itu, apakah misi dan visi Kementerian ini dalam mencapai *Self Sufficiency Level (SSL)* sama ada dari pelbagai aktiviti pertanian utama seperti padi dan beras, ternakan dan juga komoditi lain seperti jagung bijirin. Kita di Sarawak hanya mengeluarkan hanya 34% sahaja padi untuk kegunaan sendiri dan target dalam tiga atau lima tahun lagi, bertambah kepada 80%. Maka Tuan Speaker, kita di Bukit Semuja pun ingin terlibat dengan penanaman padi tetapi pada masa ini, cuma bijirin jagung sedang ditanam di Kpg Labak Tungan dengan bantuan IADA Samarahan.

Lot Individu di bawah Seksyen 18 (Kanun Tanah Negeri)

Pihak DBNA banyak membantu dalam mendokumentasikan tanah-tanah NCR di Kawasan Bukit Semuja untuk lot individu - Kampung Tradisi dan Lot Pertanian. Kita hendak tahu apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak jabatan yang berkaitan yang masih belum turun padang untuk mempercepatkan proses-proses seterusnya dan diberi Surat Hak Milik.

Bencana Banjir

Tebingan Sungai Sadong yang runtuh di Kpg Hulu dan Hilir Serian akibat banjir sangat berbahaya kepada penduduk kampung. Kita melalui bantuan jabatan yang berkaitan telah menulis serta memaklumkan anggaran kos untuk kedua-kedua lokasi tersebut. Saya mohon agar jabatan yang berkenaan membantu agar ia dapat diluluskan dengan segera. Janganlah tunggu sehingga ada rumah jatuh ke sungai baru hendak mengambil tindakan.

Greater Kuching Cordinated Development Agency (GKCDA)

Tuan Speaker, bagi mewakili rakyat dari Kawasan Bukit Semuja untuk memberi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Premier yang telah meluluskan penubuhan "*Greater Kuching Cordinated Development Agency*" (GKCDA). Ia sangat membantu untuk mempercepatkan projek-projek infrastruktur seperti Cadangan Membina Baru Jambatan Konkrit dan Jalan di Kpg. Sorak Melayu, jalan-jalan pertanian, menaik taraf tempat pelancongan seperti Taman Rekreasi Ranchan.

Perumahan

Sekali lagi saya menyebut di dalam Dewan ini, memohon supaya Kerajaan Negeri menyediakan satu jenis model bantuan yang serupa dengan program SPEKTRA Permata beracuan dengan keadaan di Negeri ini khususnya bagi mereka yang menduduki tanah NCR yang tiada geran. Hal ini sedikit sebanyak akan membantu pihak Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah perumahan terutama sekali untuk golongan muda atau mereka yang baru mendirikan rumah-tangga masing-masing.

Kompleks Sukan Serian

Sekali lagi juga saya menyatakan di Dewan ini bahawa, Bahagian Serian masih tidak ada kompleks sukan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan. Yang ada sekarang hanya *Mini Sports Complex Serian* yang hanya ada padang bola sepak dan trek. Trek pun sudah rosak dan di viral di media tidak lama ini. Alangkah eloknya jika dana dari agensi dapat digunakan untuk tujuan ini, maka tidaklah menjadi masalah untuk kita bantu dalam mengambil kira kemudahan ini. Agensi dimaksudkan di sini ialah GKCD.

Baru-baru ini, kita telah mengemukakan satu permohonan melalui *Sarawak Sport Council* untuk membantu dalam mereka bentuk dan memasukkan beberapa fasiliti sukan lain untuk pertimbangan pihak Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan.

Keduanya, saya juga memohon agar pihak SSC diberi tanggungjawab untuk mengurus dan mengendalikan kompleks, sukan bukan sahaja di Serian tetapi di tempat yang lain yang dikira sesuai. Maka dengan itu, agensi SSC ini harus diperkembang mengikut permintaan terkini dan mengikut kehendak dan arah tuju sukan Negeri ini. Ini bukan memandangkan rendah kemampuan Majlis-majlis daerah, tetapi mereka sudah banyak komitmen lain yang perlu mereka ditumpukan.

Jawatan Ketua Masyarakat

Sekali lagi juga di Dewan yang mulia ini, saya merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan mengenai pelantikan Ketua-ketua Masyarakat dan Ketua Kampung di kawasan Serian dan Kawasan Bukit Semuja khususnya.

- (a) Jawatan Temenggong untuk kaum Melayu;
- (b) Jawatan Pemanca untuk kaum Iban;
- (c) Jawatan Penghulu untuk kawasan-kawasan yang baru untuk kaum Cina; dan
- (d) Ketua Kampung, Tuai Rumah, Kapitan di beberapa buah kampung ataupun kawasan.

Keduanya, seperti rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, mohon dari pihak Kerajaan Negeri menimbang dan mengkaji semula elaun-elaun Ketua Masyarakat dan Ketua Kampung di Negeri ini agar setara dengan wilayah lain dan di atas garis kemiskinan yang sedia ada.

Conclusion

To conclude Tuan Speaker, once again I would like to thank all the relevant agencies, civil servants both the State and Federal, local authorities and many others who are in one way or another being very supportive and helpful in any engagement made. The close rapport, *esprit de corp* and teamwork is highly appreciated. I'm looking forward for further engagement in years ahead.

ACS: "A Christmas Carol: Sarawak in Diversity Programme"

However, Tuan Speaker saya terpanggil pula mengenai satu perkara yang telah tular di media sosial semalam dan saya ingin menyuarakan ketidakpuasan saya mengenainya. *This is about ACS* ataupun *Association of Churches of Sarawak* yang merupakan satu gabungan gereja-gereja yang kami yang beragama Kristian menganggap badan tersebut sebagai badan yang menjaga agama kami di Negeri ini. Mereka tahu perkara seperti lagu nyanyian yang sesuai untuk satu-satu majlis. Tetapi disebabkan satu lagu yang biasanya dinyanyikan semasa Krismas selama ini, di radio, di TV dan di mana-mana saja, tiba-tiba jadi sensitif. Pihak yang berkenaan menolak atas dasar elemen-elemen sensitif dan protokol daripada Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan Malaysia Communication & Multimedia Commission (MCMC). Saya amat sedih dan kecewa dengan perkara seperti ini padahal konsert yang bertemakan "*A Christmas Carol: Sarawak in Diversity Programme*" di Padang Merdeka pada 3 Disember 2023 ini yang bakal dihadiri YAB Premier kita. Mohon pihak yang berwajib menyiasat dan mengambil berat mengenai perkara seperti ini agar tidak mengganggu gugat perpaduan dalam Negeri ini.

Tuan Speaker, selamat menyambut Hari Krismas kepada rakan-rakan yang beragama Kristian, selamat bercuti dan Selamat Tahun Baru kepada semua. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023 dan Usul Untuk Merujuk Resolusi Anggaran Pembangunan 2024. Sekian terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja. Next, I would like to call Ahli Yang Berhormat for Ngemah, please.

YB Encik Anyi anak Jana: Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam sesi perbahasan ini.

Tuan Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam Perbahasan Belanjawan (2024), 2023 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak pada hari Isnin, 20 November 2023. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana berjaya membentangkan belanjawan yang cukup lengkap dan terangkum.

Tuan Speaker, dengan kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penuh penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak yang telah memacu kepimpinan negeri ke arah mencapai negeri maju dan berpendapatan tinggi. Kenyataan ini disokong dengan perkembangan ekonomi Sarawak yang dijangka antara 4% hingga 5% pada tahun 2023. Pertumbuhan ekonomi yang positif ini adalah dipengaruhi oleh sektor perkhidmatan dengan unjuran pertumbuhan 9.0% pada 2023. Manakala bagi sektor pembinaan pula perkembangannya dijangka sebanyak 5.7% pada tahun 2023.

Unjuran ekonomi yang positif ini telah memberi suatu nikmat kepada rakyat Sarawak. Yang Amat Berhormat Premier Sarawak telah mencipta sejarah apabila telah mengetengahkan suatu perbelanjaan terbesar dalam sejarah dengan memperuntukkan RM12.363 bilion bagi Belanjawan Sarawak 2024. Belanjawan ini merangkumi RM4.563 bilion bagi perbelanjaan operasi dan RM7.8 bilion pula diperuntukkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai pelbagai program dan projek pembangunan. Pengumuman ini adalah selari dengan tema belanjawan *iaitu "Pembangunan untuk Semua: Bersama, Membina Sarawak yang Sejahtera, Mampan dan Bersatu"*.

Melalui pengumuman pembentangan Belanjawan 2024 oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak tersebut, adalah diharapkan akan memberi keutamaan kepada pembangunan yang seimbang sama ada bagi kawasan bandar, pinggir bandar dan di kawasan luar bandar dan sebagainya. Sebagai mewakili penduduk di kawasan luar bandar, khasnya DUN N.49 Ngemah, adalah menjadi harapan kita agar beberapa inisiatif dan rancangan pembangunan Kerajaan turut disalurkan dan dinikmati rakyat di seluruh Kawasan DUN N.49 Ngemah.

Tuan Speaker, saya tidak mahu mengulas atau membahaskan lanjut tentang belanjawan ini kerana belanjawan ini sememangnya dibuat dengan penuh teliti oleh Premier dan juga pakar-pakar ekonomi di Negara kita.

Tuan Speaker, di sini saya ingin mengetengahkan beberapa isu atau kehendak daripada rakyat yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan untuk DUN N.49 Ngemah.

Pembangunan Infrastruktur

Bagi penduduk di DUN Ngemah, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak kerana pembinaan jambatan Sungai Ngemah telah siap dan kini pengguna jalan raya ke laluan Sibul/ Kapit tidak perlu lagi melalui Skim Penempatan Semula Nanga Ngungun sebelum ke Song/ Kapit. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Sarawak adalah prihatin dalam melaksanakan rancangan pembangunannya. Namun demikian, beberapa projek pembinaan seperti berikut perlu diberi perhatian dengan sewajarnya:

- (a) Mempercepatkan pembinaan Feri Ram Sedaya. Ini pasti ditunggu-tunggu oleh semua rakyat di DUN N.49 Ngemah;
- (b) Menaik taraf Jalan Nibong Tada;
- (c) Menyiapkan projek pembinaan Jalan Nanga Ngungun/ Nanga Nirok/ Nanga Jagau mengikut jadual pelaksanaannya;
- (d) Menyambung pembinaan Jalan Nanga Dap ke Nanga Ngemah/ Nanga Ngungun;
- (e) Menyambung pembinaan Jalan Batu Luking (DUN N.50 Machan) ke Kawasan Teluk, Batang Rajang (DUN N.49 Ngemah) kerana dua DUN ini ada kawasan yang sama;
- (f) Membina Jalan Nanga Jih/ Ulu Jih;
- (g) Menyambung pembinaan Jalan Nibong Tada ke Nanga Ngemah/ Song;
- (h) Menyambung kerja-kerja mendirikan tiang elektrik ke Rh. Salang, Tr Lugai, Ulu Ngemah; dan
- (i) Mempercepatkan pemasangan paip air kepada 69 buah rumah panjang yang belum mendapat bekalan air bersih di DUN N.49 Ngemah.

RASCOM Development Agency (RASDA)

Mewakili rakyat di Kawasan DUN Ngemah, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak di atas pengumuman Yang Amat Berhormat Premier Sarawak bagi penubuhan *RASCOM Development Agency (RASDA)*. Saya sekarang difahamkan nama barunya ialah *Mid Rajang Regional Development Agency (MRRDA)*. Penubuhan MRRDA ini adalah selaras dengan hasrat untuk membangunkan kawasan tengah Sarawak khasnya bagi Parlimen Kanowit dan Parlimen Selangau bagi aspek pembangunan infrastruktur, ekonomi, sosial, pendidikan dan para belia.

Penubuhan MRRDA ini jika dilihat adalah berkait rapat dengan penubuhan Markas Keselamatan Kawasan Rajang (*RASCOM*). Oleh itu, melalui penubuhan MRRDA ini, pembangunan di tiga buah Skim Penempatan Semula (SPS) di DUN Ngemah iaitu SPS Nanga Jagau, SPS Nanga Ngungun dan SPS Nanga Tada perlulah diberi perhatian sewajarnya. Kita tidak mahu hanya pada nama sahaja tetapi pembangunan di Kawasan *RASCOM* masih jauh daripada jangkauan penduduk-penduduknya.

Oleh itu, penubuhan MRRDA ini diharapkan dapat memberi banyak manfaat kepada penduduk di DUN Ngemah khasnya di tiga kawasan SPS yang saya sebutkan tadi. Penubuhan tiga kawasan SPS sejak 51 tahun lepas (1972-kini) memerlukan satu perubahan ketara selaras dengan matlamat penubuhan MRRDA. Perubahan pembangunan di tiga kawasan SPS perlulah diberi perhatian yang meliputi:

- (a) Membuka penempatan baru seperti membina Perumahan Kos Rendah di kawasan Skim Penempatan Semula (SPS) kerana penempatan sedia ada sudah terlalu sesak dengan penambahan penduduk yang sudah masuk generasi ke-3;
- (b) Menaik taraf jalan raya di tiga buah SPS *RASCOM* kerana pembinaan jalan raya di penempatan ini adalah tidak sesuai dengan keadaan pembangunan pada masa sekarang;
- (c) Menubuhkan sebuah Pejabat Pertanian di kawasan SPS bagi memantau, membantu dan memberi tunjuk ajar mengenai kegiatan ekonomi baru yang boleh meningkatkan pendapatan penduduk di ketiga-tiga kawasan ini; dan
- (d) Menaik taraf klinik kesihatan yang sedia ada kerana penambahan penduduk yang pesat memerlukan mutu perkhidmatan dan kemudahan yang lebih baik.

Pembangunan Pendidikan

Tuan Speaker, isu pendidikan khasnya di kawasan luar bandar seperti DUN N.49 Ngemah memerlukan penyelesaian yang segera dan tuntas bagi meningkatkan pencapaian akademik anak-anak di kawasan luar bandar. Dengan perancangan dan hasrat Sarawak untuk menjadi sebuah negeri yang maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030, amat malang sekali apabila sistem pendidikan kita masih terpalit dengan isu sekolah daif. Kemudahan prasarana yang serba

daif bagi sekolah luar bandar pastinya akan memberi kesan kepada pembelajaran dan pengajaran di sekolah yang terlibat.

Di DUN Ngemah, misalnya terdapat tiga buah Sekolah Kebangsaan (SK) iaitu SK Nanga Jagau, SK Nanga Nirok dan SK Nanga Balingiau yang perlu diberi perhatian segera. Selain daripada keadaan sekolah tersebut yang uzur, sekolah ini juga sering dilanda banjir apabila berlakunya hujan lebat. Sekolah-sekolah ini wajar dipindahkan dari tapak asal ke tapak baru yang lebih bersesuaian kerana kerap menghadapi masalah banjir. Pemindahan sekolah ini ke tapak baru yang lebih sesuai adalah bagi mengelakkan pembaziran kewangan bagi perkara yang sama setiap kali berlakunya musim tengkujuh. Adalah lebih baik kos bantuan banjir dan baik pulih sekolah selepas banjir disalurkan untuk pelaksanaan aktiviti pendidikan yang lebih memberi banyak manfaat kepada para pelajar.

Tuan Speaker, Kawasan DUN Ngemah khasnya Daerah Kanowit juga memerlukan sebuah pusat kemahiran bagi meningkatkan pembangunan modal insan di Kawasan Kanowit. Dengan penubuhan pusat kemahiran di DUN Ngemah atau Daerah Kanowit, ia bukan sahaja akan menjimatkan kos malah secara tidak langsung akan membawa pembangunan ke kawasan yang terlibat. Bagi para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), penubuhan pusat kemahiran di DUN Ngemah membolehkan mereka untuk membuat perancangan secara lebih tersusun selepas tamat sesi persekolahan mereka.

Ketika ini, tapak lama SMK Datuk Haji Abdul Rahman Yakub (SEDAYA) ini juga pernah saya sebut dalam sesi persidangan DUN yang lepas yang terletak di Kawasan DUN Ngemah adalah kosong dan terbiar setelah SMK Sedaya berpindah ke lokasi baru yang lebih sesuai dan praktikal. Oleh itu, daripada membiarkan tapak lama SMK Sedaya tersebut kosong dan terbiar, adalah lebih baik tapak tersebut diambil alih oleh Kerajaan Sarawak dan dibangunkan untuk kegunaan pendidikan di DUN N.49 Ngemah. Tapak tersebut boleh dibangunkan dengan menubuhkan pusat kemahiran di Daerah Kanowit dan juga kawasan tengah Sarawak. Pusat kemahiran boleh ditubuhkan di kawasan tersebut bagi yang menawarkan kemahiran peringkat Sijil Tahap 1 hingga Tahap 3 dan juga ke peringkat Diploma. Kewujudan Pusat Kemahiran tersebut pastinya akan merencanakan pembangunan pendidikan di Kawasan DUN Ngemah dan Daerah Kanowit secara keseluruhannya.

Kemudahan Telekomunikasi

Tuan Speaker, seiring dengan pembangunan masa kini kita tidak dapat lari daripada memerlukan rangkaian telekomunikasi yang baik dan mempunyai liputan yang meluas. Rakyat di kawasan luar bandar sudah pasti dahagakan liputan telekomunikasi yang baik bagi mendapatkan info terkini dan berhubung dengan masyarakat dari luar lokaliti mereka. Selain itu, pendidikan masa kini juga amat memerlukan liputan telekomunikasi yang baik seperti yang kita sedia maklum, sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah ketika ini amat memerlukan liputan telekomunikasi yang baik.

Oleh itu, mewakili penduduk di kawasan DUN Ngemah saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak yang sudah meluluskan permohonan bagi pembinaan sembilan pencawang telekomunikasi di sembilan lokaliti di DUN Ngemah, tapi saya pasti lebih daripada sembilan. Namun demikian, sembilan buah pencawang ini sudah didirikan di DUN Ngemah tetapi belum lagi beroperasi setakat ini. Cuma yang menjadi persoalan ialah pemasangan sembilan buah pencawang tersebut tidak melalui dan dimaklumkan pemasangannya kepada ADUN Kawasan. Jadi sebagai ADUN yang mewakili kawasan luar bandar seperti DUN Ngemah, pemasangan pencawang telekomunikasi di tempat yang strategik adalah sepatutnya diberi keutamaan. Ini adalah bagi mengelakkan pembaziran dan tidak digunakan secara maksimum apabila terdapat pencawang yang didirikan di tempat yang kurang strategik dan juga jaraknya yang tidak sesuai.

Kemudahan Prasarana bagi Pembangunan Belia

Tuan Speaker, pembangunan belia yang cergas dan cerdas adalah penting bagi pembangunan negara bangsa. Bagi membolehkan seseorang belia tersebut melonjakkan bakat, kemahiran dan kemampuan mereka, adalah perlu pihak Kerajaan menyediakan kemudahan prasarana yang baik dan berkualiti. Di DUN Ngemah juga para belia semestinya tidak mahu ketinggalan dalam memperagakan bakat dan kemahiran mereka. Oleh itu, penyediaan kemudahan bagi pembangunan belia perlulah diberi perhatian yang sewajarnya.

Kawasan DUN Ngemah ketika ini tidak mempunyai kemudahan yang sesuai bagi melaksanakan aktiviti sukan dan riadah. Ketika ini, aktiviti sukan dan riadah hanya dapat dilaksanakan di kawasan padang sekolah di DUN Ngemah, tetapi kebanyakan padang di sekolah pada masa ini sudah didirikan bangunan, tidak banyak sekolah yang ada padang sekarang. Perkara ini pastinya suatu kejanggalan jika orang ramai terpaksa ke sekolah untuk melaksanakan aktiviti riadah mereka. Oleh itu, dicadangkan agar pembinaan sebuah Stadium Mini Nanga Ngungun dapat direalisasikan di kawasan DUN Ngemah bagi kegunaan komuniti setempat melaksanakan aktiviti mereka.

Kawasan skim penempatan semula (SPS) Nanga Ngungun adalah lokasi yang strategik bagi pembinaan Mini Stadium bagi Kawasan DUN Ngemah. Kawasan SPS Nanga Ngungun dan kawasan sekitarnya termasuk pasar Nanga Ngemah, penempatan Nanga Nirok, penempatan Nanga Bat dan Lepong Ngemah mempunyai kepadatan penduduk sekitar 4,000 orang. Cadangan pembinaan Stadium Mini di Nanga Ngungun ini juga pastinya akan memberi manfaat kepada beberapa buah sekolah yang berdekatan.

Lain-lain

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh serba sedikit isu berkaitan Ketua Kaum, tapi bukan elaun *lah..* Di sini, saya juga ingin menyentuh isu berkaitan Ketua Kaum:

- (a) Di DUN Ngemah, terdapat 12 Ketua Kaum pernah menerima elaun untuk beberapa tahun. Tetapi bermula tahun lepas, elaun mereka diberhentikan. Jadi, mereka ingin tahu mengapa elaun tersebut diberhentikan?
- (b) Di DUN Ngemah, terdapat 44 ketua kaum yang belum mendapatkan sijil dan elaun atas sebab rumah panjang mereka kurang daripada 20 pintu. Oleh sebab itu, kita memohon mengurangkan jumlah pintu daripada 20 pintu ke 15 pintu supaya mereka dapat menikmati elaun dan juga sijil sebagai Ketua Kaum atau pun Tuai Rumah.

Tuan Speaker, jadi penutup sebelum saya mengakhiri perbincangan belanjawan (2024) Bill, 2023, saya ingin menyampaikan ucapan selamat menyambut perayaan Hari Krismas yang bakal menjelang tiba kepada semua penganut agama Kristian di Sarawak. Maka dengan ini, saya dengan ikhlas dan rendah hati menyokong belanjawan (2024) Bill, 2023. Sekian terima kasih.

Tuan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah, seterusnya *may I call upon Ahli Yang Berhormat for Engkilili.*

YB Encik Johnical Rayong anak Ngipa: Terima kasih Tuan Speaker, kerana memberikan izin kepada saya untuk berbahas berkenaan Rang Undang-undang Perbekalan (2024), 2023 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi baru; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong pada 20 November 2023 yang lalu. Yang Amat Berhormat Premier telah membentangkan *budget* yang terbesar dalam sejarah Sarawak dengan jumlah RM12.363 bilion untuk tahun 2024 untuk tujuan pembangunan dan juga operasi yang merupakan *development biased budget*.

Bajet ini juga mempunyai tema yang paling tepat sekali iaitu Pembangunan untuk Semua, Bersama Membina Sarawak yang Sejahtera; Mampu dan Bersatu.

Ini membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Premier amat komited untuk membangunkan Sarawak dan rakyatnya yang terdiri daripada berbagai bangsa, agama, dan latar belakang baik di bandar atau di luar bandar dan ini jelas membuktikan kecemerlangan dan kebijaksanaan kepimpinan beliau dengan gambar yang besar.

Jalan Raya dan Jalan Perhubungan

Tuan Speaker, dengan kesempatan ini, saya ingin membangkitkan isu-isu permohonan serta masalah-masalah rakyat Kawasan saya di DUN N.33 Engkilili seperti berikut:

Jalan raya ataupun jalan perhubungan; saya ingin memohon kepada pihak Kerajaan untuk membina jalan raya atau jalan perhubungan bagi Kawasan Ulu Skrang yang belum lagi diliputi oleh jalan raya yang baik iaitu mulai dari Sg. Pinang sehingga kepada Sg. Paya Ulu Skrang yang meliputi beberapa buah sekolah dan sebuah klinik di samping rumah panjang-rumah panjang.

Di samping itu juga kawasan Pelo, Pulau, Belawan sehingga ke Kujoh, Keraggas, Tembawai Tumbang di utara kawasan Ulu Skrang sereta Jalan Merutih di sebelah Sebeliau di Ulu Skrang Selatan haruslah dipertimbangkan juga untuk dibina jalan raya yang baik.

Pasa masa sekarang, jalan perhubungan-jalan perhubungan tersebut merupakan jalan tanah yang tidak selamat dan sangat berbahaya untuk digunakan terutamanya sewaktu musim tengkujuh atau musim hujan.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan atau agensi-agensinya, adakah projek-projek Jalan Ulu Skrang ini ada mendapat peruntukan daripada KKDW pada masa kini dan sekiranya ada, bilakah projek-projek ini akan dapat dilaksanakan?

Tuan Speaker, saya juga ingin memohon kepada Kerajaan untuk membina jalan raya untuk kegunaan rakyat di rumah panjang-rumah panjang dari kawasan Stuga iaitu meliputi dua buah sekolah dan 24 buah rumah panjang untuk terus ke kawasan Pak iaitu Batang Air Hilir Engkilili untuk menuju ke Bandar Sri Aman ataupun Pekan Sri Aman.

Semoga dapat dipertimbangkan kerana pampasan tanah dan buah telah dilakukan beberapa tahun yang lepas, lama sudah tak silap saya 10 tahun yang lepas untuk tujuan membina jalan raya tersebut. Tapi malangnya, sampai sekarang jalan raya belum dibina.

Di samping itu juga, memohon jalan kampung di Rh. Pindi kawasan Empelam Engkilili yang begitu teruk sekali atau berlubang sana, berlubang sini dan sekurang-kurangnya diberi projek dengan jalan batu.

Begitu juga Jalan Rh. Karim Nanga Tabut, Kejemut, sereta Jalan Kaong, Rembai, Tisak kesemuanya di Kawasan Lidong Skrang DUN Engkilili untuk juga dibaiki dan dinaik taraf.

Tuan Speaker, saya juga memohon untuk menaik taraf Jalan Rh. Entau Nanga Bunu Beging, Gelong dan Berenggang dari Kawasan San Semanju Engkilili.

Saya juga memohon untuk melebarkan dan menaik taraf Jalan Selindong, Bua, kawasan Sg. Menuang hingga ke Merebong Engkilili yang dalam keadaan daif dan sempit serta terdedah kepada keadaan banjir kerana tiada sistem perparitan.

Seperti yang saya maklumkan bahawa kawasan jalan-jalan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Majlis Daerah Lubok Antu, Engkilili dan memohon agar dapat menyelesaikan perkara ini dengan segeranya.

Ingin memohon juga untuk pihak Kerajaan menaik taraf bekas Jalan Raya Highway Pan Borneo di seksyen Skrang Skim dan seksyen Rh. Mau Enteban yang telah usang serta rumput yang sangat tinggi di tepi jalan untuk keselesaan kegunaan penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Jambatan

Tuan Speaker, saya juga bertanya berkenaan status pembinaan projek Jambatan Ng. Entalau Ulu Skrang dan juga jambatan Nanga Merio Engkilili.

Kedua-dua jambatan ini amatlah penting bagi kegunaan untuk penduduk-penduduk dan murid-murid sekolah di persekitaran kawasan tersebut.

Bekalan Air Bersih

Tuan Speaker, tidak jemu untuk saya membawa permohonan rakyat, *it's very close to my heart*; yang penting ini sehingga dapat, sehingga tercapai bagi keperluan asas dalam kehidupan kita terutamanya mereka. Masalah bekalan air bersih bagi kawasan-kawasan di Batang Air Hilir, Empelam hingga ke Pak Engkilili. Keseluruhan kawasan-kawasan Hilir Skrang dari Tabut, Kejemut, Tembong, Lipat, Tisak, Kaong dan Tisak Lidong serta kawasan-kawasan di Ulu Skrang juga.

Semoga pihak Kerajaan dan agensi-agensi yang berkenaan akan dapat mempertimbangkan untuk menyelesaikan masalah yang sekian lama ini akan dapat diselesaikan dengan segeranya.

Masalah bekalan air ini juga telah dihadapi dengan sekian lama di Kawasan Batu 8, Memaloi Engkilili, iaitu yang terletak bersebelahan dengan Jalan Pan Borneo Highway walaupun kawasan tersebut mempunyai meter bekalan air namun air tidak ada. Oleh demikian, dimohon supaya pihak Kerajaan akan dapat menyelesaikan masalah ini dengan segeranya.

Mini Stadium Engkilili

Tuan Speaker, sukan amatlah penting untuk kesihatan di samping untuk mengeratkan perhubungan di antara penduduk tempatan khususnya bagi kaum-kaum belia. Ingin saya bertanya kepada Kementerian dan Agensi yang berkenaan tentang status pembinaan Mini Stadium yang telah diluluskan pada tahun 2018 dahulu kerana setakat ini masih belum didirikan. Mohon perkara ini dapat diselesaikan dengan sewajarnya dan secepat mungkin

Simpang Utama Jalan Pan Borneo Engkilili

Tuan Speaker, saya juga ingin *highlight* berkenaan dengan Simpang Jalan Pan Borneo masuk ke Pekan Engkilili yang sangat sempit dan berbahaya. Ia tidak selamat untuk para pengguna. Rekod ada membuktikan di persimpangan tersebut selalu berlakunya kemalangan yang telah mengakibatkan kematian. Oleh itu dicadangkan pihak berkuasa untuk *review* kembali pelan jalan tersebut serta dibina semula dengan segera bagi mengelakkan kemalangan berlaku lagi di masa depan. Mohon juga agar seksyen Jalan Raya Simpang Lubok Antu Engkilili menuju ke Pekan Lubok Antu diperbesarkan kerana pada masa sekarang ianya amat sempit dan berbahaya serta juga selalu mendatangkan kemalangan. Seksyen jalan ini juga penting kerana ia merupakan jalan menuju ke sempadan Sarawak – Badau, Indonesia.

Balai Polis Skrang Skim

Tuan Speaker, saya juga ingin memohon kepada pihak Kerajaan yang berkenaan agar menambah bilangan anggota pasukan polis di balai ini. Pada masa sekarang hanya terdapat lapan orang anggota sahaja yang berkhidmat di situ. Memandangkan kawasan yang di bawah jagaan mereka adalah sangat luas dan perkhidmatan mereka amat diperlukan oleh rakyat setempat, maka saya memohon agar anggota-anggota PDRM di Balai Skrang Skim ditambah.

One Stop Collection Centre (OSCC)

Tuan Speaker, saya memohon agar pihak Kerajaan untuk menubuhkan *sebuah One Stop Collection Centre (OSCC)* di Kawasan DUN Engkilili. Dengan adanya OSCC, ianya akan dapat meningkatkan pendapatan rakyat setempat khususnya kumpulan B40 yang berkaitan dengan pengeluaran barang jualan makanan, hasil kraftangan dan sebagainya serta membimbing dan melatih mereka yang berminat dalam bidang *digital marketing* dan juga perniagaan.

Sektor Pertanian

Tuan Speaker, Kawasan DUN Engkilili adalah merupakan sebuah kawasan di mana kebanyakan rakyatnya adalah terdiri daripada kaum tani dan pekebun. Hasil pertanian ini adalah untuk meningkatkan pendapatan mereka bagi menyara kehidupan mereka dan keluarga masing-masing. Oleh yang demikian, saya mohon agar pihak Kerajaan akan lebih perhatian untuk membantu dan menyalurkan pertolongan yang sesuai berkaitan dengan bidang yang mereka perlukan dari bidang ternakan, penanaman, subsidi baja dan juga latihan dan pasaran hasil tanaman yang mereka tuai itu.

Menara Telekomunikasi Kawasan DUN Engkilili

Saya juga memohon agar menara telekomunikasi yang sudah didirikan tapi belum dapat berfungsi agar dapat diselesaikan dengan kadar segera bagi membolehkan kawasan-kawasan yang berkenaan boleh mendapati jaringan internet untuk kegunaan harian khususnya anak-anak sekolah dan kaum-kaum belia.

Pendidikan

Cadangan Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Pendidikan Negeri (MEITD) untuk memperkenalkan Sistem Pentaksiran sendiri iaitu Peperiksaan Khas untuk seluruh Tahun Enam di seluruh sekolah Kerajaan untuk menggantikan UPSR yang telah dimansuhkan oleh KPM dahulu, amatlah dialu-alukan. Itu adalah langkah yang terbaik. Sekiranya sistem peperiksaan khas ini dilaksanakan, ianya amatlah berfaedah sekali dalam menilai kecekapan kualiti murid-murid sekolah sebelum masuk ke Tingkatan Satu di tahun depan. Di samping itu, saya ingin memohon kepada pihak Kerajaan untuk menaik taraf sekolah-sekolah yang daif, kuarters guru banyak yang rosak sana-sini yang tidak selamat dan asrama murid-murid sekolah di Kawasan saya mengikut keutamaan di bawah projek menaik taraf sekolah daif di Sarawak.

Isu- Isu Semasa

Akhir sekali, Tuan Speaker iaitu berkenaan isu-isu semasa. Saya ingin menyatakan sokongan yang tidak berbelah bagi dari saya sendiri dan juga dua orang wakil rakyat PSB di sini dan juga penyokong-penyokong kami di seluruh Sarawak untuk berdiri teguh di belakang kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan GPS dan pemimpin-pemimpinnya.

Ini adalah lembaran baru, *a new chapter*, buku baru untuk memastikan kestabilan politik untuk menjadikan GPS Kerajaan yang kuat dalam mentadbir dan menjaga Sarawak. Kita amatlah ikhlas seperti yang kita tunjukkan semasa PRK Jepak baru-baru ini sewaktu penamaan calon dan semasa waktu berkempen.

Kita tidak mahu rakyat berpecah-belah kerana perbezaan ideologi, politik, perbezaan kaum, agama dan kepercayaan. Rakyat kita juga mahukan pembangunan dan memerlukan bantuan dan secara ikhlas dan jujur; hanya Kerajaan sahaja khususnya Kerajaan GPS di peringkat Sarawak dan Kerajaan Perpaduan di peringkat pusat sahaja yang hanya dapat merealisasikan kehendak rakyat ini.

Sebagai seorang wakil rakyat secara peribadi, politik kita adalah untuk memberi khidmat untuk rakyat di kawasan secara profesional serta menghormati adat dan kesopanan, dan keikhlasan walaupun menghadapi kesukaran. Kita tidak akan menjerit-jerit seperti kawan kita di sebelah; kelihatan kurang sopan, *look like want to play to the gallery*. Itu bukan *philosophy* politik kita.

Tuan Speaker, politik budaya tidak mendatangkan faedah yang sedemikian haruslah ditolak oleh semua kita.

Yang Amat Berhormat Premier adalah merupakan seorang pemimpin yang berpandangan jauh untuk menuju masa depan yang lebih cerah, lebih makmur dan lebih mampan dalam memajukan Sarawak dan rakyatnya. Beliau telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dengan yang terbaik dalam merancang program dan melaksanakannya untuk merealisasikan pembangunan seperti infrastruktur, kebajikan rakyat, pendidikan; khususnya *free education*, mempertahankan hak-hak Sarawak dan kepentingan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia serta akan merealisasikan Sarawak menjadi sebuah negeri maju dan pendapatan tinggi dan lain-lain lagi.

Keikhlasan beliau juga terbukti semasa membentangkan ucapan bajet yang lepas agar semua kita bersatu untuk Sarawak yang tercinta dengan slogan *Segulai Sejalai, Sejiwa Senada. Sarawak First, Intu Sarawak*.

Tuan Speaker, sebelum saya mengundurkan diri ingin saya memberi ucapan terima kasih kerana Tuan Speaker dan Timbalan Speaker sendiri yang sedang senyum kerana telah menjalankan tugas dengan penuh cemerlang dalam Persidangan DUN ini. Kalau Tuan Speaker senyum, tidak mengantuklah itu.

Saya juga ingin memberi ucapan Merry Christmas kepada semua yang menyambutnya dan Selamat Tahun Baru 2024 yang akan datang. Tuan Speaker, dengan ini, saya menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Engkilili. Next, I would like to call Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bengunan, but it seems from my record he is the last speaker tonight.

YB Datuk Mong anak Dagang: Thank you, Tuan Speaker. Thank you for giving me the opportunity to participate in the debate on the Supply (2024) Bill, 2023 tabled by Yang Amat Berhormat Premier on 20th November 2023.

But before proceeding further, I would like to take this opportunity to congratulate Yang Amat Berhormat Premier, Member of DUN N.26 Gedong who was awarded Distinguished Honorary Fellow of ASEAN Federation of Engineering Organisation on 22nd of this month at Bali Indonesia.

Secondly Tuan Speaker, congratulations to Tuan Speaker for the reappointment as Speaker of this august House and to Deputy Ministers, Ministers, Deputy Ministers and Ahli-ahli Yang Berhormat who were bestowed with the title Datukships by Tuan Yang Terutama di-Pertua Negeri Sarawak in conjunction with His Excellency birthday. Congratulations also goes to Ahli Yang Berhormat Jepak N.67 for winning the just concluded by election handsomely.

Tuan Speaker, the 2024 budget set a record of being the biggest State Budget ever introduced in this august House with expected revenue RM12.749 billion. As in the past years, 2024 budget is of no exception, its people-centric, development-based budget which substantial sum of approximately RM9.037 billion allocated for development purposes and the remaining to finance the operating expenditure.

Tuan Speaker, the budget is well thought and inclusive taking into account the needs and welfare of all strata of society thus fit the theme "*Development for All, Together, Building a Prosperous, Sustainable and United Sarawak*". Thank you, Yang Amat Berhormat Premier.

High Income State

Tuan Speaker, according to the World Bank Report on 1st July 2023, Sarawak has achieved high income state status having Gross National Income (GNP) per capita of more than USD13,205.00, thus joining the rank of Penang, Federal Territories, Labuan and Kuala Lumpur. Since assuming the Office six years ago, Yang Amat Berhormat Premier had successfully elevated the State financial position into a high-income status. Yang Amat Berhormat Premier has farsighted vision thus introducing numerous new development initiatives and strategies, new economic model with one ultimate objective and that is to uplift the State financial standing, improve people's well being and to speed up overall development of Sarawak and to accelerate development of rural areas. Regional Development Agencies was set up. A brilliant idea and strategy to speed up development in rural areas.

Tuan Speaker, today we witness yang Amat Berhormat Premier untiringly efforts have finally bear fruits as the State revenue increased steadily over the years resulting in the State achieved high income status much earlier than anticipated. With the increase in revenue, the Government is able to come up with a huge State budget for next year.

Agriculture Development

Now, I would like to touch on agricultural Development. Tuan Speaker, in July this year, India banned the export of non-basmati white rice. There was much concerned over the shortage of supply of white rice in the country. As a result of shortages, the prices of imported white rice registered increase of around 36% in September. Though it may be due to other factors, but still the main reason is due to India banned on export non-basmati white rice.

For the information of this august House, according to data from agriculture department in 2018. Malaysia imported total about 776,000 tonnes of rice and it increase to 1.13 million tonnes in 2022. So, Malaysia is consider a net importer of rice. Because of that, Malaysia is highly vulnerable and sensitive as to what happen in our traditional supplier country. Our continuous dependency on imported rice could be detrimental to our food security given the volatile global politics that could disrupt the supply chain. Tuan Speaker, our focus now is to step up measures to ensure more resources allocated towards food sector development as well as poverty eradication program for those in rural areas.

Batang Lupar Granary Area

Tuan Speaker, Sarawak can be rice bowl of Malaysia, because it has vast fertile land yet to be exploited to its fullest potential for commercial paddy cultivation. The first granary area announced by the Federal Government for Sarawak was the Batang Lupar Granary Area, Sri Aman. It covers an area of approximately 5,000 hectares which include Entulang, Seduku, Gran/ Stumbin/ Tanjung Bijat and Lingga-Banting, and IADA Batang Lupar was set up to oversee the development of the whole area.

Tuan Speaker, still on Batang Lupar Granary area. Basic agriculture infrastructure and drainage irrigation system has been put in place including pump station. Construction activity came to a halt after the change in Federal Government in 2018. Since then, the much-needed development fund was not forthcoming. As of now, the total area under cultivation still stood at 196 hectares. That is after 10 years. Tuan Speaker, this is what happens when all things are politicise. The losers are the *rakyat*.

Tuan Speaker, my wish now is for the Federal Unity Government to continue with the project that has been planned by the previous Government particularly so if it brings immense benefit to the *rakyat* and the country in general as in the case, Batang Lupar Granary area at Sri Aman could contribute or be the main contributor to the rice production in Sarawak and in general Malaysia.

Tuan Speaker, in 2024 budget the Federal Government allocated sum of RM400 million to support food security programme. Therefore, I can only hope and so are the affected farmers, the unity Government at Federal level should allocate sufficient fund, so work to develop the area could commence. The Federal Unity Government should have the political will to continue with Batang Lupar Granary area.

Tuan Speaker, for the information of this august House, the Agriculture Department was not involved in development of Batang Lupar granary area. And I, stand to be corrected. This is the oversight, and the Federal Agriculture Ministry should and must work closely with our State Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development. Because M-FICORD in sort have all the expertise and human resources to assist.

For the information of this august House, there are also other areas in Bukit Begunan that could be developed into paddy productions, such areas as Kubau and Bangkong in Pantu which was once under Agriculture Department Paddy scheme. Perhaps the State Government could consider to develop this area into paddy producing area.

Agriculture Research Centre

Tuan Speaker, the State budgeted provided substantial fund for State owned research centre through Sarawak Research & Development Council. Research is of paramount importance because findings from research will open up new economic opportunity for the state.

There's a need for the State to strengthen and intensify research in the agriculture sector. Over the years, the Agriculture Research Centre (ARC) at Semenggok had played significant role in research and developing agriculture sector in the State. I am not very sure now, but in the past ARC Semenggok is among the referral centre in South East Asia for tropical plant diseases and pest control. But little is known about ARC because it is under Department of Agriculture.

So, in my opinion, Tuan Speaker, it would be good if the Agriculture Research Centre (ARC) could be upgraded into a Department just like the State Veterinary which used to be under Jabatan Pertanian and now called it Veterinary Department. Agriculture Research Centre (ARC) should be elevated to Department having Pengarah and supporting staff. By doing so, I believe researchers could exploit their full potential.

Mobile Clinic

Tuan Speaker, mobile clinic program implemented by the Federal Government was very popular particularly among the people living/ staying in longhouses in rural areas which have no access or difficulty to access to Government clinic and hospital. So mobile clinic program or services is not only convenient but safer for the elderly and children. It helps to relieve some of the burden and problem faced by the poor rural folks and costs when they have to travel to nearest clinic and hospital to get treatment.

For many rural people, mobile clinics may be their only source of healthcare. It is more flexible and viable option for treating isolated and vulnerable diseases in rural areas. Service of mobile clinic in a way helps to reduce unnecessary congestion in clinic and hospital. Tuan Speaker, mobile clinic used to serve several areas in my Constituency and make scheduled stop at service areas such as Engkramut, Gua, Lachau and Kara. And after the changed in the Federal Government in 2018, the service was discontinued two years later until today. The people served by mobile clinic are appealing to the Federal Government to reinstate the services once again for the benefit of the senior citizen and under privilege. And I hope our State Government Ministry in charge of the health would kindly assist on this matter. Tuan Speaker, so I hope that the relevant Ministry could enlighten this august House on this matter during the winding up.

Water Supply

Now I move on to water supply. Tuan Speaker, I would like to touch on water supply, a perennial problem facing other areas in the State as well, not only in Bukit Begunan.

(a) Water Supply Pekan Lachau, Sungai Tenggang Bazaar and Longhouses

Tuan Speaker, I have brought this matter in this august House in the past sitting but unfortunately until to date no action taken by the relevant authority. Problem of water supply to Pekan Lachau, Pasar Sungai Tenggang and nearby longhouses is nothing new. Supply water comes from Pantu Water Work. So, during long dry season, the pipe becomes dry and this is what happen during the very long dry season lately this year. Luckily, Pekan Lachau have gravity feed water supply and so is Pasar Sungai Tenggang, sharing gravity feed water supply with Kampung Sungai Tenggang. We are still using gravity feed even town, Tuan Speaker. As we know, Pekan Lachau is popular stopover for local and foreign tourist alike. So, it does not reflect well on the part of the State Government if the problem is not resolve. Therefore, I would like to ask the Ministry of Utility and Telecommunication, what are the plan to resolve or overcome this problem.

(b) Water Supply from Melugu to Longhouses up to Kampung Gua

Tuan Speaker, many longhouses in my Constituency including those longhouses located along the Pan Borneo Highway did have not have the opportunity to get supply of treated water. Their only source of water comes from gravity feed water system which is not reliable more so during drought or prolong dry season. Tuan Speaker, treated water from Bayai Water Work supplies water to Melugu scheme and surrounding area only. Therefore, I am requesting for the relevant Ministry to consider extending the treated water supply to longhouses along the Pan Borneo Highway such as Panggil, Engkramut, Selepong and up to Gua.

So, in conclusion Tuan Speaker, I wish to congratulate your good self and Tan Sri Amar Speaker and everyone including all the Government department involve in the smooth running of the current DUN sitting. As Christmas is approaching, Merry Christmas to all Christian friends and *selamat menyambut Tahun Baru 2024*. With that, I support the Supply (2024) Bill, 2023. Thank you.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat bagi Bukit Begunan. I would like to call Yang Berhormat bagi Batu Danau, next one. Last will be Ahli Yang Berhormat bagi Kabong. Oh, Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro will be last. No other, may I know? So that we can announce whether to exceed 6.30pm. Please indicate, thank you.

YB Dato Paulus Palu Gumbang: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi menyokong Rang Undang-undang Pembekalan (2024), 2023 yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Premier; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi N.26 Gedong pada hari Isnin, 20 November yang lalu.

Tuan Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Datuk Amar Speaker atas pelantikan semula beliau sebagai Speaker Dewan yang mulia ini. With his reappointment Sir, he has no doubt created history being the longest serving Speaker not only in the State but also in the Commonwealth. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak di atas penganugerahan *Distinguished Honorary Fellow* daripada *ASEAN Federation of Engineering Organisation* di Bali, Indonesia pada 22 November, 2023.

Tuan Speaker, my heartiest congratulations to YAB Premier for successfully tabling largest ever rural focused and development biased budget, setting aside RM9,038 billion or 66% of the total allocation for development purposes. This budget is indeed a clear manifestation of the GPS

Government sincere and continuous effort in giving an opportunity for our rural areas to catch up with our urban counterparts.

Saya percaya Belanjawan kali ini juga adalah atas kesedaran bahawa kawasan luar bandar masih banyak memerlukan perhatian khusus untuk mencapai satu tahap pembangunan yang lebih mampan terutamanya keperluan asas seperti jalan, bekalan elektrik dan bekalan air bersih jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan bandar dan subbandar di seluruh Negeri ini. Saya percaya, dengan barisan pucuk pimpinan yang mempunyai visi serta keprihatinan terhadap kebajikan rakyat yang ada pada hari ini, kawasan-kawasan luar bandar akan terus membangun dan mengecapi tahap kehidupan yang lebih baik.

Jumlah peningkatan peruntukan yang begitu besar untuk tujuan pembangunan dibandingkan dengan jumlah pada tahun yang lalu adalah bukti nyata keprihatinan dan kepedulian Kerajaan terhadap masyarakat luar bandar.

Tuan Speaker, *I am indeed grateful that an allocation of RM420 million has been included in the Budget in respect of the Rural Transformation Project (RTP)*. Tidak dapat dinafikan bahawa peruntukan di bawah program ini telah dapat mempercepat pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas yang amat diperlukan di kawasan luar bandar dan secara langsung dapat meningkatkan taraf hidup kepada mereka yang terlibat. Dengan adanya peruntukan ini, pelaksanaan projek infrastruktur seperti jalan perhubungan desa, dewan serbaguna, kerja-kerja pemasangan dan pembaikan sistem paip air graviti dan kemudahan sukan seperti gelanggang futsal dapat kita diteruskan.

Namun demikian, saya juga ingin menyokong saranan Ahli Berhormat bagi Daro dan juga Ahli-ahli yang Berhormat bagi kawasan lain supaya jumlah peruntukan RTP ini dinaikkan dari RM5 Juta kepada RM7 Juta. Jumlah tambahan ini akan dapat mempercepat lagi pelaksanaan projek yang sebahagian besarnya terpaksa dilaksanakan mengikut fasa. Selain daripada itu, jumlah tambahan ini juga akan dapat mengatasi tambahan peningkatan kos bahan binaan terutamanya di kawasan-kawasan seperti di kawasan Utara Sarawak.

Bekalan Air Bersih

Tuan Speaker, berhubung dengan bekalan air bersih, *if I may say it again, the formation of NRDA by the GPS State Government is a blessing to the people of the Northern State of Sarawak*, iaitu Limbang dan Lawas. Peruntukan luar daripada anggaran Belanjawan biasa yang disalurkan kepada NRDA telah membantu merencanakan lagi pembangunan di kedua-dua kawasan yang saya nyatakan tadi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana sekali lagi telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk diagihkan kepada sembilan *regional agencies* termasuk NRDA dalam cadangan Belanjawan bagi tahun 2024 bagi pelaksanaan projek pembangunan di kawasan masing-masing. Dengan adanya peruntukan ini, sudah tentu lebih banyak projek bertujuan menyediakan keperluan asas di kawasan masing-masing dapat dilaksanakan.

Bagi pihak penduduk kawasan Batu Danau, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan GPS kerana telah meluluskan dua daripada empat projek bekalan air bersih yang dicadangkan dibawah NRDA. Saya difahamkan bahawa projek ini akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Dua daripada projek ini adalah:

- (a) Dari Simpang Kampung Pengkalan Jawa ke Bawang Ubor ke Kawasan Ukong meliputi lapan buah kampung sejauh 37 km; dan
- (b) Daripada Kampung Medamit Baru ataupun Pekan Medamit ke Rumah Thaddeus Aling, Pulau Brunei meliputi enam buah rumah panjang sejauh 29 km.

Sehubungan dengan itu, saya juga memohon supaya baki dua lagi projek yang telah dicadangkan sebelum ini dilaksanakan. Dua projek ini adalah:

- (a) Daripada Simpang Ukong ke Rumah Jubang, Tanah Merah sejauh 46 km yang meliputi 11 kampung dan rumah panjang; dan
- (b) Daripada Simpang Jalan Semena ke Kuala Medalam yang meliputi lima buah rumah panjang, sebuah sekolah dan sebuah klinik.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memohon supaya Kawasan Ulu Lubai sejauh 16 km, apa kiranya ia dapat dimasukkan ke dalam senarai *stressed areas* bagi tahun hadapan. Terdapat empat buah rumah panjang, sebuah klinik dan dua buah sekolah rendah yang berada di dalam kawasan ini.

Bekalan Elektrik Luar Bandar

Tuan Speaker, saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah mengambil keputusan untuk meneruskan pelaksanaan empat projek bekalan elektrik luar bandar di Kawasan Batu Danau yang telah terbatal oleh Kerajaan Pakatan Harapan apabila mereka mengambil alih Kerajaan Persekutuan selepas PRU ke-14. Projek-projek ini adalah di Rumah Lawai, Selidong, Rumah Jampong, Melaban, Rumah Lembong, Entakong dan Rumah Agan Siran, Kampung Tubai Baru. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kesemua projek di atas telah pun selesai dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Speaker, Batu Danau being a rural constituency was among those that had been able to enjoy electricity supply under the SARES programme. However, some of the components installed such as battery and solar panel have aged and no longer function as it was supposed to be. I am happy to note that under the 2024 Budget, a sum of RM24 million has been allocated for battery replacement and key components for these Stand-Alone Solar Systems. Dengan adanya peruntukan ini, saya berharap kerja-kerja penggantian terhadap bateri dan komponen lain bagi beberapa perkampungan Penan seperti Long Rayeh, Long Sulong, Long Kartadem dan lain-lain di Kawasan Ulu Limbang dapat dilaksanakan. Saya juga berharap lebih banyak peruntukkan disediakan untuk penyambungan elektrik di bawah program ALAF bagi Kawasan Batu Danau kerana saya difahamkan senarai menunggu bagi permohonan penyambungan di bawah program ini masih panjang.

Program Pembaikan Rumah Rakyat Miskin Sarawak (PPRMS)

Tuan Speaker, the Sarawak Home Repair for the Poor program has remained a popular and much awaited program especially among the B40 group since its inception. I am glad to note that a sum of RM60 million for the Sarawak Home Repair for the Poor (PPRRMS) program will be continued next year. On behalf of all the people in my area, I wish to convey my gratitude to the GPS State Government for having allocated funding of RM1 million for each constituency per year to continue its implementation since 2018.

Lantikan Ketua Kaum/ Masyarakat

Tuan Speaker, better educational and job opportunities in the urban areas has no doubt triggered rural-urban migration. I am sure this phenomena is not confined to Limbang but also other areas in the State as well. Mereka ini akan terus bermastautin di bandar-bandar secara tetap dan balik ke rumah panjang dan kampung hanya sekali skala. Selain daripada itu, terdapat juga mereka yang datang untuk bekerja dari kawasan lain dan terus menetap di bandar selepas bersara. Dalam perkara ini, mereka ini sering kali menghadapi masalah apabila berlakunya perkara-perkara yang melibatkan adat seperti adat perkahwinan, adat perceraian dan lain-lain. Sehubungan itu, saya memohon pertimbangan Kerajaan Negeri supaya satu jawatan Penghulu bagi Masyarakat Iban dan

satu jawatan Penghulu bagi masyarakat Bisaya diwujudkan khusus untuk kawasan Bandar Limbang.

SALCRA – Penanaman Sawit di Kawasan Batu Danau

Tuan Speaker, bagi pihak ketua Masyarakat di kawasan Batu Danau, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada SALCRA di atas kesudian menerima dan menaja lawatan sambil belajar oleh seramai 50 orang Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat ke kawasan ladang dan projek-projek lain di bawah kelolaan agensi tersebut. Hasil daripada lawatan tersebut, ramai daripada kalangan peserta ini telah terharu dan menunjukkan minat yang tinggi terhadap program yang dilaksanakan oleh SALCRA terutamanya di dalam bidang penanaman kelapa sawit.

Sehubungan itu, saya berharap pihak SALCRA akan mengadakan *follow up* dan sesi perbincangan bertujuan mengenal pasti bidang-bidang yang boleh dilaksanakan bersama masyarakat setempat di kawasan Batu Danau.

Penyukatan di Keliling di Bawah Seksyen 6 dan Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri

Tuan Speaker, saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Negeri di atas komitmennya untuk menyelesaikan isu tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) dengan mengadakan kerja-kerja penyukatan di bawah Seksyen 6 dan Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri secara berterusan. Terdapat masih banyak kawasan-kawasan tanah NCR yang belum dibuat penyukatan dan sungguh pun permohonan telah dibuat kepada pihak Jabatan Tanah dan Survei. Oleh itu, saya memohon supaya kerja-kerja penyukatan di bawah Seksyen 6 dan Seksyen 18 di kawasan Batu Danau dilaksanakan secepat mungkin.

Naik taraf Jalan Jiwa Murni

Tuan Speaker, terdapat dua batang jalan yang dijalankan di bawah program Projek Jiwa Murni di kawasan N.80 Batu Danau. Jalan-jalan ini ialah jalan:

- (a) Fasa 1 – Jalan Rumah Satu, Kuala Medalam (12 km); dan juga
- (b) Fasa 2 – Jalan dari Kuala Medalam ke Liang Datu, Meruyu dan Kerangan Ma.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembinaan Fasa 1 telah dilaksanakan dengan penggunaan *soil stabilizer* manakala Fasa 2 telah dibina dan diturap dengan tar. Konsepnya pada ketika itu ialah mewujudkan *connectivity*. Sungguh pun demikian, kebelakangan ini keadaan jalan ini bukan sahaja kurang memuaskan bahkan berbahaya kepada pengguna disebabkan kurang penyelenggaraan. Terdapat juga di beberapa tempat daripada jalan ini telah menggelongsor dan mengakibatkan keadaan satu laluan sahaja yang boleh digunakan. Kalau ada penyelenggaraan pun ianya adalah dibuat secara *ad hoc*.

Saya difahamkan bahawa keadaan ini berlaku kerana sehingga kini, jalan-jalan ini belum diserahkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya Negeri oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia. Oleh yang demikian, jalan-jalan ini belum disenaraikan di bawah program penyelenggaraan MARIS.

Sehubungan itu, saya memohon supaya sejumlah peruntukan disediakan untuk menaik taraf kedua-dua jalan ini untuk memberi keselesaan kepada penduduk di kawasan tersebut yang menggunanya secara setiap hari.

Conclusion

Tuan Speaker, sebelum saya duduk, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pegawai dan staf Dewan Undangan Negeri, dan semua anggota Perkhidmatan Awam Negeri dan Persekutuan yang telah bekerja keras bagi

menjayakan persidangan kali ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Tuan Speaker dan Timbalan Speaker kerana telah mengendalikan perjalanan prosiding Dewan yang mulia ini dengan cemerlang.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakan-rakan yang beragama Kristian, dan selamat menyambut Tahun Baru 2024 kepada semua rakyat di Negeri ini. Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang Perbekalan (2024), 2023. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Batu Danau. Seterusnya, kita mempersilakan Ahli Yang Berhormat Kabong.

YB Encik Mohd Chee bin Kadir: Terima kasih, Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur. Terlebih dahulu, terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan Sarawak 2024 pada hari ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan Kerajaan GPS di atas Pembentangan Bajet 2024 pada Isnin lepas.

Tuan Speaker, Belanjawan Sarawak 2024 merupakan belanjawan tertinggi dalam sejarah Negeri Sarawak yang sifatkan sebagai inklusif bagi pertumbuhan ekonomi Negeri Sarawak dan kesejahteraan rakyat. Belanjawan ini dilihat progresif, berjiwa rakyat, dan mampan dari segi pembangunan ekonomi dan akan memanfaatkan pelbagai lapisan masyarakat. Belanjawan ini, adalah merupakan yang terbesar dalam sejarah Negeri Bumi Kenyalang yang memperuntukkan RM12.363 bilion untuk tahun 2024. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan berbanding peruntukkan perbelanjaan bernilai RM10.797 bilion pada 2023.

Tuan Speaker, izinkan saya mengemukakan rintihan, kehendak, dan rayuan suara hati rakyat di Kawasan tempat saya, Dewan Undangan Negeri N.40 Kabong.

Perhubungan Telekomunikasi

Masalah capaian internet di kawasan luar bandar di Negeri Sarawak terutamanya di setengah Kawasan DUN N.40 Kabong bukan satu isu baharu, malah masih menjadi rungutan dalam kalangan penduduk khususnya para pelajar, guru-guru serta usahawan dalam talian yang memerlukan liputan internet bagi menjalankan urusan harian.

Seperti kita sedia maklum, ketika Sarawak mengejar Negeri berstatus maju menjelang tahun 2030 nanti, capaian internet dengan kelajuan yang tinggi merupakan salah satu fokus Kerajaan Sarawak. Bagaimanapun, perkara yang masih menjadi cabaran untuk Negeri ini ialah sebahagian besar kawasan luar bandar belum mempunyai capaian internet yang tinggi. Saya percaya Kerajaan Sarawak tetap komited untuk melengkapkan kawasan di luar bandar dengan capaian internet yang bukan sahaja memberikan manfaat yang positif kepada penduduk tetapi juga menjadi pelengkap kepada pembangunan infrastruktur. DUN N.40 Kabong khasnya, memerlukan capaian internet dengan kelajuan 4G hingga 5G bagi merancakkan ekonomi digital seperti yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Premier beberapa hari lalu dimana Kerajaan Persekutuan melalui Digital National Berhad (DNB) telah memperuntukkan RM1 bilion untuk pembangunan 5G di Sarawak sehingga tahun 2030.

Bekalan Elektrik

Tuan Speaker, masalah ini sering menjadi topik hangat di Kabong sejak dahulu hingga sekarang. Apabila berlakunya *blackout*, akan timbul masalah lain iaitu kerosakan alat elektrik di rumah. Ini kerana *blackout* berlaku sangat kerap. Kadang-kadang dalam satu hari berlaku sehingga tiga ke empat kali *blackout*. Oleh yang demikian, saya mohon perkara ini di ambil serius dan sewajarnya, kerana ketika ini bukan lagi untuk merancang penyelesaian perkara yang sering kali

berlaku, tetapi sekarang adalah masa untuk penyelesaian masalah. Be part of the solution, not part of the problem.

Selain itu, rakyat di Kawasan Kabong masih tertunggu-tunggu untuk pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) membuat penyambungan bekalan elektrik ke rumah-rumah mereka. Pihak Pejabat Daerah Kabong difahamkan telah menghantar permohonan-permohonan kepada jabatan yang berkaitan. Namun, sehingga ke hari ini, penduduk yang hampir 1,000 jumlahnya masih lagi tertunggu-tunggu. Saya mohon perkara ini diberi perhatian utama.

Bekalan Air

Pembangunan di kawasan luar bandar harus memberi keutamaan kepada penyediaan bekalan air bersih di setiap pelosok bahagian dan daerah di Negeri ini, khususnya di Kawasan DUN N.40 Kabong.

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak kerana melalui peruntukan RM156 juta pada tahun 2024 adalah untuk pelaksanaan kesinambungan dan projek bekalan air baharu.

Bekalan air ke Kawasan Gerigat akan dinaik taraf dengan kos RM28,900,000 yang akan dilaksanakan pada pertengahan penggal Rancangan Malaysia Ke-12. Terima kasih Kerajaan Sarawak. Untuk makluman, sejumlah enam buah rumah panjang di Kawasan Ulu Roban sehingga kini masih menunggu tibanya penyambungan bekalan air terawat disambung ke rumah-rumah panjang mereka. Walaupun telah banyak kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, tiap-tiap kali masa persidangan sejak tahun 2016, saya sekali lagi meminta agar penyambungan paip air untuk bekalan air terawat ke enam buah rumah panjang di Kawasan Ulu Roban diberikan pertimbangan untuk dilaksanakan.

Skim Pembesaran Kampung

Tuan Speaker, pelaksanaan Skim Pembesaran Kampung (SPK) oleh Kerajaan Sarawak termasuk di DUN N.40 Kabong adalah merupakan salah satu inisiatif penting bagi menyediakan rakyat dengan kawasan penempatan yang lebih tersusun dan selesa. Untuk makluman Tuan Speaker, SPK Kampung Hulu Kabong bagi Fasa 1 telah mula diagihkan kepada pemohon yang berjaya pada 29 Ogos 2023. Namun yang demikian, sejumlah pemohon yang memohon melalui Housing Development Corporation (HDC) sehingga sekarang masih lagi belum mendapat sebarang maklum balas dari pihak HDC. Ini kerana peruntukan untuk HDC diluluskan sebanyak 50 unit sahaja. Maklumat yang saya terima daripada pihak Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Betong, sejumlah 73 pemohon telah memohon bagi tujuan berkenaan.

Oleh yang demikian, saya ingin memohon daripada Kerajaan Sarawak untuk memberikan tambahan sekurang-kurangnya sebanyak 25 buah unit rumah kendalian HDC bagi menampung permohonan berkenaan. Saya memohon respon daripada Kementerian yang berkenaan. Walaupun projek SPK ini telah siap sepenuhnya, apa yang mengecewakan ialah kelewatan SEB dalam membekalkan elektrik ke empat buah rumah yang telah didirikan. Pihak kontraktor telah menjelaskan dan membuat pembayaran yang dikehendaki pihak SEB. Saya mohon penjelasan dari SEB. Selain daripada itu, selaku ADUN Kabong dan mewakili penduduk di kawasan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak kerana telah meluluskan Skim Pembesaran Kampung (SPK) Kampung Hulu Kabong Fasa 2 dengan peruntukan RM23 juta bagi tujuan pengambilan balik tanah dan penyediaan infrastruktur. Terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Sarawak.

Had Umur Lesen Sampan Khas

Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sumber pendapatan utama penduduk di Kabong ialah dari aktiviti perikanan. Saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa

syarat yang ditetapkan untuk seseorang pemohon lesen sampan khas adalah bermula usia 40 tahun hingga 60 tahun. Namun yang demikian, saya ingin memohon agar syarat usia 40 tahun itu diturunkan kepada usia 20 tahun dan ke atas. Ini akan membolehkan lepasan sekolah yang tidak menyambung pelajaran mereka boleh berkecimpung dalam industri perikanan. Dapatan yang diterima oleh pihak Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kabong, bahawa kebanyakan nelayan-nelayan kini yang berusia 30 tahun dan ke atas sukar untuk mendapatkan lesen sampan khas walaupun mereka sepatutnya layak diberi lesen. Saya sendiri telah menulis surat kepada pihak Jabatan Perikanan Laut Sarawak dan masih belum mendapat respon daripada pihak berkenaan.

Ancaman Pukat Tunda kepada Nelayan Pesisir Pantai

Tuan Speaker, nelayan-nelayan di Kabong merupakan nelayan pesisir pantai. Akan tetapi punca pendapatan mereka makin hari makin berkurangan akibat aktiviti-aktiviti para nelayan pukat tunda yang tidak menghiraukan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perikanan Laut yang mengharamkan pukat tunda di kawasan pesisir pantai. Adalah diharapkan agar agensi-agensi penguat kuasa dapat mengambil tindakan drastik dan tegas terhadap penceroboh-penceroboh yang tidak bertimbang rasa dan tidak berhati perut terhadap rakan-rakan nelayan yang lain.

Memperkuhkan Modal Insan dan Pembangunan Bakat

Tuan Speaker, kita menghargai keprihatinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak kerana turut menggariskan untuk memperkuhkan modal insan dan pembangunan bakat dalam 12 teras strategik Belanjawan 2024 Sarawak. Adalah diharapkan agar program-program yang memberi pendidikan untuk belia-belie menjauhi dan membenci dadah dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak di Kawasan N.40 Kabong memandangkan masalah penyalahgunaan dadah semakin menjadi-jadi.

Keretapi Elektrik

Tuan Speaker, keretapi merupakan aspek pengangkutan awam yang efisien dan berdaya saing yang digunakan di negara-negara maju dan telah dilaksanakan sekian lama hingga ke hari ini. Di Malaysia pun, pengangkutan keretapi digunakan di Malaya dan Sabah.

Saya mohon mencadangkan agar kajian dibuat untuk membina *Electric High-Speed Railway* dari Kuching ke Lawas. Kuasa elektrik untuk menggerakkan *railway* tersebut begitu banyak dari sumber hidro Bakun, Batang Ai, Murum, dan Baleh. Kuasa elektrik yang banyak mesra alam dan murah akan memberi daya saing yang hebat kepada pengusaha *electric railway* itu nanti.

Jambatan Muara Sungai Krian

Tuan Speaker, saya juga memohon pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membuat kajian bagi pembinaan Jajaran Baharu Jalan Raya dari Pekan Kabong ke Kampung Paloh seterusnya menerusi jalan utama kedua melalui Jalan Batang Maro. Ini kerana, apabila semua kawasan ini dapat dihubungkan dengan jalan raya yang baik, ianya akan memberi manfaat kepada rakyat terutamanya dalam aktiviti pertanian dan pembangunan ekonomi. Saya ingin mencadangkan untuk pertimbangan Kerajaan Sarawak agar sebuah jambatan dibina di muara Sungai Krian untuk menghubungkan Pekan Kabong, Kampung Paloh dan Kampung Batang Maro.

Festival Layang-Layang Antarabangsa Kabong (KIKF)

Penganjuran Festival Layang-Layang Antarabangsa Kabong (KIKF) di Pantai Tanjung Kembang telah berjaya melonjakkan nama Daerah Kabong dalam peta pelancongan antarabangsa. Penganjuran Festival Layang-Layang Antarabangsa yang merupakan Edisi Ketiga dianjurkan pada Mac tahun ini telah melibatkan peserta peringkat antarabangsa daripada 36 buah negara keseluruhan termasuk beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia menyertainya.

Pihak saya, melalui Pejabat Residen, Bahagian Betong telah memaklumkan kepada Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Sarawak, *Kabong International Kite Festival* akan diadakan pada 4 sehingga 11 Mac 2024 di Pantai Tanjung Kembang, Kabong. Oleh yang demikian, besarlah harapan saya agar pihak Kementerian dapat memberi sokongan melalui saluran geran untuk penganjuran acara dan pesta sekaligus membantu menjayakan Penganjuran Pesta Layang-Layang Antarabangsa Kabong 2024.

Anjung Usahawan Kabong

Tuan Speaker, tarikh 13 Oktober 2020 merupakan permulaan sinar kepada pengusaha industri kecil dan sederhana di DUN N.40 Kabong apabila Kerajaan Sarawak bersetuju untuk membina sebuah Anjung Usahawan bernilai RM5 juta.

Ini kerana, dengan adanya Anjung Usahawan ini nanti ianya akan menjadi platform usahawan berkembang maju. Namun yang demikian, sehingga sekarang, tiada sebarang tindakan susulan diambil. Saya telah dimaklumkan, pihak Kementerian telah pun membuat permohonan terhadap pertapakan yang baharu, yang dipersetujui oleh saya selaku ADUN Kawasan dan kini masih dalam proses kelulusan. Di sini, saya mohon disegerakan proses pembinaan Anjung Usahawan Daerah Kabong agar projek ini boleh dimulakan segera setelah tiga tahun diumumkan.

Program Pembangunan Tanaman Kelapa di Kawasan Tanjung Empiyong, Kabong

Tuan Speaker, izinkan saya untuk mencadangkan agar Kerajaan Sarawak melalui Peruntukan Pertanian Tanaman Sarawak menerusi Bajet 2024, turut memberi perhatian terhadap Program Pembangunan Tanaman Kelapa khususnya di Kawasan saya. Untuk makluman, Program Pembangunan Tanaman Kelapa Fasa Satu di Kawasan Tanjung Empiyong, Kabong telah pun dilaksanakan pada 25 Oktober 2022 lalu, yang melibatkan seramai 35 orang peserta sekitar Kabong. Projek Fasa Satu ini memperuntukkan kos sebanyak RM600,000 bagi kerja-kerja penyediaan kawasan tanaman termasuklah benih-benih tanaman dengan keluasan 40 hektar. Memandangkan projek seumpama ini mendapat sambutan yang luar biasa oleh penduduk Kabong, saya ingin mencadangkan agar keluasan projek sedia ada diperbesarkan bersebelahan kawasan projek yang sedia ada.

Lebuh raya Pan Borneo Sarawak

Tuan Speaker, jasa serta kepimpinan Allahyarham Pehin Sri Tan Sri Adenan bin Haji Satem dalam memacu pembangunan Negeri ini akan terus diingat sampai bila-bila sekaligus menjadi penyuntik semangat untuk terus mengukuh jalinan kerjasama demi kemakmuran serta kesejahteraan Negeri ini. Allahyarham Pehin Sri telah menunjuk kesungguhan memperjuangkan hak serta kepentingan orang Sarawak khususnya berkaitan royalti minyak serta pelaksanaan Projek Pembinaan Lebuh raya Pan Borneo yang sudah hampir-hampir siap.

Bagi mengenang jasa Allahyarham Pehin Sri, saya ingin mencadangkan agar Lebuh raya Pan Borneo di Sarawak ini dinamakan semula dengan nama Lebuh raya Pehin Sri Adenan Satem.

Tuan Speaker, sebagai penutup, sebelum saya mengundur diri, dikesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat serta semua yang meraikan perayaan ini. Dan dikesempatan ini, saya ingin menzahirkan penghargaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak atas pembentangan Belanjawan Sarawak 2024 yang sentiasa memenuhi aspirasi rakyat Sarawak. Dengan ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kabong. Seterusnya untuk mengakhiri debat kita hari ini kita mempersilakan Yang Berhormat bagi Beting Maro. Dipersilakan.

YB Tuan Haji Razaili bin Haji Gapor: Terima kasih Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat

Premier merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru, ADUN N. 26 Gedong di atas pembentangan Belanjawan 2024 di dalam Dewan yang mulia ini pada 20 November 2023 yang lalu.

Tuan Speaker, Belanjawan Sarawak 2024 berjumlah RM13.601 bilion memperuntukkan RM9.038 bilion untuk Pembangunan dan RM4.563 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus. Kutipan Hasil Negeri bagi tahun 2024 diunjurkan sebanyak RM12.749 bilion dengan lebih sebanyak RM386 juta. Belanjawan yang bertemakan, "*Pembangunan Untuk Semua: Bersama-sama Membina Sarawak Yang Makmur, Mampan dan Bersatu Bersama*" adalah belanjawan yang berorientasikan pembangunan dan berfokuskan luar bandar.

Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Premier di atas kejayaan Sarawak diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai negeri yang berpendapatan tinggi. Kejayaan ini sejajar dengan Dasar Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS 2030 untuk mencapai negeri maju menjelang 2030).

Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Premier telah memperkenalkan inisiatif berpandangan jauh untuk mengubah landskap ekonomi Sarawak dengan meneroka ekonomi baru untuk pembangunan masa depan Sarawak maju makmur. Penyelidikan dan pembangunan dalam ekonomi hidrogen, perniagaan karbon, pengeluaran bio-jisim *algae* untuk menghasilkan *Sustainable Aviation Fuel* telah menghasil sumber ekonomi baharu yang akan menggandakan pendapatan Sarawak. Ekonomi baharu berasaskan teknologi hijau ini telah menarik banyak pelaburan ke Sarawak. Dalam sektor tenaga hidrogen, Sarawak bukan sahaja berusaha ke arah kedudukan teratas dalam pengeluaran dan eksport hidrogen di Asia Tenggara tetapi juga bertujuan untuk menjadi hab eksport hidrogen global. Saya berharap dengan pencapaian yang membanggakan Kerajaan Sarawak ini dapat diperluaskan dan seterusnya membuka banyak peluang kepada rakyat Sarawak.

Isu dan Keperluan Rakyat DUN Beting Maro

Tuan Speaker, izinkan saya untuk mengemukakan beberapa isu di Kawasan DUN Beting Maro yang memerlukan perhatian Dewan ini.

Kemudahan Telekomunikasi

Tuan Speaker, liputan telekomunikasi dan internet di Kawasan Beting Maro sangat tidak memuaskan. Ini tidak menghairankan kerana bukan sahaja hanya terdapat tujuh menara telekomunikasi dibina oleh SMART dan JENDALA terdapat di Beting Maro tetapi hanya dua sahaja darinya telah beroperasi. Oleh itu, saya mohon MCMC, SMA, SDEC dan MUT supaya dapat menambah menara telekomunikasi dan memastikan isu capaian internet diambil perhatian segera. Kelewatan menangani isu ini boleh menjejaskan usaha Kerajaan untuk meluaskan liputan jaringan telekomunikasi dan internet dan seterusnya boleh menjadi halangan kepada pembangunan ekonomi digital dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Perumahan Mampu Milik

Saya menyambut baik usaha Kerajaan untuk menjaga kesejahteraan rakyat melalui penyediaan Rumah Mampu Milik. Sehubungan itu, saya merayu dan mohon HDC melaksanakan segera projek pembinaan Rumah SPEKTRA Permata di tapak perumahan rakyat Pusa dan di tanah HDC di RGC Beladin. Saya cadang supaya HDC memasang solar panel atas bumbung rumah bagi menjana tenaga untuk kegunaan sendiri dan lebih boleh dijual kepada SEB sebagai pendapatan tambahan kepada pemilik rumah.

Skim Pembesaran Kampung

Saya merayu dan mohon Kerajaan dapat menyediakan peruntukan dalam Bajet 2024 ini untuk melaksanakan Projek SPK Batang Maro, SPK Spinang, SPK Beladin, SPK Tambak dan SPK Kalok yang telah diluluskan bagi membolehkan rakyat Beting Maro memiliki lot untuk membina rumah sendiri

PROJEK SAKIT

Tuan Speaker, Kerajaan GPS sentiasa bekerja keras untuk memastikan kesejahteraan rakyat Sarawak, terutamanya di kawasan luar bandar. Hal ini dibuktikan dengan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan termasuk Projek Rakyat dan Projek RTP. Ini untuk memastikan masyarakat di luar bandar turut merasai pembangunan serta berupaya menikmati dan meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka. Namun begitu, didapati banyak projek ini termasuk yang dilaksanakan di DUN Beting Maro, dikategorikan sebagai projek sakit dan tenat disebabkan oleh kelemahan pemantauan oleh agensi pelaksana.

Projek Perumahan Nelayan RGC Beladin

Projek Perumahan Nelayan RGC Beladin yang dilaksanakan sejak 2015 disasar untuk membina 271 unit rumah untuk nelayan. Pencapaian hingga hari ini adalah mendukacitakan dengan hanya 68 unit sahaja telah dibina. Lebih menyedihkan 68 unit rumah ini belum diserahkan kepada nelayan disebabkan rumah tersebut telah rosak akibat *vandalism*.

Kompleks Pendaratan Ikan Beladin

Kompleks Pendaratan Ikan Beladin bernilai RM20 juta yang diluluskan pada 2012 didapati hingga hari ini belum dioperasikan.

*Projek Jeti Tambatan Nelayan Beladin/ Kompleks Pentadbiran Daerah Pusa/
Jalan raya Batang Maro*

Selain itu, Projek Jeti Tambatan Nelayan Beladin bernilai RM5 juta, Kompleks Pentadbiran Daerah Pusa bernilai RM 5 juta, dan Projek Jalan Raya Batang Maro yang telah diluluskan dalam RMK-11 belum juga dilaksanakan.

Projek Food Court dan Gerai Penjaja Beladin/ Dewan Masyarakat Kampung Pusa

Begitu juga *Food Court* dan Gerai Penjaja Beladin serta Projek Dewan Masyarakat Kampung Pusa di mana ketiga-tiga projek ini walaupun telah dilaksanakan pada tahun 2017/ 2018, hingga hari ini belum disiapkan.

Oleh kerana itu, saya mohon Kerajaan khususnya SIMU memandang serius akan hal ini dan mengambil tindakan tegas dan pantas terhadap pihak yang berkenaan. Kelewatan menyiapkan dan memulakan pelaksanaan projek ini bukan sahaja merugikan wang awam dan Kerajaan, malah rakyat juga yang harus menanggung kesusahan dan kesulitan kerana dinafikan menikmati kemudahan infrastruktur yang baik tepat pada masanya.

Pembangunan Daerah Pusa

Daerah Pusa telah diangkat sebagai daerah penuh pada 1 Ogos 2015, iaitu kira-kira lapan tahun yang lalu, dengan matlamat supaya lebih banyak kemudahan infrastruktur dan pelbagai perkhidmatan dapat disediakan. Sehingga hari ini, Pekan Pusa sebagai Pusat pentadbiran daerah Pusa masih kekurangan banyak kemudahan asas. Sehubungan itu, saya juga ingin merayu dan memohon kepada Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli supaya segera melulus dan memuktamadkan Pelan Pembangunan Daerah Pusa sebagai panduan hala tuju pembangunan Daerah Pusa yang maju menjelang 2030.

Pembinaan Sekolah Rendah Agama Antarabangsa RGC Beladin

Saya mencadang dan memohon supaya sebuah Sekolah Rendah Agama Antarabangsa dibina di RGC Beladin bagi memberi peluang anak masyarakat luar bandar di Daerah Pusa belajar di sekolah antarabangsa aliran agama. Tapak seluas 14 ekar untuk pembinaan sekolah ini telah diluluskan oleh Kerajaan di RGC Beladin. Diharap Kerajaan dapat menyediakan peruntukan dalam RMK-12 bagi menyoegerakan pembinaan Sekolah Rendah Agama Antarabangsa ini. Dalam masa yang sama, saya ingin mencadang supaya SK Agama Antarabangsa RGC Beladin diangkat sebagai *Feeder School* kepada Sekolah Menengah Agama Antarabangsa HIKMAH Kuching yang dijangka beroperasi tahun 2027.

Pemulihan Tebingan dan Tebatan Banjir

Kebanyakan penempatan kampung di DUN Beting Maro menghadapi masalah hakisan tebing sungai dan pantai menyebabkan terdapat kemudahan seperti surau, sekolah, tanah perkuburan, dan rumah kediaman penduduk terancam terjun ke dalam sungai atau laut.

Sehubungan itu, saya memohon untuk Kerajaan menjalankan kerja pemuliharaan pantai dan tebing sungai kawasan penempatan Kampung Pusa, Kalok, Beladin, Batang Maro, Semarang dan Spinang seperti yang dilaksanakan di Pantai Sebuyau. Hakisan pantai dan tebingan sungai di kawasan ini telah merosak kawasan penempatan, rumah dan jalan raya serta pokok tanaman. Saya juga memohon Jabatan Pengairan dan Saliran membuat kajian tebatan banjir Kampung Semarang dan Kawasan Muton-Undai yang sering mengalami banjir kilat.

Bekalan Air Bersih Terawat

Kampung Batang Maro adalah kampung yang masih belum mendapat bekalan air bersih di DUN Beting Maro. Sehubungan itu, saya mohon supaya Kerajaan mempercepatkan pelaksanaan Projek Pembekalan Air Bersih Terawat ke Kampung Batang Maro yang sudah sekian lama mengharap dan menunggu. Bagi mengatasi tekanan air rendah dan kekurangan bekalan air terawat di Kawasan Pusa, Beladin, Spinang dan Semarang, adalah dicadangkan Kerajaan membina *high level tank* di Pusa, Beladin dan Spinang di samping menaik taraf Loji Rawatan Air Beladin dan Meludam kepada 10MLD.

Kompleks Sukan Daerah Pusa

Sebagai sebuah daerah penuh, Daerah Pusa akan memainkan peranan besar untuk membantu Kerajaan membangun kawasan dan rakyat di DUN Beting Maro. Sehubungan itu, saya memohon Kerajaan membina sebuah Kompleks Sukan Daerah Pusa bagi menampung keperluan penduduk terutamanya belia-belia di samping untuk menyokong Sarawak sebagai *sports powerhouse* di Negara ini.

Tourism Discovery Centre (TDC)

Di Beting Maro, terdapat banyak tempat bernilai sejarah dan menarik yang boleh dibangun sebagai produk pelancongan termasuk kepelbagaian masakan makanan dan budaya masyarakat Melayu Saribas seperti Makam Dang Isah Tanding Sari, Tapak Battle of Beting Maro, Sejarah Kerajaan Melayu Saribas, Pantai Batang Maro, Mitos Sri Bunian Sepinang dan sebagainya. Bagi memanfaatkan potensi pelancongan ini, saya cadang dan mohon Kerajaan membina *Tourism Discovery Centre* yang berperanan sebagai pusat maklumat pelancongan di Daerah Pusa dan kawasan sekitarnya.

Blueprint Kawasan Muara Batang Saribas

Kawasan Muara Batang Saribas merangkumi Perkampungan Pusa, Beladin sehingga Maludam dan Kabong secara tradisinya bergantung kepada perikanan, kelapa dan ladang kelapa

sawit sebagai sumber ekonomi. Kawasan ini merupakan kawasan konsentrasi nelayan yang terbesar di Sarawak, telah menyumbang kepada pembekalan ikan negeri dan negara.

Bagaimanapun, teras ekonomi ini didapati tidak berkembang dipercayai disebabkan faktor ancaman air masin, hakisan tebing, pantai dan kekurangan infrastruktur pertanian dan perikanan. Maka, sudah tiba masanya teras ekonomi rakyat di kawasan ini, dinilai semula bagi melihat sumber baharu yang berpotensi meningkatkan ekonomi masyarakat di kawasan ini. Saya cadangkan Kerajaan menjalankan satu kajian terperinci bagi menyediakan sebuah pelan induk komprehensif berasaskan sumber perikanan (marin), pertanian dan alam sekitar.

Blueprint ini haruslah mengintegrasikan ekonomi baharu iaitu ekonomi digital dan ekonomi teknologi hijau dengan keutamaan mewujudkan kepelbagaian ekonomi, amalan pembangunan yang mampan, integrasi teknologi, peningkatan infrastruktur, alam sekitar lestari dan pemerdayaan komuniti. Mewujudkan sebuah *blueprint* yang syumul adalah langkah penting ke arah memupuk pembangunan mampan selaras dengan PCDS 2030 untuk kawasan pesisir ini.

Rural Transformation Project (RTP)

Akhir sekali Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong:

- (a) Supaya peruntukan di bawah AFF (*Agriculture Facilitation Fund*) diteruskan bagi membantu rakyat di kawasan luar bandar;
- (b) Saya juga menyokong supaya peruntukan RTP dinaikkan daripada RM5 juta ke RM7 juta;
- (c) Saya juga bersetuju elaan untuk KMKK dan Kaunselor dikaji supaya untuk dinaikkan;
- (d) Saya juga bersetuju supaya elaan bantuan musim tengkujuh kepada nelayan diteruskan;
- (e) Saya juga bersetuju supaya elaan *meeting* YBs dikaji untuk dinaikkan; dan akhir sekali
- (f) Saya bersetuju dengan rakan saya daripada DUN Kabong, supaya jambatan dibina bagi menghubungkan Kampung Paloh-Batang Maro.

Dan akhir sekali Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua penganut Kristian, selamat menyambut Hari Raya Cina kepada kaum Cina dan selamat menyambut Tahun Baru 2024 kepada semua. Saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

*Duduk bersila di tepi perigi,
Mekar harum daun selasih,
Tajam madah mengusik hati,
Senyuman manis pengikat kasih.*

*Negeri Sarawak ibu pertiwi,
Tandang sari hikayat puteri,
Datuk Speaker tegas bijak bestari,
Perbahasan bajet setulus hati.*

Dengan ini, saya menyokong. Akhir kata, Jaga Sarawak, Intu Sarawak, Utamakan Sarawak. Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Timbalan Speaker: Waalaikumsalam. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro. Saya pun setuju. Rintihan, rayuan dan tangisan rakyat yang dibentang oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam perdebatan ini, ya, diambil perhatian oleh pihak yang berwajib. Seterusnya minta pihak Sekretariat ataupun *Stenographer* yang menyediakan *hansard*, supaya memberi *highlights* yang tertentu kepada pihak yang berwajib. Oleh yang demikian, kita telah mendengar pendebat yang terakhir, Ahli Yang Berhormat Beting Maro. Saya pun ada dua rangkap pantun.

*Pergi Beladin membeli ragi,
Hari Isnin kita bersidang lagi.*

Insya-ALLAH. Ahli-ahli Yang Berhormat, the Sitting is now adjourned, and the House shall resume its Sitting at 9.00 a.m. on Monday, 27th November 2023. Insya-ALLAH.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.07 petang)